

Jilid II
Bil. 11



Hari Khamis
14hb Mei, 1992

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2517]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Pengurusan Visa Haji oleh Kerajaan Arab Saudi—Y.B. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa) [Ruangan 2638]

RANG-UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 1992 [Ruangan 2656]

USUL-USUL:

**Akta Prosedur Kewangan 1957 (Pindaan 1972)—Menambah Butiran Baru:
“Kumpulanwang Amanah Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam”
[Ruangan 2642]**

Pengantungan Kerja Y.B. Tuan Lim Kit Siang sebagai Ahli Majlis [Ruangan 2678]

PENANGGUHAN MESYUARAT [Ruangan 2680]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
IBU PEJABAT, KUALA LUMPUR
1994

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.UN.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S (Temerluh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RALEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UNGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.I.S. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARIIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelulong).

Yang Berhormat TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMAD KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 14hb Mei, 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

INSTITUSI PENDIDIKAN
SWASTA—DASAR KERAJAAN

1. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah dasar Kerajaan mengenai institusi-institusi pendidikan swasta dari segi modal, perurusan, pentadbiran dan hak-milik (warganegara Malaysia, asing dan bumiputera);
- (b) apakah pandangan dan dasar Kerajaan mengenai perkembangan institusi-institusi ini ke luar negeri; dan
- (c) berapakah jumlah lesen yang telah dikeluarkan, kepada siapa dan berapa telah bergerak mengikut bidang, negeri dan sebagainya.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Permohonan untuk menubuhkan institusi pendidikan swasta bagi mengendalikan kursus pendidikan selepas menengah iaitu

ijazah atau separa ijazah, diploma, matrikulasi dan sebagainya, boleh diluluskan oleh Kementerian Pendidikan jika penubuhan itu mematuhi peruntukan undang-undang serta dasar-dasar yang berkuatkuasa pada masa ini.

Antara syarat-syarat yang diambil kira untuk mempertimbangkan permohonan institusi-institusi pendidikan swasta adalah:

- (i) Modal yang disediakan hendaklah mencukupi dan menunjukkan keupayaan dan kapasiti bagi pemohon mengendalikan institusi pendidikan yang dicadangkan.
- (ii) Kesemua ahli lembaga pengurus/pengelola institusi pendidikan swasta hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia. Institusi pendidikan hendaklah mewujudkan pengurusan yang bertanggungjawab dan pentadbiran yang cekap.
- (iii) Institusi pendidikan hendaklah sebahagian besarnya dimiliki oleh warganegara Malaysia selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional. Penglibatan dan pelaburan warganegara asing hanya dipertimbangkan

sekiranya program tersebut benar-benar perlu dikendalikan di Malaysia.

- (b) Kementerian Pendidikan membenarkan penglibatan sektor swasta dalam penubuhan institusi pendidikan jika penubuhan dan pengendalian ini memenuhi peruntukan undang-undang dan dasar-dasar Kementerian berkenanya. Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa penglibatan sektor swasta dalam penubuhan dan pengendalian institusi-institusi pendidikan swasta adalah bertujuan untuk membantu usaha-usaha Kerajaan dalam menyediakan kemudahan pendidikan kepada rakyat terutamanya untuk mereka yang tidak berpeluang atau mendapat tempat di institusi Kerajaan.
- (c) Jumlah lesen yang telah dikeluarkan untuk institusi pendidikan swasta adalah seperti berikut:

<i>Peringkat</i>	<i>Bil. Lesen diluluskan</i>
Menengah	69
Sijil dan Diploma Teknik	9
Sijil dan Diploma Perdagangan	208
Ijazah	16
JUMLAH	302

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan mengenai dengan undang-undang dan dasar kerana saya belum jelas. Terutamanya, saya ingin tahu apakah benar pelabur-pelabur asing boleh memiliki ataupun mendirikan kolej swasta milik asing seratus-peratus tanpa penyertaan ekuiti daripada pelabur-pelabur tempatan. Apakah ini benar? Kalau benar, apakah undang-

undang, peraturan ataupun dasar akan diubah supaya setiap kolej ataupun institusi swasta mempunyai kepentingan pelabur-pelabur tempatan?

Soalan kedua, dari segi pengawasan terhadap Dasar Pelajaran Kebangsaan, walaupun sudah dijawab bahawa Kementerian sentiasa mengawasi perjalanan institusi swasta supaya selaras dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan, tetapi apakah Yang Berhormat sedar ada rungutan dan polemik di kalangan pendidik-pendidik di negara kita bahawa ada institusi swasta tidak memenuhi keperluan dalam konteks Dasar Pelajaran Kebangsaan. Jadi, dari segi pengawasannya, apakah Kementerian bercadang untuk dijadikan syarat supaya setiap kolej swasta ada wakil Kementerian Pendidikan duduk sebagai ahli dalam tiap-tiap lembaga pengarah institusi-institusi pendidikan swasta yang diizinkan beroperasi di negara ini bagi menentukan Dasar Pelajaran Kebangsaan tidak dislewengkan?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya terangkan tadi, memang adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa pelaburan tempatan digalakkan dalam proses penubuhan institusi pendidikan swasta dan kita hanya perlu melibatkan pelaburan dari pelabur-pelabur asing jika kita benar-benar perlukan penglibatan mereka khususnya dari segi kepakaran, dari segi teknologi dan dari segi kebolehan mereka yang kita belum ada, dan ini adalah exception sahaja. Untuk memberikan exception, kita akan kaji dengan teliti bahawa penglibatan pelaburan asing itu tidak akan menjejaskan para pelabur tempatan yang akan mengendalikan kursus-kursus tersebut.

Dari segi sama ada kita mengendalikan syarat-syarat yang memastikan bahawa semua institusi pendidikan swasta mematuhi syarat-syarat, memang

kita mengenakan syarat-syarat tersebut termasuklah syarat-syarat bahawa mereka haruslah mengikuti Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Pembangunan Nasional dan sebagainya. Kementerian Pendidikan sentiasa menghantar wakil-wakil Kementerian menyiasat kalau ada kes-kes tertentu yang kita dapati bahawa mereka tidak mematuhi syarat-syarat yang kita kenakan. Apabila kita dapati mereka tidak mematuhi, kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri belum menjawab soalan yang mengenai

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah pengiktirafan ke atas kelulusan dari institusi-institusi swasta di negara ini kerana terdapat sijil, diploma dari institut swasta tidak diterima oleh jabatan Kerajaan?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham sepenuhnya tentang soalan itu. Semua institusi yang membuat permohonan dan diluluskan oleh Kementerian Pendidikan, khususnya di peringkat ijazah, antara satu syaratnya ialah institusi tersebut hendaklah mematuhi syarat-syarat untuk kita mengiktiraf ijazah tersebut. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, kita mencadangkan supaya universiti-universiti yang hendak bekerjasama dengan pihak-pihak tempatan sebagai langkah pertama hendaklah mendapat pengiktirafan sebelum mereka mengendalikan kursus dari segi twinning program dan sebagainya di negara kita ini.

BADAN PERUNDINGAN ISLAM— FUNGSI

2. Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah fungsi Badan Perundingan Islam;
- (b) apakah cadangan-cadangan yang telah dikemukakan olehnya kepada Kerajaan; dan
- (c) apakah ada cadangan-cadangan yang telah dikemukakan iatu ditolak dan jika sekiranya ada, sila nyatakan apakah cadangan-cadangan tersebut dan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Fungsi Badan Perundingan Islam adalah seperti berikut:
 - (i) menapis dan menilai cadangan-cadangan berkenaan dengan unsur-unsur Islam yang boleh dijadikan asas dan pegangan kepada usaha-usaha pembangunan dan pentadbiran negara;
 - (ii) memberi nasihat asas dan nasihat lanjutan di samping membuat penyesuaian-penyesuaian terhadap bentuk teknologi mengikut lunas-lunas Islam.
- (b) Di antara cadangan-cadangan utama yang diberikan oleh Badan Perundingan Islam kepada Kerajaan adalah seperti berikut:
 - (1) cadangan penubuhan syarikat insurans secara Islam di Malaysia;
 - (2) kemudahan pendidikan agama Islam kepada pelajar-pelajar Malaysia di luar negara;

- (3) Dasar Perumahan Negara dan hubungannya dengan kepentingan penduduk Islam;
- (4) cadangan cara mengatasi masalah penyelenggaraan masjid di seluruh negara;
- (5) cadangan mengenai kajian terhadap penyiaran rancangan-rancangan televisyen yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam dan kebudayaan Melayu.
- (6) cadangan pengubahsuaian ciri-ciri kebudayaan Melayu mengikut kaca-mata Islam;
- (7) cadangan mengkaji masalah kemerosotan pencapaian mutu pelajaran penuntut bumi-putera di peringkat universiti tempatan;
- (8) cadangan mengadakan kelengkapan ketenteraan sendiri bagi negara-negara Islam;
- (9) cadangan kemudahan pendidikan agama Islam di pusat-pusat latihan, teknikal, pengurusan, perdagangan dan sebagainya;
- (10) langkah-langkah meningkatkan taraf kesihatan ibu mengandung, kelahiran dan kesihatan bayi di kalangan rakyat miskin di Malaysia;
- (11) cadangan pengharaman jenis-jenis perjudian yang melibatkan terus pihak Kerajaan.
- (12) langkah-langkah segera mempertingkatkan taraf kesihatan masyarakat Islam di luar bandar;
- (13) cadangan menubuhkan Kumpulanwang Amal Jariah melalui pemotongan sebahagian gaji kakitangan awam secara sukarela yang dikendalikan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam;
- (14) cadangan meminda Small Estate Distribution Act, 1955 (Pindaan 1972) selari dengan lunas-lunas Islam;
- (15) cadangan langkah-langkah segera yang perlu diambil oleh Kerajaan dalam mengatasi masalah Orang Asli;
- (16) cadangan memperkemas pengurusan Lembaga Urusan dan Tabung Haji di dalam mengendalikan masalah jemaah haji;
- (17) kertas cadangan menggubal kaedah pembiayaan kenderaan dan perumahan Kerajaan mengikut lunas-lunas Islam;
- (18) kertas cadangan mengenai peranan media massa dalam menjayakan program penerapan nilai-nilai Islam dan pentadbiran negara;
- (19) cadangan mengkaji dan meminda Group settlement Area Act, 1960 selari dengan lunas-lunas Islam;
- (20) cadangan pindaan kepada Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1963;
- (21) cadangan pindaan Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961;
- (22) cadangan meminda kuasa Mahkamah Syariah;

- (23) cadangan meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963-1967;
- (24) cadangan Pindaan Akta Keterangan 1956;
- (25) cadangan pindaan Akta Membaharui Undang-undang Kahwin dan Perceraian 1964;
- (26) cadangan pindaan Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan;
- (27) cadangan pindaan Civil Law Act, 1956.
- (c) Untuk makluman Yang Berhormat, kebanyakan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Badan Perundangan Islam telah dilaksanakan oleh Kerajaan, manakala cadangan-cadangan yang masih belum dilaksanakan adalah di dalam pertimbangan Kerajaan. Oleh itu tidak timbul persoalan kenapa cadangan-cadangan ini ditolak oleh Kerajaan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, oleh kerana negara dan masyarakat kita dilanda oleh masalah-masalah keruntuhan akhlak, jenayah dan seumpamanya, adakah pihak Badan Perundangan Islam telah mengemukakan kepada Kerajaan cadangan-cadangan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi hasil daripada kegagalannya undang-undang jenayah yang bukan Islam, maka dikemukakan undang-undang jenayah Islam yang terkandung di dalamnya hukum qisas, hudud, takzir dan lain-lain?

Kedua, berdasarkan kepada kenyataan Perdana Menteri, perlu diambil kira bagi melaksanakan Islam ini kepada realiti masyarakat majmuk yang ada di Malaysia dan oleh kerana di dalam Islam ada juga penyelesaian di

dalam masalah masyarakat majmuk dan juga Islam yang. . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan berucap.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Mukaddimah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan asalnya?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Soalannya, adakah Kerajaan memandang bahawa terdapat dalam ajaran Islam itu termasuk penyelesaian di dalam masalah masyarakat majmuk dan lain-lain yang tidak dilaksanakan, ianya tidak sesuai.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, pendekatan Kerajaan ialah mengubati masalah-masalah yang ada di dalam masyarakat adapun hukuman denda dan undang-undang bagi memindanya adalah di peringkat akhir setelah kita memperbaiki suasana masyarakat yang kita warisi begitu lama daripada yang bukan Islam.

Tuan Abdul Malik Munip: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mendengar bahawa cadangan itu merangkumi kepelbagaian bidang yang sangat luas, kami ingin tahu siapakah yang menganggotai Badan Perundangan ini? Dan sama ada ianya juga mengandungi orang-orang yang mahir dalam bidang-bidang yang khusus yang lain yang sangat luas, termasuklah bidang media massa yang disebutkan tadi, bidang perfileman misalnya, bidang-bidang yang boleh memberi kesan dari segi mendidik masyarakat secara umum melalui media.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, ahli tetap Badan Perundangan Islam merangkumi orang-orang yang ahli

dalam pelbagai bidang misalnya pentadbiran, bidang kesihatan, bidang pendidikan dan bidang-bidang lain dalam hal-hal kemasyarakatan. Walau bagaimanapun, apabila ada isu-isu yang timbul dan kertas disediakan untuk isu itu, ahli-ahli lain yang difikirkan layak untuk memberi fikiran dalam hal itu dijemput menghadiri mesyuarat yang khusus itu.

PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI ALAM SEKITAR

3. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) pendirian negara berhubung dengan Persidangan Antarabangsa mengenai alam sekitar yang akan diadakan di negara Brazil tidak berapa lama lagi; dan
- (b) setakat ini, bagaimanakah tindakan antarabangsa yang telah diambil bagi menghadapi tekanan yang semakin kuat terhadap negara ini berkaitan soal pemusnahan dan pencemaran alam sekitar.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pendirian negara berhubung dengan Persidangan Antarabangsa Mengenai Alam Sekitar yang akan diadakan di negara Brazil pada awal Jun ini adalah seperti yang telah disebutkan dalam "Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan". Antara lain perkara-perkara yang akan ditekankan dalam persidangan itu adalah:
 - (i) negara berhak untuk membangun;
 - (ii) negara mempunyai hak kedaulatan ke atas sumber-sumber asli;

- (iii) prinsip-prinsip perhutanan perlu dipersetujui dahulu sebelum negara bersetuju mengambil bahagian dalam Konvensyen Perhutanan; dan
- (iv) untuk membolehkan negara membangun memainkan peranan dalam mengatasi masalah alam sekitar, negara maju menanggung beban kewangan untuk program mengatasi pencemaran alam sekitar melalui satu mekanisma yang demokratik dan "transparent".

- (b) Setakat ini berbagai-bagai tindakan telah diambil bagi menghadapi tekanan yang semakin kuat terhadap negara berkaitan dengan soal pemusnahan dan pencemaran alam sekitar. Antara langkah-langkah ini adalah:
 - (i) menganjurkan persidangan Kedua Menteri-menteri Alam Sekitar dan Pembangunan, untuk menekankan pendirian dan hak-hak negara;
 - (ii) menghantar misi dan delegasi ke negara maju bagi menerangkan usaha-usaha Kerajaan dalam mengawal pemusnahan dan pencemaran alam sekitar serta membenteraskan tuduhan-tuduhan yang tidak benar;
 - (iii) mengedarkan bahan-bahan seperti majalah, risalah dan bahan-bahan pendidikan lain lagi untuk menerangkan program-program pengawalan alam sekitar;
 - (iv) menghadiri forum antarabangsa seperti, dengan izin, Framework Conven-

tion on Climate Change, kepelbagaian biologi atau biodiversity, dengan izin, mesyuarat FAO dan ITTO dan sebagainya bagi mempertahankan dasar dan polisi negara. Selain itu, negara akan menghadiri persidangan di Rio, Brazil bagi menyuarakan pendirian berkaitan isu-isu perhutanan dan Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan.

- (v) Mengemukakan cadangan bagi menghidu dunia melalui satu video dokumentari yang dilengkap dengan buku penerangan bertajuk, dengan izin, "An Initiative for the Greening of the World" yang menerangkan keadaan kehijauan di negara-negara maju berbanding dengan kawasan hijau di Malaysia.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di dalam membanteras masalah pencemaran alam sekitar yang begitu pelbagai cabarannya, saya ingin bertanya sama ada Kerajaan kita pernah dihubungi, pernah diapproach, dengan izin, oleh mana-mana badan antarabangsa dalam konteks memberi bantuan-bantuan sama ada bantuan kepakaran ataupun kewangan di dalam kita membanteras dan mengatasi masalah alam sekitar.

Yang keduanya, saya difahamkan sewaktu lawatan Presiden Bush ke Singapura tahun lalu, dia ada membuat satu cadangan bahawa diwujudkan satu bentuk kerjasama dalam bentuk committee di antara negara-negara maju dengan negara-negara ASEAN di dalam hal membanteras pencemaran alam sekitar ini. Adakah susulan-susulan selanjutnya mengenai hal ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kerjasama dengan badan antarabangsa, setakat ini Malaysia sudah menyertai pelbagai badan antarabangsa seperti UNEP, UNDP, FAO, WHO dan sebagainya, tentang isu-isu alam sekitar yang dihadapi oleh negara kita juga oleh negara-negara sedunia. Dengan itu kerjasama antara negara-negara ini dengan badan-badan antarabangsa adalah akan dipergiatkan dan kita harapkan melalui cara begini kita dapat terus mendapat perkhidmatan dan sokongan daripada pakar-pakar terhadap isu-isu alam sekitar yang diadakan di negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, tentang jawapan soalan yang kedua, kita belum ada apa-apa tindakan susulan tentang cadangan Presiden Bush, semasa beliau melawat ke Singapura itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri secara khusus mengenai dengan soalan yang kedua, menghadapi tekanan yang semakin kuat. Ertinya saya ingin mengetahui sejauh manakah tindakan Kementerian dalam usaha menghadapi suatu kumpulan yang diketuai oleh Bruno Manser yang berpusat di San Francisco yang telah mengguna dua, tiga kerat orang-orang Sarawak termasuk satu, dua Peguam yang menjelajah di seluruh dunia mengadakan tunjuk perasaan dan memungut duit ataupun mengadakan fund raising, dengan tujuan yang mengaitkan dengan isu alam sekitar yang bertujuan memburuk nama baik negara Malaysia yang didedah oleh Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sendiri baru-baru ini.

Dan soalan yang kedua, saya ingin mengetahui sejauh manakah kejayaan Persidangan Kedua Menteri-menteri Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar baru-baru ini. Dan apakah benar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di waktu perasmian persidangan

tersebut mendapat sambutan daripada negara-negara membangun?

Saya minta Yang Berhormat memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini di atas hasil persidangan tersebut.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan yang pertama itu, tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan negara kita melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan juga Kementerian Perusahaan Utama adalah memberi penerangan yang sebenarnya kepada negara-negara membangun tentang fitnah yang disiarkan atau yang diperluaskan oleh kumpulan-kumpulan yang diketuai oleh aktivis-aktivis seperti Bruno Manser.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya setakat ini Menteri Perusahaan Utama masih di Eropah untuk mengetuai satu misi dengan tujuannya ialah memberi penerangan yang sebenarnya tentang apa yang berlaku di negara kita apabila kita membalakkan perhutanan. Tujuannya ialah untuk mengatasi atau memberi penerangan yang betul dan sebenarnya kepada badan-badan berkanun atau NGOs, dengan izin, di negara-negara tersebut.

Tentang ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apabila beliau merasmikan mesyuarat atau persidangan Menteri-menteri negara-negara membangun di Kuala Lumpur baru-baru ini, sukacita saya melaporkan kepada Dewan yang mulia ini, sambutan adalah amat baik. Sebenarnya apabila beliau menghabiskan ucapannya, berbagai delegasi atau ketua delegasi terus berjumpa Perdana Menteri kita untuk memberi tahniah dan syabas kepada beliau.

Saya hendak menarik kepada sedikit ucapan sebagai satu rekoleksi atau maklumbalas tentang apa yang berlaku dalam ucapan Perdana Menteri kita pada hari itu.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ini tentang perhutanan anti tropika:

“When the anti-tropical timber campaign did not attract sufficient attention, a human face was added to it. The Penans are the gentle law-abiding people numbering about 10,000. The anti-tropical timber activities see in the Penans an opportunity to put a human face to their campaign for temperate timber. And so the gentle Penans are urged to be militant, to protest, to erect blockages and to defy the authorities”.

Ucapan dalam majlis perasmian itu telah disambut baik juga. Ertinya perkara-perkara yang berlaku tentang tunjuk perasaan tentang peranan atau kedudukan Penan dan sabagainya terus dibanteras dalam ucapan Perdana Menteri kita dan itupun disambut dengan baiknya. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lau Dak Kee.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Lau Dak Kee tidak hadir)

PERNAS—PENCAPAIAN KEMAJUAN

5. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan Kerajaan telah mengarah Permodalan Nasional Berhad mengkaji semula objektif penubuhan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) untuk disesuaikan dengan kehendak masa kini, setakat ini apakah kemajuan yang telah dicapai, kerana nama PERNAS kurang disebut akhir-akhir ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana biasa Kerajaan akan

senantiasa mengkaji peranan dan objektif agensi-agensi ataupun syarikat-syarikat yang ditubuhkan dengan tujuan tertentu dari masa ke semasa untuk memastikan peranan dan objektif agensi-agensi dan syarikat-syarikat Kerajaan adalah selaras dengan dasar-dasar Kerajaan yang digunapakai pada sesuatu masa.

Di samping proses yang tersebut di atas, PERNAS sebagai sebuah agensi yang ditubuhkan untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor ekonomi mempunyai peranan dalam melaksanakan resolusi-resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga. Setakat mana dan bagaimana perkara ini akan mempengaruhi haluan dan peranan PERNAS, jika ada, belum dapat dipastikan lagi.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui adakah PERNAS benar-benar mengamalkan konsep payung dari segi menolong peniaga-peniaga bumiputera dalam bidang yang PERNAS melibatkan diri, di samping mencari keuntungan. Berapakah peniaga-peniaga bumiputera yang telah mendapat manfaat daripada penubuhan PERNAS?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, PERNAS ditubuhkan bagi tujuan untuk menentukan penglibatan bumiputera dalam bidang-bidang di mana modal bumiputera secara persendirian tidak mampu diusahakan. Oleh itu, penglibatan PERNAS adalah di dalam bidang perhotelan, hartanah, peruncitan, pembuatan, bank dan kewangan serta perkapalan.

Kalau hendak melihat dari segi jumlah, saya tidak angka yang menunjukkan berapa ramai bumiputera telah dapat dimanfaatkan tetapi kalau lihat kepada PERNAS Edar dan juga

peranan PERNAS dalam menyediakan secara wholesale untuk barang-barang bangunan (building materials) ia telah dapat membantu dan memainkan peranan kepada usahawan bumiputera dalam bidang-bidang tersebut.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah benar PERNAS akan diswastakan, iaitu bahawa PERNAS akan menjual saham-sahamnya kepada rakyat Malaysia, terutamanya bumiputera sepertimana yang telah dibuat seperti TEN ataupun Telekom Malaysia. Kalau benar, bilakah proses penswastasaan ini akan berjalan?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana salah satu dasar Kerajaan ialah di mana kita perlu untuk melepaskan pemilikan Kerajaan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan, PERNAS juga akan melalui. Buat masa ini, ia adalah dalam peringkat pengkajian dan apabila telah sedia, ia akan dibentangkan kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan.

LUMUT MENJADI TEMPAT BAIKPULIH KAPAL TENTERA AMERIKA

6. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah perjanjian yang dibuat di antara negara ini dan pihak Amerika Syarikat dalam penggunaan Lumut sebagai tempat memperbaiki kapal-kapal tentera Amerika.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia telah secara rasminya menawarkan kemudahan baikpulih dan senggaraan di Limbongan Lumut kepada Tentera Laut Amerika Syarikat. Tawaran ini dibuat berasaskan perinsip ekonomi dan perniagaan. Sebarang

perjanjian bagi keperluan baikpulih atau senggaraan akan dibuat di antara Limbongan Lumut dan Tentera Laut Amerika Syarikat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, berapakah bayaran yang diterima oleh pihak syarikat berkenaan dalam perjanjian yang telah dibuat dengan pihak Amerika Syarikat?

Yang kedua, apakah pekerja-pekerja yang akan membaikpulih kapal-kapal itu terdiri daripada rakyat Malaysia ataupun rakyat Amerika?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tentang bayaran-bayaran perkhidmatan senggaraan dan baikpulih ini adalah bergantung kepada kerja-kerja yang akan dibuat berdasarkan kepada keperluan dan kapal-kapal yang tertentu. Saya tidak dapat memberikan perangkaannya di sini pada masa ini.

Berkenaan dengan pekerja ini, sebenarnya Limbongan Lumut ini adalah sebuah limbongan yang telah sedia ada yang dahulunya adalah kepunyaan Tentera Laut Malaysia tetapi telah diperbadankan sekarang ini menjadi Limbongan Lumut dan kita akan mengekalkan pekerja-pekerja yang sedia ada. Walau bagaimanapun, jika kepakaran diperlukan dan pakar-pakar yang kita perlukan itu tidak dapat kita adakan dalam negara ini, maka mungkin kita akan mengambil pakar-pakar dari luar negeri mengikut keperluan tertentu.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi bahawa perjanjian ini hanya tertumpu kepada aspek perniagaan. Apakah di masa-masa yang akan datang perjanjian ini akan dikembangkan dengan kerjasama ketenteraan dan sebagainya?

Yang kedua, oleh kerana dengan perjanjian ini wujudnya satu pengkalan baru tentera Amerika di negara kita, apakah ini di masa yang akan datang akan mengancam konsep ZOPFAN iaitu Aman, Bebas dan Berkecuali yang pada satu masa dahulu dipelopori oleh Malaysia dan Malaysia adalah jaguh dalam mewujudkan rantau Asia Tenggara satu kawasan aman, bebas dan berkecuali. Bukankah ini suatu ancaman secara langsung yang telah diwujudkan oleh Malaysia sendiri terhadap konsep ZOPFAN tadi?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tidak akan timbul adanya kerjasama ketenteraan ini oleh kerana penyelenggaraan dan juga baikpulih ini adalah berasaskan pertimbangan komersil dan juga perniagaan yang mana kapal-kapal ini akan singgah di limbongan ini bila mereka memerlukan khidmat dan setelah kapal-kapal ini disenggara dan dibaiki, kapal-kapal ini akan meninggalkan negara kita dan belayar menuju ke destinasi yang telah ditetapkan. Jadi, tentang kerjasama ketenteraan tidak timbul langsung.

Yang kedua, tidak ada sedikit pun ancaman yang akan berlaku kerana kapal-kapal ini berhenti untuk membaiki dan menyelenggara kapal-kapal. Jadi oleh sebab itu, ianya bukanlah satu pengkalan. Yang Berhormat haruslah faham perbezaan di antara pengkalan tentera dengan tempat membaiki kapal. Limbongan Lumut ini hanyalah untuk membaiki dan menyelenggara kapal. Yang di Subic, Filipina itu dan sebagainya adalah pengkalan tentera. Kita buka tempat pengkalan tentera, tetapi tempat berlabuh sementara untuk kapal-kapal tentera Amerika Syarikat ini membaiki kapal mereka dan menyelenggara kapal-kapal itu. Malahan kita juga harus mengambil kira bahawa tempat-tempat lain juga telah menerima perkhidmatan seperti, ini dan negara kita harus berbangga bahawa sebuah kuasa

besar dunia seperti Amerika Syarikat mengiktiraf keupayaan kita dan kemudahan Limbongan Lumut ini.

UDA/MARA—PRESTASI

7. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) sama ada pelaksanaan 13 buah Perbadanan Kemajuan Negeri termasuk UDA dan MARA dianggap memuaskan bagi tempoh kebelakangannya;
- (b) di antara agensi-agensi tersebut, berapakah telah mengalami kerugian (jika ada) dan berikan nama-namanya. Apakah tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan ini;
- (c) sama ada Kementerian telah mengesan kes-kes penyelewengan dan menyalahgunakan kuasa oleh agensi yang berkaitan; dan
- (d) sila berikan apa rupa tindakan akan diambil sekiranya Ketua atau pegawai agensi tersebut telah melibatkan diri dalam penyelewengan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam adalah merupakan agensi-agensi yang memainkan dua peranan utama, iaitu sebagai agensi pembangunan dan dalam masa yang sama sebagai agensi sosial. Ukuran kejayaan berasaskan pulangan atas pelaburan tetap merupakan asas pertimbangan yang utama dalam melaksanakan sesuatu projek di bawah Kementerian.

- (a) Namun demikian, dalam menilai prestasi agensi-agensinya, Kementerian tidak hanya melihat

kepada aspek kewangan semata-mata, keberkesanan agensi haruslah dilihat dari perspektif yang lebih luas dan global yang juga meliputi limpahan-limpahan yang wujud dari kegiatan agensi seperti mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, perniagaan serta pembasmian kemiskinan sesuai dengan objektif asal penubuhan agensi-agensi itu sendiri. Suka saya menyatakan di sini bahawa Kementerian Perusahaan Awam amat berpuas hati dengan prestasi dan pencapaian agensi-agensinya.

- (b) Kesemua 16 agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam menunjukkan prestasi kewangan yang memuaskan kecuali PKEN Sabah dan Melaka. Walau bagaimanapun, kedua-dua agensi tersebut telahpun mengambil langkah-langkah tertentu bagi memperbaiki kedudukan kewangannya seperti peningkatan mutu kerja dan pengurusan melalui latihan-latihan, pengemaskinian pengurusan kewangan serta langkah-langkah lain yang bersesuaian.
- (c) Mengenai soalan ketiga dan keempat, sehingga kini, Kementerian Perusahaan Awam belum lagi menerima apa-apa laporan tentang penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa mana-mana agensi di bawah Kementerian. Sungguhpun demikian, semua bentuk tindakan disiplin sekiranya perlu adalah seperti mana yang diperuntukkan di dalam Perintah Am Bab D yang meliputi semua pegawai-pegawai awam tidak kira di peringkat atasan mahupun peringkat bawahan serta juga berperaturan dan peruntukan undang-undang lain yang sedia ada.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri yang bersaing dengan peniaga-peniaga bumiputera sedangkan matlamat penubuhan perbadanan ini adalah untuk mewujudkan dan membina entrepreneur bumiputera dan kadangkala disebabkan oleh saingan ini ada anak-anak syarikat perbadanan sendiri mengalami kerugian. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, adakah tindakan-tindakan yang sesuai diambil supaya sikap seperti ini ataupun amalan seperti ini dapat dihentikan supaya tidak berleluasa?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kadangkala agensi-agensi Kerajaan ini telah terkeluar daripada tugas dan matlamat penubuhan asalnya?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya apa yang berlaku ialah PKEN mengambilalih untuk membaikpulih syarikat bumiputera yang tidak berdaya maju dan tidak wujud sebagai penyaing seperti yang dikatakan. Contoh mengenai ada anak-anak syarikat perbadanan iktisas sebagai entiti perniagaan-perniagaan yang lain, persaingan tidak dapat dielakkan dan anak-anak syarikat perbadanan beroperasi mengikut lunas-lunas keperluan menjaga viability perjalanan perniagaannya.

Saya suka mengingatkan bahawa Kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat, kumpulan peniaga atau pengusaha bumiputera yang gigih yang saya yakin tidak selalu menggunakan kes-kes contoh tidak dapat menyaingi anak-anak syarikat PKEN kerana akhirnya matlamat setiap usahawan bumiputera adalah untuk menjadi

usahawan yang berdikari, berkaliber, berani dan berkebolehan untuk bersaing dalam dunia perniagaan.

Bagi menjelaskan tentang peranan-peranan PKEN di dalam melaksanakan tugasnya sebagai jentera penggerak kepada pertumbuhan ekonomi, kita sedia maklum bahawa PKEN biasa menggunakan di dalam perancangannya mengkaji cara-cara baru bagi mempertingkatkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan sekarang. Dan dalam hubungan ini PKEN selalu berjalan secara berusahasama dengan agensi-agensi lain untuk menjalinkan atau menggalakkan pertumbuhan peniaga-peniaga atau usahawan-usahawan di peringkat kecil dan sederhana yang berpotensi dalam sektor-sektor perdagangan dan perkhidmatan yang sekarang ini sudahpun dirancang dan dilaksanakan.

Berkenaan dengan sama ada Kementerian ini sedar bahawa separuh agensi di dalam Kementerian itu ada terkeluar, setiap tahun Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan Jabatan-jabatan ataupun SEDC-SEDC ini dijalankan dan di setiap perjumpaan ini biasanya pertimbangan atau penilaian di atas perjalanan-perjalanan agensi-agensi ini dilakukan dan setiap masalah timbul untuk memastikan supaya perkara-perkara ini diatasi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada jawapan Yang Berhormat tadi, adakah benar bahawa Yang Berhormat Menteri sendiri ada mengakui bahawa terdapat setengah-setengah agensi yang bersaing dengan syarikat-syarikat bumiputera yang tertentu dan beliau juga mengatakan bahawa beliau akan mengarahkan koperasi-koperasi yang tertentu untuk memberhentikan projek-projek yang secara langsung bersaing dengan usahawan-usahawan bumiputera?

Adakah benar bahawa pihak Yang Berhormat Menteri sendiri ada mengatakan bahawa salah satu tugas ataupun peranan yang boleh dimainkan oleh agensi-agensi tersebut ialah untuk membina lebih banyak prasarana ataupun infrastruktur dan kemudahan-kemudahan yang lain dan juga meraih keuntungan daripada projek-projek untuk menarik pelancong-pelancong seperti industrial park dan sebagainya?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya telah mengatakan bahawa agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam tidak diwujudkan untuk bersaing. Yang ada ialah kita memberi bantuan kepada syarikat-syarikat bumiputera yang sakit seperti di mana kalau ada syarikat-syarikat yang mengalami kerugian, umpamanya, PKEN bertindak memulihkan syarikat-syarikat demikian atau menjual kepentingan syarikat kepada yang berminat ataupun, kalau ada syarikatnya yang tidak beroperasi dengan baik dan dianggap tidak mendatangkan keuntungan, dia menutup operasinya. Jadi, dalam keadaan demikian, saya tidak nampak bagaimana dikatakan bahawa syarikat-syarikat yang dimiliki oleh agensi Kementerian Perusahaan Awam itu selalu dianggap sebagai bersaing.

Berkenaan dengan apa yang dikeluarkan kenyataan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa PKEN akan sentiasa meluaskan pasarannya untuk mempertingkatkan penyertaan yang boleh dimainkan oleh agensi-agensi di bawah Perusahaan Awam supaya selaras dengan Dasar Ekonomi Pembangunan Negara untuk memastikan supaya peranan agensi-agensi PKEN akan sentiasa menjadi penggerak dan juga penganap kepada semua usaha-usaha tindakan dengan agensi-agensi yang lain-itu benar, apa yang dikatakan oleh Menteri.

PERKESO—TINDAKAN TERHADAP MAJIKAN YANG TIDAK MENCARUM

8. Dr T. Marimuthu minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bahawa Jabatan-jabatan Sumber Manusia di negeri telah menubuhkan pasukan khas untuk mengenalpasti kontraktor-kontraktor yang tidak mencarum kepada KWSP dan SOCSO (PERKESO) bagi pekerja-pekerja mereka:

- (a) berapa kontraktor-kontraktor seperti ini yang ditahan di seluruh negara; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil atas mereka.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Pasukan khas yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya ditubuhkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial atau PERKESO dengan tujuan membuat pemeriksaan pintu ke pintu bagi mengesan majikan-majikan yang layak berdaftar di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969. Tetapi mengenai yang belum berdaftar, sejak pemeriksaan itu dimulakan dalam tahun 1991 sehingga bulan Mac 1992, sebanyak 54,664 perusahaan telah dilawati di seluruh negara dari mana sebanyak 3,717 didapati layak tetapi belum berdaftar.
- (b) Adalah menjadi dasar PERKESO supaya tindakan pendakwaan diambil hanya setelah lain-lain cara untuk mendapatkan majikan mendaftar atau mencarum tidak berjaya. Berkenaan dengan majikan yang dikesan daripada pemeriksaan pintu ke pintu yang tidak mendaftar walaupun layak, mereka telah diberi borang untuk mendaftar, dan kebanyakan dari

mereka itu telah pun mendaftar. Mereka tidak akan didakwa setelah mereka mendaftar dan membayar semua caruman mereka. Hanya majikan yang masih enggan mendaftar dan membayar caruman setelah diarahkan akan didakwa. Di sini saya juga ingin memaklumkan bahawa PERKESO akan terus membuat pemeriksaan seumpama ini dan pihak PERKESO telah menambah bilangan kakitangan untuk menampung keperluan ini.

AIDS—PAMPASAN KEPADA MANGSA

9. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang membayar pampasan kepada mereka yang menghidapi penyakit AIDS akibat pemindahan darah yang tercemar virus HIV semasa menjalani pemindahan darah;
- (b) sehingga mana kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan mengenai satu Skim Insuran Kesihatan Kebangsaan; dan
- (c) sejauh mana cadangan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri tahun lepas mengenai perkhidmatan haemodialysis di hospital Kerajaan dan sama ada Kerajaan telah menerima apa-apa cadangan daripada mana-mana pihak yang berminat.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan tidak bercadang membayar pampasan kepada mereka yang

dijangkiti penyakit AIDS akibat pemindahan darah yang tercemar melainkan bersabit dan terbukti terdapatnya, dengan izin, negligence ataupun kecuaiian yang reckless daripada pihak kakitangan Kementerian Kesihatan. Sejak tahun 1986, Kerajaan telah pun mengambil tindakan memastikan bekalan darah selamat dengan menjalankan ujian saringan untuk penyakit AIDS ke atas semua darah yang didermakan di 49 buah pusat saringan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, jika adanya berlaku jangkitan melalui pemindahan darah, Kementerian Kesihatan akan memberi segala perkhidmatan rawatan yang sewajarnya kepada pesakit tersebut.

- (b) Kajian kemungkinan bagi menubuhkan Tabung Keselamatan Kesihatan Negara (TKKN) sedang dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.

Kajian Fasa I dan II telah pun disempurnakan dan kajian lanjutan diperlukan untuk menentukan beberapa aspek iaitu aspek kemungkinan skim pembiayaan kesihatan yang sesuai serta implikasinya terhadap semua golongan masyarakat termasuk golongan rakyat yang berpendapatan rendah.

Skim ini akan diperakukan untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan hanya selepas menentukan segala aspek dan cara-cara pembiayaan termasuk penyediaan rawatan kesihatan yang sama mutunya kepada seluruh rakyat di Malaysia; kita tidak mahu mengulangi kesilapan-kesilapan yang

dialami oleh beberapa negara yang telah pun mengamalkan perkhidmatan kesihatan yang sedemikian.

- (c) Kementerian ada menerima cadangan penswastaaan perkhidmatan haemodialysis di hospital-hospital Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, Kementerian belum bercadang untuk menswastakan perkhidmatan tersebut di hospital-hospital Kementerian Kesihatan.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian ini menggalakkan penubuhan perkhidmatan haemodialysis swasta yang berasingan sebagai tambahan kepada perkhidmatan yang sedia ada dengan syarat ianya memenuhi keperluan-keperluan tertentu bagi memastikan perkhidmatan yang diberi kepada pesakit adalah berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan adalah lebih baik untuk seseorang pesakit ataupun kesejahteraan seseorang pesakit buah pinggang itu untuk menjalani rawatan-rawatan cara lain seperti dengan izin, continuous ambulatory peritoneal dialysis, ataupun pemindahan buah pinggang iaitu transplant of the kidney, kerana pergantungan kepada mesin haemodialysis adalah untuk sepanjang hayat, dan tentu sekali kualiti kehidupannya amatlah rendah sekali. Setiap kali ia terikat kepada mesin tersebut selama 4-6 jam kadang-kadang 8 jam, 2 atau 3 kali sebulan, maka ia akan hilang kualiti hidup yang biasa.

Kementerian Kesihatan sedang menjalankan suatu soal-selidik yang terhad tentang penerimaan orang ramai terhadap pembedahan pemindahan buah pinggang pesakit-pesakit yang mengalami renal failure, para nephrologists berpendapat ini adalah

lebih bersesuaian untuk meningkat kualiti hidup pesakit tersebut. Penderma-penderma daripada sanak-saudara perlu dicari dan sebenarnya boleh menderma salah sebuah buah pinggangnya dan ia tidak akan mengalami apa-apa penurunan kualiti hidup.

Saya ada seorang kawan yang telah pun mendapat sebuah buah pinggang adiknya, dan kedua-dua mereka sihat dan hidup seperti sediakala dan tidak lagi bergantung kepada mesin haemodialysis. Saya meminta pesakit-pesakit buah pinggang supaya berjumpa dengan para pakar masing-masing untuk berbincang kemungkinan dilakukan pemindahan buah pinggang ataupun mendapat rawatan yang saya sebutkan tadi iaitu continuous ambulatory peritoneal dialysis.

Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini boleh memainkan peranan untuk meninggikan kualiti hidup pesakit-pesakit buah pinggang.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Kerajaan tidak mahu menswastakan unit-unit haemodialysis di hospital-hospital Kerajaan, adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi unit-unit ini di hospital yang berkenaan kerana pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, permintaan untuk penggunaan mesin haemodialysis ini adalah meningkat dari masa ke semasa?

Soalan yang kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa Kementerian menggalakkan pemindahan buah pinggang. Jadi, saya ingin tahu apakah pihak Kerajaan dan perkhidmatan kesihatan negara ini mempunyai cukup pakar-pakar bedah di dalam bidang yang tertentu kerana sebelum ini kita tidak mengetahui bahawa kemudahan ini wujud di negara kita?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian

Kesihatan memang sentiasa menambah bilangan mesin-mesin ini dan hari ini dapat banyak mesin-mesin yang telah pun diletakkan di beberapa buah hospital. Soalan berkenaan bilangannya telah pun saya jawab pada masa-masa yang lepas, tetapi walau bagaimana banyakpun kita tambah ia tidak mencukupi, oleh kerana itulah maka kita menggalakkan supaya pesakit-pesakit tersebut mengambil alternative remedies, dengan izin. Kepakaran nephrology ada terdapat di negara kita ini, tetapi kita juga menggalakkan supaya orang-orang yang berkeupayaan untuk menggunakan alternative route untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak dapat penjelasan tambahan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Kementerian Kesihatan atau Kerajaan Malaysia menggalakkan menukar buah pinggang dari penderma atau unrelated life donor. Saya ulang sekali lagi, unrelated life donor, sekiranya ini akan digalakkan, adakah Kerajaan Malaysia akan memberi rawatan dan kemudahan di hospital Kerajaan untuk membantu mereka yang dapat pertukaran buah pinggang dari unrelated life donor?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi bahawa Kementerian Kesihatan sedang menjalankan satu soal selidik secara terhad mengenai dengan penerimaan orang ramai terhadap pemindahan buah pinggang antara unrelated life donor dengan unrelated dead donor. Jadi, belum dapat lagi satu rumusan yang jelas, dan apabila soal-selidik ini dijalankan dan diselesaikan, insya Allah, saya akan umumkan di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Philip Yong Chiew Lip.

(Soalan No. 10-Y.B. Tuan Philip Yong Chiew Lip tidak hadir).

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN LUAR BANDAR

11. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan tentang program latihan "Keusahawanan Luar Bandar" yang ditawarkan kepada usahawan dari segi:

- (a) berapa ramaikah usahawan dari Sarawak yang diberi dan mengikuti latihan ini;
- (b) bagaimanakah cara hendak memohon latihan ini serta jadual kekerapan latihan sebegini diadakan;
- (c) apakah subjek/kurikulum latihan, dan apakah tindakan susulan dari program ini; dan
- (d) apakah kriteria yang digunakan untuk memilih peserta.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, program latihan yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah dikenali sebagai "Program Pembangunan Usahawan Luar Bandar".

- (a) bilangan peserta dari Sarawak yang telah mengikuti latihan ini mulai tahun 1991 hingga sekarang (April 1992) ialah seramai 540 orang.
- (b) Permohonan untuk mengikuti latihan ini boleh dikemukakan kepada Pengarah KEMAS Negeri. Jadual latihan bagi negeri Sarawak yang telah dirancang dalam tahun 1992 adalah sebanyak 4 kali iaitu seperti tarikh-tarikh berikut:
 - (i) 26hb-29hb Februari, 1992.
 - (ii) 8hb-11hb Mei, 1992.
 - (iii) 2hb-6hb Julai, 1992.

- (iv) 26hb-29hb November, 1992.
- (c) Subjek/kurikulum latihan yang dijalankan adalah seperti berikut:
- (1) Asas perakaunan dan Simpan Kira-kira melalui transaksi tunai.
 - (2) Asas perakaunan dan Simpan Kira-kira melalui transaksi hutang.
 - (3) Peruntukan hutang lapuk dan susut nilai.
 - (4) Account control dan penyesuaian bank.
 - (5) Penyediaan Akaun.
 - (6) Konsep dan asas perakaunan.
 - (7) Akaun syarikat terhad.
 - (8) Sumber penggunaan dana.
 - (9) Pemahaman akaun.
 - (10) Budget dan Anggaran keuntungan.

Tindakan susulan yang diambil oleh Kementerian ini ialah dengan menyemak dan mengkaji penyata akaun syarikat sebelum dan selepas menyertai latihan ini yang dikemukakan kepada Kementerian untuk penilaian.

- (d) Kriteria yang digunakan untuk memilih peserta ialah terbahagi kepada dua:
- (i) bakal-bakal usahawan yang memohon bantuan di bawah Program Perusahaan Luar Bandar; dan
 - (ii) usahawan-usahawan yang telah menerima bantuan di bawah Program Perusahaan Luar Bandar.

Tuan Michael Lisa Kaya: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan bagaimanakah

prestasi usahawan-usahawan yang telah terlibat di dalam latihan yang dijalankan oleh Kementerian Luar Bandar? Dan apakah masalah-masalah utama yang mereka hadapi dan cara-cara mereka dapat mengatasinya?

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan dalam jawapan saya tadi, dari segi penilaian prestasinya ialah kita akan menyemak akaun-akaun mereka sebelum dan selepas mereka mengikuti kursus-kursus ini. Dan dari situ juga kita akan dapat mengenalpasti sama ada mereka dapat menghayati kursus-kursus yang telah kita berikan dan dari situ juga kita akan dari masa ke semasa mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Dan juga ingin dinyatakan bahawa ini adalah bermula dari tahun 1991 hingga 1992 maka kita masih mengikuti berkenaan dengan kekesanan latihan yang diberikan kepada usahawan-usahawan ini.

LUMUT SEBAGAI PENGKALAN TENTERA AMERIKA

12. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) adakah benar pihak Amerika telah meminta supaya Pengkalan TUDM di Lumut menampung sebahagian dari kelengkapan Pengkalan Tentera Amerika yang terpaksa dikosongkan dari Teluk Subic;
- (b) jika ada, apakah permintaan itu dan apa reaksi dari pihak Malaysia; dan
- (c) mengapa Menteri Pertahanan bersetuju mengadakan pertemuan bagi membolehkan pihak Amerika mengemukakan perkara itu.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya

telah menjawab soalan Yang Berhormat ataupun yang hampir-hampir sama maksudnya semasa saya menjawab soalan Ahli dari Rantau Panjang pada hari ini tadi. Saya tidak ada maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

**JABATAN PERTAHANAN
AWAM MALAYSIA—
MEMPERBESARKAN**

13. Tuan Richard Riot Anak Jaem minta Menteri Dalam Negeri menyatakan rancangan Kerajaan untuk mengembangkan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia di seluruh negara lebih-lebih lagi di negeri Sarawak kerana setakat ini ramai yang tidak sedar tentang kewujudan dan fungsinya.

Setiasaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk memperbesarkan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia yang ada pada masa ini. Ini memandangkan bahawa dengan 25 pejabat cawangan di seluruh negara termasuk 4 di Sarawak adalah memadai untuk melaksanakan fungsi-fungsi Jabatan pada masa ini. Walau bagaimanapun, Jabatan sedang memperhebatkan usaha-usaha ke arah mewujudkan golongan masyarakat yang responsif terhadap bencana dan ahli-ahli Pasukan Pertahanan Awam yang efektif menerusi kursus-kursus khas.

Kursus-kursus khas ini membolchkan mereka mengetahui langkah dan cara bertindak yang awal apabila menghadapi sesuatu keadaan bencana dan akan dapat menjadikan mereka sebagai warga yang bertanggungjawab, sedia membantu dan penyayang.

Disamping itu, usaha juga sedang dilaksanakan untuk menambahkan lebih banyak unit Pertahanan Awam di berbagai tempat yang strategik dan akan diberikan latihan yang bersesuaian dengan keperluan dan keadaan semasa.

**PEMULIHAN HUTAN DAN
PROGRAM PENGHUTANAN
SEMULA**

14. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah perancangan mengenai Penghutanan (afforestation) dan Penghutanan Semula (reforestation) terutama sekali dalam konteks dasar Kerajaan mengurangkan eksport balak di Malaysia terutamanya di Sarawak.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sentiasa memastikan bahawa setiap perancangan yang dibuat terhadap sektor perhutanan negara menepati matlamat pengurusan hutan secara teratur dan berkekalan. Usaha-usaha sewajarnya telah dan sedang diambil untuk menggantikan sumber hutan yang diusahahasilkan. Antaranya menerusi kegiatan pemulihan hutan dan program penghutanan semula kawasan hutan miskin. Di samping itu, rawatan silvikultur juga dijalankan bagi kawasan hutan produktif di kawasan Hutan Simpan Kekal yang telah diusahahasilkan.

Program penghutanan semula yang dilaksanakan menerusi penubuhan ladang-ladang hutan dilancarkan pada tahun 1982 adalah meliputi beberapa negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Johor, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, Perak dan Kelantan. Matlamat projek ini adalah bagi mewujudkan seluas 188,000 hektar ladang hutan yang ditanam dengan species yang cepat membesar bagi tujuan penghasilan kayu guna untuk keperluan negara bagi tempoh 15 tahun.

Sehingga akhir tahun 1991, keluasan ladang hutan yang ditanam semula di Semenanjung ialah 45,368 hektar. Di Sabah, perladangan hutan telah dimulakan pada tahun 1973 dengan penubuhan Sabah Softwood Sdn. Bhd.

dan pembangunan ladang hutan di negeri tersebut telah dipesatkan lagi dan dengan penubuhan Lembaga Kemajuan Hutan Sabah (SAFODA) bertujuan bagi penghutan semula kawasan penanaman pindah kawasan dan kawasan lalang. Penubuhan Sabah Forest Industries juga turut membantu dalam usaha penanaman ladang hutan di negeri tersebut. Keluasan ladang hutan di negeri Sabah sehingga 1991 ialah 64,194 hektar.

Manakala di Sarawak, Kerajaan Negeri telah melaksanakan usaha penghutan semula dalam kawasan Hutan Simpan Kekal yang telah digunakan oleh penduduk-penduduk tempatan untuk penanaman pindah. Usaha ini juga bertujuan bagi memulihkan kawasan hutan yang rosak akibat kegiatan tanaman pindah tersebut, di samping memastikan pemuliharaan itu menepati keperluan bagi melindungi alam sekitar. Setakat akhir tahun 1991, seluas 7,000 hektar ladang di kawasan Hutan Simpan Kekal telahpun dibaikpulihkan dan ditanam dengan spesis yang cepat membesar seperti Acacia Mangium dan kadar penanaman pula adalah di sekitar 2,000 hektar setahun.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 10, 15 hingga 82 adalah diberi di bawah ini).

KAJIAN UNJURAN LALULINTAS

4. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kementeriannya sedar bahawa jalan raya-jalan raya di seluruh Semenanjung Malaysia tidak mampu untuk menampung pertambahan jumlah pengguna jalan raya sekarang dan pada masa akan

datang. Khasnya pada musim perayaan, jika sedar, sebutkan langkah-langkah sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas yang semakin lama semakin buruk.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa membuat kajian unjuran lalulintas (traffic volume forecast) untuk merancang pembinaan jalan raya di seluruh negara. Kajian-kajian ini dijalankan baik semasa musim perayaan ataupun dalam keadaan biasa.

Dengan mengambilkira kajian-kajian ini serta pembangunan sosio-ekonomi negara, penggunaan guna tanah dan kehendak pengguna jalan raya, maka Kerajaan akan mengambil tindakan untuk sama ada menaikkan taraf jalan yang sedia ada ataupun membina lebuh raya baru.

Sepertimana Yang Berhormat telah maklum, ekonomi negara sekarang dan tahun-tahun kebelakangan ini telah berkembang dengan pesat. Oleh yang demikian Kerajaan telah merancang supaya kemudahan infrastruktur seperti infrastruktur jalan mencukupi untuk menampung pembangunan yang pesat ini. Peruntukan sebanyak \$6,190 juta telahpun disediakan dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk jalan raya dan jambatan di bawah Kementerian Kerja Raya.

Sebagai contohnya Kerajaan sedang membina Lebuh raya Utara-Selatan bagi menampung pertambahan trafik di sebelah pantai barat yang menghubungkan bahagian dari Utara ke Selatan.

Di samping itu juga usaha akan diambil untuk menaikkan taraf jalan di laluan 1, 2 dan 3. Sepertimana yang dijelaskan sebentar tadi semua jalan di mana-mana negara dirancang hanya untuk menampung kehendak lalulintas

biasa dan bukan untuk kehendak lalulintas di musim-musim perayaan. Adalah tidak ekonomik untuk membina jalan berasaskan kehendak lalulintas di musim-musim perayaan kerana pertambahan bilangan trafik pada musim perayaan boleh mencapai dua atau tiga kali ganda dari biasa.

KEMASUKAN PELAJAR KE TINGKATAN ENAM— KELONGGARAN SYARAT

10. Tuan Philip Yong Chiew Lip minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan ramai pelajar yang mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun lalu tidak diberi tempat untuk memasuki tingkatan enam bawah di sekolah Kerajaan kerana mereka tiada kredit dalam Bahasa Malaysia walaupun mereka mendapat Gred Satu di peringkat SPM di Sabah;

- (a) adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk melonggar syarat-syarat kemasukan supaya pelajar itu dapat memasuki tingkatan enam bawah di sekolah menengah Kerajaan;
- (b) Adakah Kementerian tahu bahawa satu daripada sebab pelajar-pelajar tersebut gagal mendapat kredit di mata pelajaran Bahasa Malaysia ialah kerana kekurangan guru Bahasa Malaysia terlatih di sekolah menengah di Sabah;
- (c) adakah Kementerian tahu bahawa guru-guru yang bukan dilatih untuk mengajar Bahasa Malaysia di beberapa Sekolah Menengah Kerajaan telah disuruh mengajar Bahasa Malaysia di peringkat SPM; dan
- (d) adakah rancangan Kementerian berkenaan untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru Bahasa Malaysia terlatih di sekolah menengah di Sabah.

Dr Fong Chan Onn:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat kemasukan pelajar ke tingkatan enam bawah di sekolah-sekolah menengah Kerajaan termasuk di Sabah adalah berdasarkan kepada prestasi pelajar dalam peperiksaan SPM. Pelajar-pelajar disyaratkan lulus gred 1 atau 2 dengan memperoleh 3 kepujian termasuk mata pelajaran Bahasa Malaysia di peringkat peperiksaan tersebut. Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk melonggarkan syarat kepujian mata pelajaran Bahasa Malaysia di peringkat peperiksaan SPM bagi tujuan kemasukan ke tingkatan enam rendah.
- (b) Kementerian Pendidikan sememangnya peka terhadap masalah kekurangan guru terlatih mata pelajaran Bahasa Malaysia yang dialami oleh sekolah-sekolah di seluruh Malaysia termasuk Sabah. Walau bagaimanapun faktor kekurangan guru ini bukanlah menjadi sebab utama kegagalan pelajar mencapai prestasi yang baik dalam sesuatu peperiksaan termasuklah kertas Bahasa Malaysia di peringkat SPM. Di antara faktor utama lain kegagalan pelajaran adalah disebabkan oleh sikap negatif pelajar-pelajar tersebut terhadap Bahasa Malaysia.
- (c) Guru-guru yang mengajar mata pelajaran bukan opsyen terlebih dahulu diberi pendedahan dan latihan dalam mata pelajaran berkenaan. Pendedahan dan latihan ini dilaksanakan melalui kursus-kursus anjuran Jabatan Pendidikan ataupun secara 'in-house' oleh guru-guru terlatih yang berpengalaman dalam opsyen-opsyen tersebut.

(d) Kementerian Pendidikan bukan sahaja bercadang untuk menyelesaikan masalah ini di Sabah bahkan di seluruh negara. Di antara langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kekurangan guru adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan bilangan pengambilan guru-guru pelatih dalam tahun-tahun akan datang iaitu daripada 40,000 pengambilan semasa RM5 ditingkatkan kepada 62,900 dalam RM6;
- (ii) meneruskan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) bagi menambah bilangan guru siswazah untuk menampung keperluan sekolah menengah. Kursus-kursus KPLI ini telah diperluaskan dari 3 jenis kursus kepada 11 jenis kursus;
- (iii) meneruskan pengambilan guru-guru sandaran untuk mengisi kekurangan guru-guru terlatih; dan
- (iv) membina 7 buah maktab perguruan baru dalam RM6.

BEKALAN ELEKTRIK KE KAMPUNG SEBANGAN, SARAWAK

15. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) kampung Sebangon Bahagian Samarahan, Sarawak yang mempunyai penduduk yang ramai dan terletak di tempat yang strategik belum mendapat kemudahan api elektrik. Adakah rancangan Kerajaan untuk membina janakuasa untuk memberi kemudahan elektrik

kepada penduduk di Kampung Sebangon dan bilakah rancangan ini akan selenggarakan; dan

- (b) adakah Kementerian sedar yang pengajian penempatan dan pembinaan empangan air untuk Kampung Beladin oleh pihak yang tertentu tidak tepat dan salah. Pembinaan empangan air ini oleh pihak Antah Biwater telah tergendala dan kenapa perkara ini berlaku dan bilakah pekerjaan pembinaan akan dijalankan semula?

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos
(Dato' Seri S. Samy Vellu):**

- (a) Berhubung soalan (a) saya ingin memaklumkan bahawa perkara ini terletak di bawah bidangkuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Walau bagaimanapun saya difahamkan bahawa Kampung Sebangon telahpun dikenalpasti sebagai salah satu daripada kawasan untuk dibekalkan kemudahan elektrik di bawah Skim Bekalan Elektrik Luar Bandar dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995), Kampung Sebangon dirancangkan untuk diberi kemudahan elektrik pada tahun 1993.

- (b) Isu yang dibangkitkan di soalan (b) sebenarnya terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri Sarawak dan oleh yang demikian saya tidak dapat menjawab soalan ini.

GSP—RAYUAN KEPADA AMERIKA SYARIKAT

16. Tuan Joseph Voon minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah Kerajaan akan merayu dengan Amerika Syarikat untuk mendapatkan semula GSP yang telah dibatalkan baru-baru ini. Apakah sebab GSP itu dibatalkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan GSP yang telah ditarik balik oleh Amerika Syarikat baru-baru ini melibatkan satu produk sahaja dari Malaysia iaitu, dengan izin, "vulcanized rubber thread and cord". Penarikan balik ini bermakna bahawa mulai 1 April, 1992, pegekspornan produk ini ke Amerika Syarikat tidak lagi menikmati kemudahan tanpa cukai di bawah skim GSP dan akan dikenakan cukai import biasa sebanyak 4.2%. Pembatalan GSP ini adalah di atas sebab bahawa produk ini telah mencapai tahap persaingan yang telah ditetapkan di bawah skim GSP Amerika Syarikat. Bukanlah Malaysia sahaja yang tertakluk kepada syarat persaingan ini tetapi negara-negara penerima GSP yang lain juga dikenakan syarat persaingan yang sama iaitu sekiranya mana-mana negara penerima GSP yang mengeksport ke Amerika Syarikat bagi sesuatu produk tertentu melebihi 50% daripada jumlah keseluruhan import produk tersebut ke Amerika Syarikat atau melebihi US\$97.1 juta dari segi nilai import ke Amerika Syarikat adalah dikira telah mencapai tahap persaingan.

Di bawah peraturan skim GSP negara itu, syarikat-syarikat yang terlibat boleh membuat rayuan kepada Jawatankuasa GSP Amerika Syarikat untuk mengekalkan kemudahan ini. Di dalam proses rayuan ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat yang terlibat mengenai langkah-langkah yang perlu diambil jika ingin mengemukakan rayuan tersebut. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat yang terlibat itu membuat keputusan untuk tidak mengemukakan memorandum rayuan bagi menentang petisyen penarikan balik kemudahan GSP bagi produk ini. Mereka berpendapat bahawa adalah sukar untuk membuktikan kepada Jawatankuasa

GSP Amerika Syarikat mengapa GSP masih diperlukan bagi Malaysia yang telah berjaya mencapai 77% daripada jumlah keseluruhan import barangan tersebut ke pasaran Amerika Syarikat.

Keadaan ini adalah serupa dengan pengalaman Malaysia semasa penarikan balik kemudahan GSP untuk produk, dengan izin "medical and surgical gloves" pada tahun 1990 di mana eksport Malaysia bagi produk tersebut mencapai 76% di pasaran Amerika Syarikat. Ketika itu, rayuan telah dibuat tetapi tidak berjaya kerana Malaysia telah mencapai tahap persaingan yang tinggi bagi produk ini di pasaran Amerika Syarikat.

Malaysia sekarang merupakan negara kedua terbesar dari segi jumlah keseluruhan eksport di bawah skim GSP ke Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, lain-lain produk juga berkemungkinan mencapai tahap persaingan, dengan izin, "competitive need limitation" dan dengan demikian berkemungkinan ditarik balik kemudahan GSP di masa hadapan. Produk-produk ini ialah, dengan izin, "Radio broadcast receiver/tape recorders/video cassette recorders (US Tariff Code No. 8527.11.60) dan "Cassette type magnetic (US Tariff Code No. 8520.31.00).

Bagi produk-produk tersebut, yang mana Malaysia telah mencapai tahap persaingan yang tinggi, syarikat-syarikat yang terlibat adalah dinasihatkan supaya berusaha untuk mengekalkan peratusan pasaran yang telah dicapai di Amerika Syarikat, walaupun tanpa kemudahan GSP. Langkah-langkah hendaklah diambil oleh pihak swasta untuk mengurangkan kos pengeluaran; melaksanakan proses pengilangan yang cekap, meningkatkan mutu produk dan mengamalkan strategi pemasaran yang berkesan. Mereka tidaklah seharusnya bergantung hanya

kepada kemudahan skim GSP kerana skim ini adalah skim sementara bagi membantu pengeksporan negara-negara sedang membangun ke pasaran negara-negara maju.

PULAU JEREJAK SEBAGAI PULAU BEBAS CUKAI

17. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Kewangan sama ada Kementerian telah menerima permohonan dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan Pulau Jerejak sebagai pulau bebas cukai. Sila memberitahu butir-butir berkenaan permohonan dan pendirian Kerajaan.

Timbalan Menteri Kewangan Tuan Abdul Ghani bin Othman: Setakat ini Kementerian Kewangan belum lagi menerima permohonan dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan Pulau Jerejak sebagai sebuah Pulau Bebas Cukai.

ANTI-PEMBALAKAN— KEGIATAN RAKYAT ASING

18. Tuan James Jimbun anak Punga minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes jenayah berkenaan dengan orang asing yang terlibat dengan "Anti-Pembalakan di Malaysia" dan apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan untuk mengawal perkara berkenaan.

Tuan Ong Ka Ting: Hingga kini terdapat 4 kes kegiatan "Anti-Pembalakan" yang melibatkan seramai 8 orang rakyat asing. Kesemua mereka telah ditangkap dan didakwa di mahkamah dan dijatuhkan hukuman atas kesalahan pencerobohan jenayah (criminal trespass). Mereka telahpun diusir daripada Malaysia setelah tamat menjalani hukuman penjara.

GERAN PEMBANGUNAN KEPADA KERAJAAN NEGERI

19. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Pemberian atau grant pembangunan ke negeri-negeri yang diberi mengikut per kapita penduduk negeri akan memberi peluang kepada negeri yang maju mendapat peruntukan yang lebih dan negeri-negeri yang mundur yang kurang penduduk-penduduk akan mendapat peruntukan yang kecil. Akibatnya jurang kemajuan antara negeri maju dengan yang kurang maju berkekalan dan matlamat Kerajaan untuk mengimbangkan ekonomi sukar tercapai serta pembasmian kemiskinan di negeri seperti Kelantan dan Kedah kekal seperti biasa;
- (b) Adakah Yang Berhormat Menteri berfikir bahawa di masa akan datang grant pembangunan itu tidak lagi dibuat mengikut per kapita penduduk, tetapi mengikut mana negeri yang lebih memerlukan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Saya sukalah memaklumkan, terdapat 13 jenis pemberian geran yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Pemberian-pemberian geran tersebut adalah seperti berikut:
 - (i) Pemberian Mengikut Bilangan Orang
 - (ii) Pemberian Penyelenggaraan Jalanraya
 - (iii) Pemberian Pertambahan Hasil
 - (iv) Serahan Cukai Eksport Bijih Timah

- (v) Serahan Cukai Eksport Bijih Besi
- (vi) Serahan Cukai Eksport Bijih Galian
- (vii) Bayaran Perkhidmatan
- (viii) Pemberian Dari Kumpulanwang Simpanan Negeri
- (ix) Pemberian Khas
- (x) Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup
- (xi) Pemberian Bagi Membiayai Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-jabatan di Bawah Senarai Bersama
- (xii) Geran Tahunan Kepada Penguasa-penguasa Tempatan
- (xiii) Caruman Bantuan Kadar Kepada Penguasa-penguasa Tempatan

Pemberian geran yang dibuat berdasarkan kepada bilangan penduduk hanyalah kepada Pemberian Geran Mengikut Bilangan Orang (Capitation Grant) yang dibuat berdasarkan kepada peruntukan Perkara 109 (1) (a) Perlembagaan Persekutuan. Formula pemberian geran ini adalah seperti berikut:

50,000 orang pertama	—	\$60.00
		seorang
500,000 orang berikutnya	—	\$ 8.50
		seorang
500,000 orang berikutnya	—	\$ 9.00
		seorang
Baki selebihnya	—	\$ 9.50
		seorang

Selain daripada Pemberian Mengikut Bilangan Orang, Kerajaan Persekutuan juga memberi beberapa jenis pemberian lain kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang termasuk

antara lain satu jenis pemberian khusus yang dimaksudkan untuk membantu negeri-negeri dalam melaksanakan projek-projek pembangunan iaitu Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup. Matlamat pemberian yang diasaskan kepada tahap pembangunan sesuatu negeri ini ialah untuk menyeimbangkan pembangunan sosio ekonomi dan pembasmian kemiskinan di negeri-negeri. Selain daripada itu, agihan Pemberian Pertambahan Hasil juga mengambilkira kedudukan negeri-negeri yang maju dengan kurang maju di mana jumlah pemberian adalah lebih besar kepada negeri-negeri yang kurang maju.

- (b) Berdasarkan penjelasan saya berhubung dengan pemberian-pemberian Persekutuan kepada Negeri-negeri, saranan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan supaya di masa akan datang "geran pembangunan" tidak dibuat mengikut "per kapita penduduk" adalah sebenarnya tidak berbangkit kerana pemberian kepada Negeri yang khusus dimaksudkan untuk pembangunan sekarang ini pun tidak diasaskan kepada "per kapita penduduk".

KEMPEN ANTI-KAYU TROPIKA

20. Tuan Mohamad bin Sabu minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sejauh manakan meluasnya kempen anti-kayu tropika Malaysia di luar negeri;
- (b) adakah Kerajaan telah menerima memoranda dan bantahan berhubung dengan isu pembalakan

dan ancaman terhadap cara hidup kaum Penan di Sarawak dari luar negeri. Apakah reaksi Kerajaan terhadap memoranda dan bantahan itu;

- (c) berhubung dengan kegiatan SOS Sarawak Campaign Committee (SSCC) yang menjalankan kegiatannya di Jepun, apakah bentuk kegiatan dan tuntutan yang menimbulkan masalah kepada Kerajaan. Adakah Kerajaan sedia mengadakan rundingan dengan kumpulan tersebut untuk memberikan penjelasan dan kesedaran mengenai keadaan yang sebenarnya. Jika tidak, apakah tindakan Kerajaan selanjutnya.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:

- (a) Kempen anti kayu tropik yang dilancarkan bermula di United Kingdom telah merebak ke beberapa negara lain iaitu Netherland, Jerman, Amerika Syarikat, Kanada, Australia dan Jepun. Kumpulan-kumpulan pendesak terdiri dari badan bukan Kerajaan (NGOs) telah berjaya mempengaruhi Kerajaan tempatan dan juga pengusaha kayu kayan/sektor swasta, telah mendesak supaya import kayu tropika dihadkan kepada negara-negara yang menguruskan hutan secara penghasilan berkekalan dan sebagai alternatifnya "kayu temperate" dan bahan bukan kayu digunakan bagi projek pembinaan. Kempen anti kayu tropika bukannya terhad kepada Malaysia sahaja tetapi juga kepada negara-negara pengeluar kayu tropika yang lain termasuk Brazil dan Indonesia. Namun demikian tumpuan kepada Malaysia, terutamanya Sarawak kerana dikaitkan dengan kaum Penan.

- (b) Kerajaan telah menerima berbagai bentuk bantahan berhubung isu pembalakan dan ancaman terhadap kaum Penan di Sarawak. Kebanyakan tuduhan yang dilemparkan adalah tidak tepat dan tidak menggambarkan kedudukan sebenar pengurusan hutan yang diamalkan oleh negara ini. Untuk mengatasi prasangka tersebut Kerajaan telah menjemput satu pertubuhan antarabangsa iaitu Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa (ITTO) untuk membuat kajian pengurusan hutan di Sarawak. Hasil dari kajian tersebut Kerajaan Sarawak akan memperkemaskan lagi pengurusan pentadbiran hutan di Sarawak dan menyediakan dua kawasan tambahan untuk kemudahan kaum Penan. Kerajaan Sarawak juga memberi galakkan dan kemudahan bagi kaum Penan yang masih lagi berpindah randah untuk memilih cara hidup kekal.

- (c) SOS Sarawak Campaign Committee (SSCC) telah mengambil tindakan untuk mendesak pihak Kerajaan Tempatan dan Majlis Tempatan di Jepun untuk mengharamkan pengimportan dan penggunaan kayu tropika dari Malaysia. Di antara tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh SSCC ialah:

- (i) menentang apa juga bentuk pembalakan di Malaysia terutamanya di Sarawak;
- (ii) mendesak pihak Jepun memberhentikan import balak Malaysia;
- (iii) mendesak Kerajaan Malaysia supaya menghormati hak asasi kaum Penan di Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan tidak menghadapi apa-apa masalah kerana Kerajaan Jepun tidak mengharamkan import kayu tropika dari Malaysia. Kementerian saya sedia berbincang dengan mana-mana pihak bagi memberi penjelasan, kesedaran dan membetulkan tanggapan mereka terhadap pengurusan hutan secara berkekalan yang diamalkan dan usaha pemeliharaan alam sekitar yang dilaksanakan di negara ini.

**PERNIAGAAN RUNCIT—
PENGLIBATAN KAUM
BUMIPUTERA**

21. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) berapa ramaikah peniaga runcit dalam negara ini dan pecahannya mengikut kaum;
- (b) apakah masalah yang menyebabkan tidak ramai kaum bumiputera terlibat dalam perniagaan runcit; dan
- (c) apakah tindakan dan usaha Kerajaan untuk melahir dan meramaikan lagi bumiputera melibatkan diri dalam perniagaan runcit.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):

- (a) Sebab-sebab utama yang menyebabkan tidak ramainya kaum bumiputera terlibat dalam aktiviti perniagaan runcit, di antara lain adalah seperti berikut:
 - (i) kaum bumiputera pada amnya tidak terdedah dalam bidang perniagaan berbanding dengan kaum-kaum lain dan oleh yang

demikian menyebabkan kaum bumiputera lambat mendapat minat untuk memasuki dalam bidang perniagaan;

- (ii) kekurangan modal untuk membuka perniagaan, terutama sekali dalam aktiviti perniagaan supermarket, mini market dan departmental store; dan
 - (iii) tidak mendapat tempat perniagaan yang sesuai dan strategik.
- (b) Sebagai langkah untuk menggalakkan ramai lagi bumiputera melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan runcit, Kerajaan telahpun mengambil tindakan membuka lebih banyak kawasan-kawasan berniaga seperti Pasar Malam dan Pasar Tani; di samping itu menggalakkan pertumbuhan bandar-bandar baru dengan menyediakan lot-lot perniagaan kepada kaum bumiputera.

Kerajaan juga sedang berusaha untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera (MPPB) dan hasil daripada Kongres Ekonomi Bumiputera Ke 3, Agensi-agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan bersama-sama dengan Dewan-dewan Perniagaan, sedang menyediakan berbagai-bagai program yang lebih berkesan bagi meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang perniagaan, termasuk perniagaan runcit. Ini adalah sebagai tambahan kepada program-program yang sedia ada dan sedang dilaksanakan oleh Agensi-agensi tertentu seperti CGC, MARA, Kementerian Perusahaan Awam dan lain-lainnya.

LAPORAN EIA—KRITERIA KEBULUSAN

22. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) siapakah dalam Kementeriannya yang mengkaji dan meluluskan semua laporan EIA yang disampaikan dan apakah kelayakan mereka;
- (b) kriteria untuk menetapkan skop dan terima rujukan bagi sesuatu EIA, dan kriteria untuk meluluskan EIA itu; dan
- (c) apakah peraturan-peraturan sedang ditetapkan untuk melayakkan sesuatu syarikat atau pihak tertentu untuk tujuan kerja mereka menyediakan laporan EIA.

Tuan Peter Chin Fah Kui:

- (a) Jabatan Alam Sekitar ialah agensi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang mengkaji serta meluluskan laporan penilaian kesan kepada alam sekeliling (Environmental Impact Assessment or EIA) yang dikemukakan oleh penggerak projek. Pegawai-pegawai penilai yang terlibat mempunyai kelayakan profesional serta telah menjalani latihan di bidang EIA.
- (b) Secara amnya, skop atau bidang rujukan bagi penyediaan sesuatu laporan EIA adalah bergantung kepada jenis projek yang dicadangkan oleh penggerak projek. Antara kriteria atau asas penting yang diambil kira bagi kelulusan sesuatu laporan EIA termasuklah:
 - (i) mengikut garis panduan bagi penyediaan laporan EIA;

- (ii) langkah kawalan yang dicadangkan mencukupi; dan

- (iii) kesan sampingan tidak ketara.

- (c) Bagi setiap laporan EIA yang hendak dikemukakan oleh penggerak projek, laporan EIA tersebut hendaklah disediakan oleh mereka yang berkelayakan serta berpengalaman dalam bidang kajian alam sekitar. Dalam hal ini, penggerak projek adalah dinasihatkan supaya menggunakan khidmat perunding yang bertauliah serta mempunyai pengalaman luas dalam bidang kajian alam sekitar untuk memudahkan serta mempercepatkan lagi proses penyediaan laporan EIA berkenaan.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA— GALAKAN PELANCONG

23. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah peningkatan kedatangan pelancong pada Tahun Melawat Malaysia yang lalu dapat dipertahankan sehingga kini. Apakah usaha yang dilakukan untuk menggalakkan pelancong tinggal lebih dari 4 hari di sekitar Kuala Lumpur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Kementerian menjangkakan kedatangan pelancong ke negara dapat diperbaiki dalam Tahun Melawat Asean 1992 ini. Kementerian berharap kedatangan pelancong dapat ditingkatkan menjelang Tahun Melawat Malaysia 1994.

Antara usaha-usaha yang sedang dilaksanakan untuk menggalakkan

pelancong tinggal lebih dari 4 hari di sekitar Kuala Lumpur, ialah:

- (a) Menambah aktiviti-aktiviti dan program-program pelancong yang boleh disertai oleh para pelancong.
- (b) Meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan kemudahan yang sedia ada.
- (c) Menambah dan memperkenalkan lagi destinasi-destinasi pelancong yang menarik.

RISDA—TINDAKAN TERHADAP PENYELEWENGAN

24. Tuan Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bagaimana penyelewengan melibatkan \$40 juta wang RISDA boleh berlaku; dan
- (b) apakah tindakan-tindakan tegas diambil untuk mengesan mereka yang terlibat dan apakah hasilnya.

Dato' Mohamed bin Jamrah: Jawapan kepada pertanyaan ini adalah sama seperti jawapan kepada pertanyaan Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood, yang saya jawab di Dewan yang mulia ini pada 6 Mei, 1992. Saya tidak bercadang menambah.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE VIETNAM—HASIL

25. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasilnya daripada lawatan ke Vietnam baru-baru ini. Berapa bidang kerjasama dan peluang pelaburan di negeri itu dapat dipertingkatkan setakat ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melakukan lawatan rasmi

ke Vietnam dari 19-24 April 1992. Beliau telah diiringi oleh Menteri Luar Negeri, Menteri Perdagangan Antara-bangsa dan Industri, Menteri Tenaga, Telckom dan Pos, Menteri Besar Kedah, Pahang, Perak dan Johor dan Ketua Menteri Pulau Pinang, pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan delegasi dari pihak swasta.

Tujuan lawatan ialah untuk meningkatkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Vietnam dan meninjau dengan lebih dekat lagi peluang-peluang perdagangan dan pelaburan di Vietnam.

Semasa lawatan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berpeluang bertemu dengan rakan sejawatnya Encik Vo Van Kiet dan berbincang mengenai isu-isu kepentingan bersama. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah melakukan kunjungan kehormat ke atas Presiden Vo Chi Cong dan Setiausaha Agong Parti Komunis Vietnam, Encik Do Muoi. Di samping itu Menteri-menteri yang mengiringi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut berpeluang mengadakan perbincangan dengan rakan sejawat mereka. Delegasi pihak swasta pula telah mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak Vietnam yang bertanggungjawab berkenaan dengan perdagangan dan pelaburan. Semasa perbincangan-perbincangan di atas, kedua-dua belah pihak telah menyatakan keinginan untuk meningkatkan lagi hubungan antara kedua-dua negara dan meluaskan kerjasama dalam berbagai bidang.

Selain dari mengadakan perbincangan-perbincangan yang tersebut di atas, kedua-dua belah pihak telah juga menandatangani Perjanjian Kerjasama Telekomunikasi dan Pos, Perjanjian Kerjasama Ekonomi, Saintifik dan Teknikal dan Memorandum Persefahaman bagi Bantuan Teknikal untuk industri getah di Vietnam. Perjanjian-perjanjian ini jelas mencerminkan hasrat

kedua-dua negara untuk meningkatkan lagi hubungan dan kerjasama antara mereka.

Di samping itu, Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Malaysia (NCCIM) dan Dewan Perniagaan dan Industri Vietnam (VCCI) pula telah menandatangani satu perjanjian untuk mengadakan kerjasama yang lebih erat di antara kedua-dua pertubuhan.

Selain daripada penandatanganan perjanjian-perjanjian di atas, aturcara lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga meliputi upacara pelancaran beberapa projek usahasama antara Malaysia dan Vietnam di Hanoi dan Ho Chi Minh City, iaitu Pejabat Perwakilan Syarikat Renong di Hanoi, Kad Unifon Sapura di Hanoi, Pejabat VID—Public Bank di Hanoi, Pejabat Petronas Carigali Overseas Sdn. Bhd dan upacara meletak batu asas untuk Hotel Equatorial di Ho Chi Minh City.

Berdasarkan kepada maklumbalas yang diterima daripada ahli-ahli rombongan dari sektor swasta, beberapa persetujuan telah dicapai bagi penyertaan mereka dalam pelaburan di Vietnam yang dianggarkan sebanyak lebih kurang MS164.38 juta bagi sejumlah 15 projek. Bidang pelaburan yang terlibat adalah projek pembinaan hotel, bangunan pejabat, bekalan air, perladangan, pemerosesan makanan dan hartanah. Sebahagian dari projek-projek ini masih di dalam peringkat perundingan.

Dalam hubungan dagangan dua hala pula barangan eksport Malaysia yang berpotensi dan mendapat pesanan adalah barangan farmasi, peralatan penyejukan, barangan yang diperbuat daripada kertas, urea dan komponen komputer, sementara itu beras “vacuum rock salt”, makanan laut, “lacquerwares”, perabot antik, bahan-bahan tekstil dan getah asli merupakan barangan import utama yang ingin diimport oleh pihak Malaysia dari Vietnam.

Secara keseluruhannya, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Vietnam telah berlangsung dengan jayanya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan delegasi telah diberi sambutan yang hangat sepanjang lawatan tersebut. Lawatan ini telah memberi peluang sekali lagi bagi penjalinan hubungan yang baik dan rapat antara Malaysia dan Vietnam. Lawatan ini telah dapat meningkatkan persefahaman dan hubungan antara pemimpin-pemimpin Malaysia dan Vietnam dalam usaha untuk meluaskan lagi kerjasama dalam berbagai bidang terutama bidang ekonomi. Lawatan ini juga telah membuka jalan yang lebih luas lagi penyertaan Malaysia di dalam pembangunan ekonomi Vietnam.

MESIN HAEMODIALYSIS— PERKHIDMATAN KEPADA PESAKIT

26. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa mesin haemodialysis telah ditempatkan di Hospital Besar masing-masing di seluruh Malaysia;
- (b) berapa mesin tersebut masih boleh digunakan setakat ini;
- (c) berapa pesakit buah pinggang telah dapat kelulusan untuk menggunakan mesin tersebut dan berapa masih menunggu kelulusan dari Hospital Besar Kuala Lumpur;
- (d) mengapa bayaran untuk menggunakan mesin tersebut dibezakan antara Hospital Besar Kerajaan; dan
- (e) berapa pesakit buah pinggang telah mati apabila menunggu kelulusan dari Hospital Besar Kuala Lumpur.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Sejumlah 138 buah mesin haemodialysis telah ditempatkan

di hospital-hospital Kementerian Kesihatan di seluruh negara.

- (b) Kesemua mesin tersebut di dalam keadaan baik dan boleh digunakan.
- (c) Pesakit-pesakit buah pinggang yang datang untuk mendapatkan rawatan di hospital-hospital Kementerian ini akan dirujuk kepada pakar yang berkenaan (jika ada) untuk rawatan. Bagi hospital-hospital yang tidak mempunyai pakar untuk rawatan penyakit buah pinggang, kesnya akan dirujuk kepada pakar di hospital-hospital Kementerian ini yang berhampiran dan tidak perlu mendapat kelulusan Hospital Besar Kuala Lumpur.

Ketika ini seramai 362 orang pesakit buah pinggang sedang menerima rawatan haemodialysis di hospital-hospital Kementerian Kesihatan di seluruh negara. Perkhidmatan rawatan haemodialysis ini juga boleh diperolehi dari hospital swasta.

Selain dari rawatan haemodialysis, pesakit boleh juga mendapatkan rawatan cara lain seperti "Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis" dan juga pembedahan pemindahan buah pinggang.

- (d) Caj rawatan haemodialysis di hospital-hospital Kementerian Kesihatan adalah seperti yang terdapat di dalam Akta Fee (Perubatan) 1982.
- (e) Oleh kerana pesakit buah pinggang bukan sahaja mendapatkan rawatan di hospital-hospital Kementerian Kesihatan, tetapi juga dari pusat perubatan swasta, dan Hospital Universiti, maka Kementerian Kesihatan tidak mempunyai maklumat yang dipinta.

SEKOLAH MENENGAH BEBAS CINA—PERUNTUKAN

27. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada sekolah-sekolah menengah bebas Cina melalui peruntukan Menteri-menteri sejak 3-10-90.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan hanya menerima permohonan dan memberikan peruntukan kepada SRJK (C) (Bantuan Penuh Kerajaan dan Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan (Bantuan Modal) sahaja. Sekolah-sekolah menengah bebas Cina adalah tidak tertakluk kepada peruntukan tersebut.

BAHASA MALAYSIA— PENGUASAAN MELALUI KELAS PERALIHAN

28. Tuan G. Palanivel minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kelas Peralihan bagi murid-murid SRJK di sekolah menengah mencapai matlamatnya bagi mengatasi kelemahan dalam Bahasa Malaysia. Adakah Kementerian Pendidikan menyedari bahawa pelajar-pelajar tidak didedahkan kemahiran mata-mata pelajaran yang penting seperti matematik dan sains.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelas peralihan di sekolah menengah dapat mencapai matlamatnya untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Malaysia.

Kementerian Pendidikan mendapati melalui kelas peralihan, pelajar-pelajar dari SRJK (C) dan SRJK (T) telah dapat memperluas dan memperkukuhkan lagi penguasaan mereka dalam Bahasa Malaysia, malah mereka diberikan sebanyak 11 waktu seminggu bagi mempelajari mata pelajaran Amalan Bahasa Malaysia. Situasi ini

mbolehkan mereka lebih bersedia untuk mengikuti pelajaran di tingkatan I dan seterusnya.

Mengenai mata pelajaran Matematik dan Sains, memang ada dimasukkan sebagai bahan pengajaran-pembelajaran dalam Amalan Bahasa Malaysia. Mata pelajaran ini mendedahkan mereka kepada penggunaan bahasa dalam konteks dan situasi mata pelajaran tersebut.

PROJEK BAKUN—PEMBINAAN

29. Tuan Michael Lisa Kaya minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Bakun Dam di Sarawak akan dibina dan jumlah anggaran perbelanjaannya dan sebab-sebab projek ini dipulih semula (revive).

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya telah pun menjawab soalan ini pada 5hb Mei 1992 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Saya tidak ada apa-apa untuk menambah lagi.

SETINGGAN DI KUALA LUMPUR—BILANGAN

30. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan bilangan setinggan di Kuala Lumpur pada 31-3-1992. Apakah jumlah unit rumah kos rendah dan sederhana yang telah dibina sejak 1980 dan yang akan dibina menjelang 2000. Bagaimanakah matlamat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk membersihkan kawasan setinggan di ibu kota akan dicapai.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Mengikut perangkaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bilangan setinggan di Kuala Lumpur sehingga akhirtahun 1991 ialah seramai 178,773 yang terdiri daripada 34,978 keluarga.

Jumlah unit rumah kos rendah dan sederhana yang telah dibina oleh DBKL, sehingga tahun 1991 berjumlah 33,350 unit. Rumah kos rendah dan sederhana yang dijangka akan dibina sehingga tahun 2000 adalah lebih kurang 45,000-50,000 unit. Anggaran ini dibuat berdasarkan anggaran pembinaan 5,000 unit rumah kos rendah dan sederhana bagi tempoh satu tahun.

Bagi memastikan DBKL mencapai matlamat untuk membersihkan kawasan setinggan di ibu kota ini, langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (a) menawarkan rumah pangsa/ rumah panjang DBKL kepada keluarga setinggan dan merobohkan rumah-rumah mereka sebaik sahaja setinggan-setinggan tersebut berpindah ke rumah-rumah yang ditawarkan itu;
- (b) membangunkan kawasan-kawasan setinggan dan mendirikan lebih banyak rumah-rumah kos rendah serta sederhana rendah dan memberi keutamaan kepada setinggan-setinggan yang tinggal di kawasan yang berkenaan membeli rumah-rumah yang dibina;
- (c) memberi keutamaan kepada setinggan membeli rumah-rumah kos rendah dan sederhana rendah yang dibina oleh DBKL, atau swasta;
- (d) pihak swasta diwajibkan membina dan menyerahkan rumah-rumah kos rendah kepada DBKL, dan DBKL akan mengendalikan penjualan rumah-rumah tersebut;
- (e) DBKL akan membeli rumah-rumah kos rendah yang diperuntukkan kepada bumiputera yang mana tidak dapat dijual oleh pemaju-pemaju perumahan dan seterusnya menyewakan rumah-rumah tersebut kepada setinggan;

- (f) mengawal dan mengambil tindakan terhadap setinggan-setinggan baru;
- (g) membina 5000 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah dalam masa satu tahun.

NISBAH GURU DAN MURID DI SEKOLAH RENDAH/MENENGAH

31. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pendidikan menyatakan kadar nisbah guru dan murid di peringkat sekolah rendah dan menengah semua aliran dalam tempoh lima tahun ini. Berapa sekolah baru (rendah dan menengah semua aliran) telah dibangunkan dalam tempoh yang sama dan lima tahun akan datang. Apakah nisbah yang dianggap sesuai bagi KBSR dan KBSM. Apakah ikhtiar Kementerianya.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah sukar untuk Kementerian Pendidikan memberi nisbah guru dan murid mengikut aliran dan tahun kerana beberapa faktor yang boleh mengelirukan, seperti lokasi sekolah di bandar dan luar bandar dan sekolah-sekolah kecil (underenrolled Schools) di pendalaman. Kementerian Pendidikan membuat perkiraan nisbah bukan mengikut bilangan pelajar guru tetapi mengikut kelas guru iaitu 1:1.5 (1 kelas untuk 1.5 guru). Bagi sekolah yang kurang murid iaitu kurang daripada 150 orang murid peruntukan guru adalah berasaskan sama ada kepada jumlah murid dan bilangan kelas yang diluluskan atau bilangan murid dalam kelas bergantung kepada jumlah enrolmen sekolah itu.

Jumlah sekolah baru (rendah dan menengah semua aliran) yang telah dibina dalam tempoh RM5 ialah 231 Sekolah Rendah dan 144 Sekolah Menengah. Manakala bagi tempoh RM6 bilangan sekolah baru yang dirancang untuk dibina ialah 239 Sekolah Rendah dan 170 Sekolah Menengah.

Sekiranya soalan ini bermaksud nisbah guru murid Kementerian Pendidikan tidak menetapkan nisbah murid yang khusus kerana ia bergantung kepada suasana pembelajaran tertentu.

14-5-92

32. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah perkembangan terakhir mengenai cadangan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur. Adakah tentangan-tentangan daripada negara Barat akan menumpaskan hasrat negara Timur untuk memajukan hak mereka.

(Sila lihat jawapan kepada soalan No. 27 pada 5-5-1992)

KESUSASTERAAN CINA SEBAGAI SUBJEK PILIHAN

33. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) mengapa subjek Sastera Cina tidak dijadikan sebagai suatu subjek pilihan dalam KBSM mulai tahun ini dan adakah Kerajaan bercadang memulihkannya sebagai suatu subjek pilihan. Jika tidak, mengapa; dan
- (b) adakah benar bahawa sebidang tanah seluas 41/2 ekar (Lot 11068) Mukim Batu) di Kampong Batu, Jalan Ipoh Kuala Lumpur telah diperuntukkan kepada SRJK (C) Mun Choong untuk membina bangunan tambahan sekolah itu pada Disember 1980 oleh Pengarah Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jika ya, mengapa tanah tersebut tiba-tiba digunakan oleh Kementerian Pendidikan untuk membina sebuah sekolah menengah kebangsaan dan apakah keadaannya sekarang.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Mata pelajaran Kesusasteraan Cina merupakan satu mata pelajaran peperiksaan dalam KLSM. Di peringkat KBSM kedudukan mata pelajaran ini masih tidak berubah. Pelajar yang berminat boleh terus menduduki peperiksaan tersebut di peringkat SPM.
- (b) Adalah tidak benar bahawa Pengarah Tanah Galian, Wilayah Persekutuan memperuntukkan sebidang tanah seluas 4 1/2 ekar kepada SRJK(C) Mun Choong untuk membina bangunan tambahan sekolah itu pada tahun 1980. Sebaliknya, tapak tersebut telah diluluskan atas nama Persuruhjaya Tanah Persekutuan dan Kementerian Pendidikan yang telah merancang sebelum ini untuk membina sebuah sekolah menengah baru bagi tempoh RM6 untuk keperluan pendidikan anak-anak yang tinggal di kawasan tersebut.

MAS—PENYAJIAN ARAK PERCUMA

34. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada MAS masih menyediakan minuman arak dengan percuma dan tidak terhad kepada penumpang-penumpang antarabangsa. Adakah dengan menyediakan minuman arak dengan percuma dan tidak terhad ini membuat penumpang-penumpang antarabangsa memilih untuk membuat penerbangan dengan MAS.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Penyediaan minuman arak sememangnya merupakan ciri-ciri perkhidmatan penyajian (in-flight service) syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa. Sebagai sebuah syarikat penerbangan antarabangsa yang mengangkut penumpang-penumpang

dari kalangan berbagai bangsa, kaum dan agama, Penerbangan Malaysia (MAS) juga menyediakan minuman arak sebagai satu ciri perkhidmatan penyajiannya.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat berbagai faktor yang mendorong seorang penumpang memilih untuk membuat perjalanan melalui sesuatu syarikat penerbangan. Di antara faktor-faktor yang biasa diambilkira, termasuklah khidmat serta layanan mesra dan memuaskan, kapalterbang yang moden, kesesuaian jadual waktu penerbangan, makanan dan minuman yang memuaskan.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG— KEBAKARAN DI TERMINAL I

35. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sebab-sebab dan hasil siasatan kebakaran di Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Subang baru-baru ini. Adakah kebakaran ini berpunca daripada perbuatan sabotaj.
- (b) Nilai kerosakan yang dianggarkan di dalam kebakaran tersebut.
- (c) Adakah pihak bomba bercadang untuk mengetatkan peraturan bomba bagi tempat-tempat penting dan strategik seperti di lapangan terbang; dan
- (d) Adakah kebakaran ini memberi kesan jangka panjang kepada ekonomi negara.

73. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah yang mengakibatkan kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang baru-baru ini dan apakah tindakan yang telah diambil oleh beliau di atas lapangan terbang lain supaya kebakaran tidak berlaku lagi. Sila berikan butir-butirnya.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Pertanyaan No. 35 dan 73 pada hari ini telah pun saya jawab bersama dengan soalan-soalan mengenai perkara yang sama pada 13 Mei 1992, dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa penambahan buat masa ini.

RUMAH KOS RENDAH DI SARAWAK—PERUNTUKAN

36. Tuan James Jimbun anak Pungga minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan peruntukan untuk membina rumah kos rendah yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Keenam dan berapakah peruntukan dan bilangan yunit rumah kos rendah bagi negeri Sarawak.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dr Ting Chew Peh): Peruntukan yang diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk pembinaan rumah di bawah 'Program Awam Kos Rendah' ialah sebanyak \$468.63 juta dan dari jumlah tersebut untuk negeri Sarawak adalah seperti berikut:

	<i>Unit Peruntukan</i>	
Sumbangan dari RM5	2,276	\$31.301 juta
Baru RM6	998	\$24,966 juta
Jumlah RM6	3,274	\$56,267 juta

Di samping PAKR, terdapat Program Skim Pertapakan dan Kemudahan (SPK) yang bertujuan untuk menyediakan kemudahan perumahan dengan mengadakan tapak, kemudahan infrastruktur dan rumah inti. Sasaran program ini adalah untuk golongan berpendapatan \$450-\$600 sebulan di Sarawak. Kelulusan di bawah program ini adalah seperti berikut:

	<i>Unit Peruntukan</i>	
Sumbangan RM5	544	\$7.072 juta
Baru RM6	2,480	\$32,240 juta
Jumlah RM6	3,024	\$39,312 juta

PUSAT PERJUDIAN GENTING HIGHLANDS—JUMLAH PENGUNJUNG

37. Tuan Haji Ishak bin Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan dari segi jumlah penghujung, pertaruhan dan hadiah-hadiah yang dimenangi bagi pusat perjudian Genting Highlands bagi tahun 1986-1991 dan hasil langsung yang dipungut oleh Kerajaan dari pusat perjudian tersebut dalam masa yang sama; (b) jumlah pengunjung luar yang berkunjung ke pusat perjudian tersebut.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengunjung ke pusat perjudian Genting Highlands bagi tahun 1986-1991 adalah seramai 23,797,500 orang. Bagi tempoh yang sama juga jumlah pertaruhan yang dibuat adalah sebanyak \$20,118,832,777 manakala jumlah kemenangan/bayaran pula ialah sebanyak \$17,540,144,080. Hasil langsung yang diperolehi oleh Kerajaan dalam tempoh tersebut ialah sebanyak \$614,130,847.00.

(b) Jumlah pengunjung luar yang berkunjung ke pusat perjudian tersebut ialah seramai 1,651,742 orang.

PEMBELI RUMAH DIANIYAI OLEH PEGUAM

38. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

(a) jumlah bilangan pembeli-pembeli rumah yang teraniaya disebabkan penyelewengan yang dilakukan oleh pihak peguam itu sendiri dan berapakah rumah-rumah yang telah dilelong dan dalam proses untuk dilelong oleh institusi kewangan; dan

(b) apakah tindakan yang telah dan sedang diambil oleh pihak Kerajaan untuk menyelamatkan dan menjaga kepentingan pembeli-pembeli berkenaan.

Dr Ting Chew Peh:

- (a) Peguam bagi menyempurnakan urusan jualbeli rumah adalah dilantik sama ada atas pilihan pembeli rumah sendiri ataupun melalui panel peguam yang dilantik oleh pemaju berkenaan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak terlibat, maka tidak mempunyai maklumat berhubung dengan bilangan pembeli-pembeli rumah yang teraniaya disebabkan oleh penyelewengan yang dilakukan oleh pihak peguam yang teraniaya disebabkan oleh penyelewengan yang dilakukan oleh pihak peguam pembeli dan juga bilangan rumah yang dikenakan tindakan pelelongan oleh institusi kewangan akibat daripada perbuatan penyelewengan tersebut.
- (b) Urusan perlantikan peguam untuk membeli sesebuah rumah adalah pilihan pembeli-pembeli berkenaan. Walau bagaimanapun, sekiranya pembeli berkenaan membuat aduan kepada Kementerian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menasihati pembeli-pembeli supaya:
- (i) pembeli membuat aduan rasmi kepada Majlis Peguam Malaysia di mana peguam berkenaan boleh diambil tindakan di bawah Akta Profesyen Guaman;
 - (ii) pembeli memfailkan tindakan sivil di Mahkamah Tinggi atas kecuaiian profesional peguam tersebut.

SRJK(T)—KEKURANGAN DI KAWASAN PERUMAHAN

39. Tuan Lim Lay Hoon minta Menteri Pendidikan menyatakan tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah

kekurangan SRJK(T) di kawasan perumahan di bandar untuk kanak-kanak kaum India yang berhijrah dari ladang-ladang ke bandar.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk menyediakan kemudahan pendidikan bagi kanak-kanak kaum India yang berhijrah dari ladang-ladang ke kawasan-kawasan perumahan di bandar, Kementerian Pendidikan telah pun menyediakan SRJK(T) di setiap bandar besar. Kementerian Pendidikan setakat ini tidak mengalami sebarang masalah berkenaan dengan penempatan murid-murid kaum India di SRJK(T) di kawasan perumahan di bandar.

**KAMPUNG BARU—
PROJEK PEMBANGUNAN**

40. Tuan Liew Ah Kim meminta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah program konkrit untuk tempoh lima tahun akan datang, bagi memperbaiki tahap kesihatan, infrastruktur, pendidikan, pengangguran dan lain-lain masalah sosial di seluruh kampung-kampung baru di negara ini.

Dr Ting Chew Peh: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diperuntukkan sebanyak \$21.6 juta bagi sepanjang Rancangan Malaysia Keenam untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di kampung-kampung yang dahulunya dikenali sebagai kampung baru. Dalam pengagihan peruntukan tersebut keutamaan akan diberi kepada memperbaiki keadaan parparitan, jalan dan jambatan. Projek-projek lain yang akan ditimbangkan termasuklah memperbaiki atau membina pasar, gerai, dewan orang ramai, tempat rekreasi dan projek-projek sanitasi dan kebersihan. Di samping itu, Kementerian-kementerian serta agensi-agensi pelaksanaan yang lain akan diminta meluaskan pembekalan atau peningkatan perkhidmatan lain seperti bekalan air, bekalan elektrik, kesihatan, pendidikan dan sebagainya. Serentak

dengannya, Program Pembangunan Sosial dan kesejahteraan masyarakat, termasuk bagi penduduk di kawasan-kawasan penempatan, akan terus diberi penekanan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Program ini untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia akan merangkumi projek-projek seperti penyediaan perumahan, sukan, pembangunan masyarakat serta kebaikan sosial.

Isu pengangguran sepatutnya tidak menjadi masalah dengan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan pasaran buruh yang semakin ketat di mana kekurangan pekerja di beberapa sektor dan kawasan telah timbul. Namun demikian sepanjang Rancangan Malaysia Keenam Kerajaan akan terus menggalakkan pertumbuhan ekonomi terutama dalam sektor pembuatan dan pertanian yang akan membawa peluang-peluang pekerjaan di samping memperluaskan kemudahan pendidikan dan latihan yang lebih baik terutama di kawasan-kawasan yang kurang maju.

DASAR PERUMAHAN NEGARA

41. Tuan Liew Ah Kim meminta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan Dasar Perumahan Kebangsaan sama ada akan diwujudkan atau tidak bagi mengatasi masalah perumahan di kalangan rakyat berpendapatan sederhana dan berpendapatan rendah. Nyatakan juga sama ada:

- (a) program dalam skim rumah kos rendah akan dihapuskan dan digantikan dengan 'Perumahan Nasional', dan
- (b) apakah rancangan konkrit dalam dekad 90-an bagi mencapai matlamat 'rumah untuk rakyat yang tidak mempunyai rumah'.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar perumahan pada masa ini ialah untuk menyediakan kemudahan perumahan

yang mencukupi dan mampu dibeli oleh rakyat dari semua kumpulan pendapatan, terutamanya golongan berpendapatan rendah. Dasar ini telah diterjemahkan dalam strategi-strategi pembangunan perumahan yang digariskan dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun dan program-program perumahan yang dilaksanakan. Strategi dan program-program perumahan itu dijangka akan dapat mengatasi masalah perumahan golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang meneliti keperluan mengadakan satu Dasar Perumahan Negara dalam konteks yang lebih luas untuk membantu ke arah pencapaian matlamat Dasar Pembangunan Nasional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Buat masa sekarang, Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan atau menggantikan Skim Rumah Kos Rendah.
- (b) Penyediaan perumahan yang merupakan keperluan luas sosial akan terus diberi penekanan oleh Kerajaan dalam dekad 90-an. Kerajaan akan terus memastikan harga rumah berada pada tahap yang mampu dibeli oleh golongan berpendapatan rendah. Di samping itu, program-program di bawah sektor awam seperti perumahan awam kos rendah dan skim pertapakan dan kemudahan akan diteruskan untuk memenuhi keperluan rakyat berpendapatan rendah.

KEMALANGAN JALAN RAYA— PUNCA UTAMA

42. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian sedang membuat kajian terperinci mengenai sistem pengangkutan

- negara ini bagi mengatasi masalah banyaknya kejadian kemalangan lalulintas di negara ini; dan
- (b) mengikut kajian Kementerian setakat ini, apakah punca-punca besar yang membawa kepada banyaknya kejadian kemalangan jalanraya.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan sememangnya sentiasa mengkaji segala aspek-aspek pengangkutan dengan tujuan memperbaiki sistem pengangkutan khususnya dari segi perundangan pengangkutan jalan bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini. Maka sebab itulah kita dapat perhatikan dari masa ke semasa perundangan dan peraturan baru digubal dan yang lama dipinda bagi mengambilkira perkembangan semasa. Umpamanya, peraturan baru mengenai penggunaan van yang telah dikuatkuasakan pada 1 April 1992 diwujudkan dengan tujuan mengurangkan kemalangan jalan raya yang melibatkan van.

Dalam pada itu, Kerajaan juga membina jalan baru dan meningkatkan taraf serta membaiki jalan-jalan yang sedia ada bagi menampung keperluan trafik yang kian bertambah serta mengurangkan kemalangan jalan raya.

- (b) Berdasarkan analisa yang dibuat bagi tahun 1991, punca-punca utama yang menyebabkan kemalangan jalan raya ialah:
- (i) 96.46% kemalangan jalan raya disebabkan kesalahan pemandu;
 - (ii) 1.13% disebabkan oleh kerosakan jentera;

- (iii) 0.63% kesalahan binatang;
- (iv) 0.6% kerosakan jalan raya;
- (v) 0.97% kesalahan penjalan kaki;
- (vi) 0.09% cuaca; dan
- (vii) 0.029% kerosakan lampu isyarat.

**PEKERJA ASING TANPA IZIN—
OPERASI PENDAFTARAN**

43. Tuan Mohamad bin Sabu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejauhmanakah kejayaan operasi pendaftaran pekerja-pekerja asing sejak ia dilancarkan. Berapakah bilangan pekerja asing yang mendaftar mengikut pecahan sektor pekerjaan dan negara setakat perangkaan terkini; dan
- (b) memandangkan operasi pendaftaran tersebut dijadualkan berakhir pada 30 Jun 1992, apakah bentuk tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap pekerja asing yang gagal mendaftar selepas tempoh itu. Bagaimanakah pula kedudukan majikan yang masih menggunakan khidmat golongan ini.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) jumlah Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah didaftar di Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 15-4-1992 adalah seramai 88,634 orang. Mereka terdiri daripada rakyat negara-negara Indonesia, Bangladesh, Myanmar, India, Thai, Pakistan, Sri Lanka, Filipina, Nigeria, Nepal, Syria, Congo, Djiboti, Ethiopia, Cameron, Zaire, Bostwana dan Tanzania. Mereka ini bekerja di sektor-sektor perladangan, pembinaan dan perkhidmatan pembantu rumah.

- (b) bagi PATI yang gagal mendaftar selepas tempohnya tamat, tindakan tegas akan diambil terhadap mereka dan juga majikan yang melindungi mereka, mengikut undang-undang yang sedia ada.

BENTENG DI KAWASAN PEMBALAKAN—TINDAKAN

44. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan rakyat asing mengikut kewarganegaraan yang dapat kesian terlibat dalam kegiatan menentang pembalakan di Sarawak; apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Dari tarikh 1-2-1987 hingga 29-2-1992, seramai 587 orang rakyat Malaysia telah ditangkap kerana mendirikan benteng-benteng di kawasan-kawasan pembalakan yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan. Dari jumlah ini seramai 512 orang telah dihadapkan ke mahkamah di mana 39 orang telah didapati bersalah dan dipenjarakan. Mereka telah dituduh di bawah Seksyen 143, 341, dan 384 Kanun Keseksan, Seksyen 90 (b) Ordinan Perhutanan dan Seksyen 27 Akta Polis.
- (b) Hingga kini seramai 8 orang rakyat asing telah terlibat dalam kegiatan menentang pembalakan di Sarawak. Kesemua mereka telah ditangkap dan telah didakwa di mahkamah dan dijatuhkan hukuman atas kesalahan pencerobohan jenayah (criminal trespass). Mereka telah pun diusir daripada Malaysia setelah tamat menjalani hukuman penjara.

JENAYAH KOLAR PUTIH— JUMLAH KES

45. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejauhmanakah berleluasanya jenayah kolar putih bagi seluruh negara untuk tahun 1991 dan 1992. Berapakah kes yang sudah diputuskan oleh mahkamah, yang sedang dalam perbicaraan, yang sedang dalam penyiasatan dan yang tidak dapat diambil tindakan atas sebab-sebab tertentu dalam tempoh tersebut; dan
- (b) apakah benar penjenayah-penjenayah kolar putih yang dikenakan hukuman penjara mendapat layanan yang lebih istimewa berbanding dengan penjenayah-penjenayah rompak bersenjata.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Dalam tahun 1991, sebanyak 4,350 kes jenayah kolar putih dilaporkan melibatkan kerugian sejumlah \$110 juta. Bagi tempoh 3 bulan pertama bagi tahun 1992, sebanyak 1,158 kes dilaporkan dengan jumlah kerugian yang dialami sebanyak \$27.38 juta. Bagi tahun 1991 hingga Mac 1992, kes-kes yang sudah diputuskan oleh mahkamah ialah 1,143 kes, yang sedang dalam perbicaraan 122 kes dan yang sedang dalam penyiasatan 4,243 kes.
- (b) Semua banduan di penjara diberi layanan sama rata mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan penjara.

PAS LAWATAN KE JEPUN— PERATURAN BARU

46. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau

sedar bahawa Kerajaan Jepun mengadakan peraturan baru lawatan tanpa visa dari 90 hari ke 15 hari dan ini menimbulkan kesulitan kepada pelancong dan peniaga Malaysia untuk pergi ke sana dalam tempoh yang lama. Jika sedar, adakah Kerajaan bercadang untuk merundingkan semula masalah ini dengan Kerajaan Jepun supaya mengekalkan semula kemudahan ini.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kementerian Luar Negeri sedar bahawa pihak Imigresen Jepun telah melaksanakan peraturan mengeluarkan pas lawatan (landing permit) 15 hari kepada pelawat-pelawat dari Malaysia mulai awal tahun 1992 ini. Perkara ini telah dimaklumkan kepada kita oleh Kerajaan Jepun. Kerajaan Jepun menjelaskan bahawa peraturan ini adalah langkah sementara dan sebagai percubaan dalam usaha Jepun menyekat kemasukan pekerja tanpa izin Malaysia ke negara itu. Peraturan ini bukanlah bertujuan untuk memberi kesulitan kepada pelawat-pelawat sebenar (genuine travellers) dari Malaysia. Pihak Imigresen Malaysia masih mengeluarkan pas lawatan 90 hari kepada mana-mana pelawat Malaysia yang perlu tinggal lebih lama sekiranya mereka menjelaskan keperluan ini kepada Imigresen Jepun di pintu masuk.

Kerajaan tidak bercadang mengadakan rundingan semula dengan Kerajaan Jepun mengenai perkara ini kerana kita berpendapat tempoh lawatan 15 hari ke Jepun adalah satu tempoh yang munasabah bagi kebanyakan pelawat dari Malaysia, sama ada untuk tujuan melancong atau berniaga.

SELANGOR TURF CLUB— PEMBANGUNAN SEMULA

47. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah pihak berkuasa telah meluluskan cadangan untuk memajukan tapak tanah lama

Selangor Turf Club yang terletak di Jalan Ampang Kuala Lumpur dan jika ia, minta memberi detail; dan

- (b) adakah pihak Kerajaan pernah menimbangkan menjadikan kawasan tersebut sebagai suatu Taman Awam supaya mewujudkan satu lagi kawasan hijau dalam Bandaraya Kuala Lumpur yang terlalu sesak itu.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:

- (a) Cadangan untuk memajukan tapak tanah lama Selangor Turf Club seluas kira-kira 97.25 ekar yang terletak di Jalan Ampang, Kuala Lumpur telah diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Projek ini akan dilaksanakan oleh Syarikat Seri Kuda Sdn. Bhd. Cadangan pembangunan semula kawasan ini adalah sebagai kawasan pembangunan campuran yang terdiri daripada bangunan-bangunan komersial, hotel, pejabat, taman rekreasi awam dan kemudahan-kemudahan lain.

Cadangan pembangunan semula tapak Kelab Lumba Kuda Selangor ini mengandungi beberapa fasa. Fasa pertama projek ini akan mengandungi:

- (1) 2 blok menara pejabat-84 tingkat
- (2) Taman rekreasi awam
- (3) Pembinaan infrastruktur/perkhidmatan seperti jalan raya, bekalan air, elektrik dan alat-alat perhubungan.

Oleh kerana lokasinya yang strategik di Pusat Bandar projek ini akan menjadi "landmark" yang penting bagi Kuala Lumpur. Keseluruhan cadangan pembangunan ini dianggap akan meninggikan lagi imej

Bandaraya Kuala Lumpur daripada segi rekabentuk bangunan-bangunan dan juga untuk menghasilkan ruang pejabat bermutu tinggi serta bertaraf antarabangsa.

- (b) Mengikut pelan susunatur yang diluluskan 60 ekar daripada kawasan ini adalah untuk kawasan taman dan rekreasi awam dan 37.25 ekar adalah untuk kegunaan lain. Kawasan 60 ekar ini yang akan dibangunkan sebagai kawasan taman dan rekreasi adalah merupakan satu kawasan hijau selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengindahkan Kuala Lumpur.

KAD PENGENALAN BARU— MASALAH PENUKARAN

48. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebabnya penukaran Kad Pengenalan Lama kepada Kad Pengenalan Baru memakan masa melebihi satu tahun; dan
- (b) adakah Kementerian Dalam Negeri sudah mengenalpasti masalah-masalah yang berkaitan dan langkah-langkah yang sudah diambil.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Penukaran Kad Pengenalan lama kepada Kad Pengenalan Baru (KPT) memakan masa oleh kerana sebab-sebab berikut:
- (i) maklumat yang diberi tidak lengkap dan kuir daripada Jabatan mengenai maklumat tambahan dan pembekalan dokumen sokongan tidak dijawab oleh pemohon dalam masa yang awal;

(ii) kekurangan kakitangan Jabatan yang mengendalikan prosesan KPT.

- (b) Kementerian telah mengenalpasti masalah-masalah tersebut dan langkah-langkah yang sesuai telah dan sedang diambil.

PENSWASTAAN PERKHIDMATAN KERAJAAN

49. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah perkhidmatan Kerajaan yang dikenalpasti untuk diswastakan di seluruh negara dan di Sarawak;
- (b) sehingga sekarang, berapa banyakkah perkhidmatan Kerajaan yang bermonopoli (sila nyatakan nama projek-projek) yang telah diswastakan dan berapakah jumlah modal berbayar yang terlibat; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan proses pengswastaan tidak akan membahayakan kepentingan pengguna dan bahawa peluang serta faedah dalam penyertaan ekuiti diagih dengan adil kepada semua rakyat Malaysia dan semua negeri di seluruh Malaysia.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 27 perkhidmatan/projek Kerajaan telah dikenalpasti untuk diswastakan tahun ini dan sebanyak 28 projek lagi dikenalpasti untuk diswastakan tahun hadapan. Projek-projek yang dikenalpasti tersebut meliputi seluruh negara.
- (b) Sebanyak 6 perkhidmatan Kerajaan yang bersifat monopoli

telah diswastakan. Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut dan modal berbayarnya adalah seperti berikut:

<i>Syarikat</i>	<i>Modal Berbayar</i>
	<i>Juta</i>
1. Malaysia Airline System (MAS)	\$ 350.00
2. Lebuhraya Utara-Selatan (United Engineers (M) Bhd.)	\$ 271.00
3. Syarikat Telekom Malaysia Berhad	\$1,970.50
4. Tenaga Nasional Berhad	\$3,000.00
5. Terminal Kontena Pelabuhan Klang (Syarikat KCT Sdn. Bhd)	\$ 111.62
6. Depoh Baikpulih Kapalterbang (Airod Sdn. Bhd.)	\$ 3.44

- (c) Dalam menimbang untuk menswastakan sesuatu projek, Kerajaan memberi perhatian yang khusus mengenai faedah penswastakan projek tersebut dalam mencapai objektif penswastakan di samping memastikan bahawa penswastakan tersebut tidak akan menjejaskan kepentingan orang ramai. Dalam penswastakan industri bersifat monopoli, misalnya, Kerajaan telah dan akan menubuhkan badan kawalselia yang bertanggungjawab memastikan pengguna mendapat perlindungan daripada kuasa-kuasa monopoli. Dalam hubungan ini, badan kawalselia ini bertanggungjawab menentukan kadar yang dikenakan oleh monopoli yang diswastakan adalah berpatutan, perkhidmatan yang disediakan memenuhi tahap piawai minima demi keselamatan orang ramai dan perkhidmatan tersedia untuk memenuhi permintaan daripada pengguna.

Mengenai penyertaan dalam projek penswastakan pula, sukalah saya memaklumkan bahawa

peluang menjayakan dasar penswastakan dari segi pemilikan ekuiti adalah terbuka luas kepada semua rakyat Malaysia. Dalam hubungan ini, rakyat Malaysia bolehlah mengenalpasti perkhidmatan Kerajaan yang sesuai diswastakan dan mengemukakan kepada Kerajaan. Sekiranya projek berkenaan belum lagi dikenalpasti oleh Kerajaan sebagai calon yang sesuai diswastakan dan cadangannya adalah cadangan yang unik, Kerajaan akan berunding terus dengan pihak yang mengemukakan cadangan tersebut dengan tujuan menswastakannya. Di samping itu, orang ramai boleh juga memiliki ekuiti syarikat yang diswastakan dengan membeli saham-saham yang ditawarkan oleh syarikat berkenaan semasa saham syarikat disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

GURU BESAR SEKOLAH RENDAH SEBAGAI PEMEGANG WARAN

50. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk memberi kuasa membeli bekalan pendidikan sekolah kepada pengetua sekolah-sekolah rendah di Sarawak sebagaimana arahan kuasa yang sama kepada pengetua sekolah menengah kerana pembelian pusat secara tender yang ada di masa kini telah menghasilkan kualiti yang rendah dan kelwatan penghantaran masa kerana syarikat yang ditender berpusat di Kuching sahaja.

Dr Fong Chan Oon: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat perbezaan latar belakang di antara sekolah rendah dengan sekolah

menengah. Kebanyakan sekolah rendah letaknya di luar bandar dan sukar dihubungi manakala hampir semua sekolah menengah letaknya di dalam bandar atau pekan-pekan kecil yang mudah dihubungi.

Berasaskan perbezaan latar belakang tersebut maka Jabatan Pendidikan Sarawak belum lagi berhasrat untuk melantik guru-guru besar sekolah rendah sebagai pemegang waran kerana Jabatan Pendidikan Sarawak akan mengalami kesukaran untuk mengawas dan mengawal sama ada guru-guru besar berkenaan mematuhi segala surat pekeliling dan Arahan Perbendaharaan mengenai pengurusan kewangan Kerajaan.

Setakat ini Jabatan Pendidikan Sarawak tidak pernah menerima laporan yang tidak baik mengenai Kontrak Pusat. Walaupun kebanyakan syarikat-syarikat yang ditawarkan Kontrak Pusat, berpusat di Kuching, mereka mempunyai cawangan atau agen-agen di seluruh Negeri Sarawak dan sekolah boleh menghubungi syarikat-syarikat berkenaan melalui cawangan-cawangan atau agen-agen yang telah dilantik oleh syarikat-syarikat berkenaan.

GURU BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH KERAJAAN

51. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pendidikan memberitahu setakat ini berapa orangkah guru-guru Bahasa Inggeris yang didatangkan dari luar negeri bagi mengajar Bahasa Inggeris di sekolah dan di sekolah-sekolah manakah mereka ditempatkan.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, tidak ada seorompokun guru dari luar negeri yang mengajar Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah Kerajaan.

GURU SANDARAN TIDAK TERLATIH—KEMASUKAN KE MAKTAB PERGURUAN

52. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pendidikan memberitahu ada sungutan bahawa guru-guru sementara ada yang belum ditimbang untuk diserapkan ke Maktab-maktab Perguruan sedangkan negara mengalami kekurangan guru pada tiap-tiap tahun. Apakah langkah-langkah tertentu mengenai hal ini.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru sandaran tidak terlatih memang digalakkan untuk memohon memasuki maktab-maktab perguruan dengan syarat mereka memiliki kelayakan yang diperlukan. Walau bagaimanapun permohonan mereka akan diproses melalui prosedur biasa. Kelonggaran juga diberikan dari segi had umur iaitu tidak melebihi 30 tahun berbanding dengan 27 tahun bagi calon-calon lain.

Bilangan yang diambil untuk mengikuti kursus perguruan setiap tahun adalah bergantung kepada kapasiti dan kemudahan yang ada di maktab-maktab perguruan sekarang ini. Walaupun begitu, bilangan yang diambil sentiasa bertambah setiap tahun.

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA—PERKHIDMATAN DOKTOR BANGLADESH

53. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) mengapakah Kementerian terpaksa menggunakan doktor-doktor Bangladesh untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Apakah bentuk sekim yang ditawarkan kepada mereka dan sehingga lama manakah perkhidmatan mereka diserapkan dalam ATM;

(b) adakah Kementerian telah berusaha untuk mendapat khidmat doktor-doktor tempatan; setakat manakah penerimaan mereka.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

(a) Kementerian Pertahanan terpaksa menggunakan khidmat doktor-doktor dari Bangladesh adalah kerana ATM sangat kekurangan pegawai perubatan dan usaha-usaha untuk mendapatkan pegawai perubatan tempatan untuk memasuki perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak berhasil.

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mempunyai 229 perjawatan perubatan dan pegangan hanya 163 (71%) yang terdiri dari pegawai Tauliah Tetap, Pegawai Tauliah Jangka Pendek dan pegawai pinjaman dari Kementerian Kesihatan dan juga dari Angkatan Tentera Bangladesh.

Pegangan sebanyak 163 itu termasuk mereka yang mengikuti kursus (24 orang) untuk tempoh dari 9 bulan hingga 4 tahun. Dengan ini bilangan sebenar yang dapat memberi perkhidmatan adalah masih berkurangan lagi (iaitu 60.6% sahaja).

Skim yang ditawarkan kepada doktor Bangladesh adalah sama dengan skim yang diberikan kepada doktor tempatan dan tempoh perkhidmatan doktor Bangladesh adalah mengikut kontrak iaitu selama dua tahun permulaan. Mereka boleh memohon untuk menyambung khidmat, tetapi mereka mesti kembali dahulu selepas tamat kontrak asal. Perlu ditegaskan mereka ini tidak akan discrapkan dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

(b) Dalam usaha untuk mendapatkan khidmat doktor tempatan, Kementerian Pertahanan telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (1) Membuat tawaran biasiswa kepada penuntut jurusan kedoktoran di Universiti tempatan atau di luar negeri, tetapi sambutan yang diberikan adalah kurang memuaskan.
- (2) Jasabai diminta dengan Kementerian Kesihatan untuk menempatkan doktor-doktor menjalani khidmat wajib dengan Unit Perubatan Angkatan Tentera Malaysia, juga menerima sambutan yang kurang memuaskan.
- (3) Membuat tawaran terbuka melalui media massa juga menerima sambutan yang sama seperti di atas.

Kurangnya sambutan ini mungkin disebabkan tiada galakan (insentif) bagi mereka untuk berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia. Doktor-doktor dalam Angkatan Tentera Malaysia menerima gaji yang sama seperti doktor-doktor dalam perkhidmatan Kementerian Kesihatan.

RISDA—PENANAM SEMULA GETAH

54. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) adakah sikap Kementerian terhadap gesaan Persatuan Pekebun-pekebun Kecil Kebangsaan supaya Kerajaan mengkaji peranan RISDA dalam menguruskan geran Persekutuan dan mendakwa bahawa RISDA tidak

mempunyai keupayaan menguruskan tanggungjawab tersebut.

- (b) sejauh manakah benarnya dakwaan Pengerusi RISDA bahawa RISDA menanggung kerugian berjuta-juta ringgit berikutan adanya tuntutan-tuntutan palsu yang dikemukakan oleh pihak pekebun-pekebun kecil.

Dato Mohamed bin Jamrah: Mengenai soalan (a), Kementerian sentiasa mengawasi prestasi agensi-agensi di bawah bidangnya dan ini termasuklah prestasi RISDA. Dalam hal ini, RISDA setakat ini telah terlibat dalam urusan penanaman semula getah dan berjaya menanam semula seluas 699,976 hektar daripada tanaman getah kepada getah. Walau bagaimanapun, adalah menjadi matlamat Kementerian untuk meningkatkan tahap pencapaian dan prestasi itu.

Dalam usaha menanam semula getah ini RISDA juga menghadapi beberapa masalah seperti tanah-tanah getah yang tiada hak milik (title) dan kadangkala keengganan tuan-tuan tanah sendiri untuk menanam semula. Dalam hal ini, RISDA telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini seperti mengadakan ceramah-ceramah dan bengkel-bengkel bagi menarik minat dan memperluaskan pengetahuan pekebun-pekebun kecil, melancarkan kempen Tahun Teknologi Getah dan memberi sokongan dan galakkan kepada Koperasi bagi mempertingkatkan aktiviti tanam semula. Di samping itu, RISDA juga telah melancarkan Banci Pekebun Kecil pada 5 Mei 1992, yang mana akan membantunya merancang program tanam semula dengan lebih teratur.

Dalam usaha mempertingkatkan prestasi agensi-agensinya, Kementerian juga kini sedang mengkaji kemungkinan

mewujudkan satu reka bentuk rasionalisasi tugas antara RISDA dengan agensi-agensi Kementerian yang lain, iaitu FELDA dan FELCRA, supaya aktiviti ketiga-tiga agensi ini dapat diselaraskan dan perkhidmatan yang lebih efisien dapat diberikan kepada pekebun-pekebun kecil.

Mengenai soalan (b) pula, apa yang dimaksudkan oleh Pengerusi RISDA itu, yang mana juga turut dilaporkan oleh akhbar-akhbar, ialah tuntutan yang dibuat oleh estet-estet dan bukanlah tuntutan oleh pekebun-pekebun kecil. Perkara ini telah juga saya jelaskan dalam Dewan ini pada 6 Mei 1992 yang lalu. Oleh itu, pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai sejauh mana benarnya dakwaan Pengerusi RISDA itu tidaklah timbul kerana beliau tidaklah membuat dakwaan sedemikian.

PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI DI SARAWAK

55. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bagaimana seriusnya masalah kekurangan atau ketiadaan telefon di kampung-kampung dan di kawasan rumah panjang di luar bandar. Nyatakan juga langkah-langkah yang dirancangan untuk mengatasi masalah tersebut dalam Rancangan Malaysia Ke 6 nanti.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Telekom Malaysia sedar tentang tanggungjawab untuk memperluaskan bidang komunikasi di luar bandar bukan sahaja perkhidmatan telefon awam luar bandar tetapi juga perkhidmatan telefon ke rumah.

Schubungan dengan itu, Telekom Malaysia telah memperuntukkan sebanyak \$235 juta untuk pembangunan telekomunikasi di pendalaman negeri Sarawak.

Memang diakui terdapat masalah untuk menyediakan kemudahan telekomunikasi di negeri Sarawak oleh kerana kedudukan tempat-tempat yang memerlukan kemudahan ini adalah terpencil dan jauh di pedalaman. Namun begitu Telekom Malaysia akan menggunakan apa jua teknologi yang ada untuk menyediakan kemudahan-kemudahan itu seperti penggunaan alat-alat Multi Access Radio System (MARS), Hubungan Radio Microwave, VHF Single Channel dan lain-lain kemudahan.

PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN

56. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapakah jumlah rakyat termiskin yang telah didaftar di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) mengikut setiap negeri di seluruh Malaysia;
- (b) apakah bentuk bantuan yang telah diberi dari PPRT kepada rakyat termiskin dan jumlah tiap satu bantuan yang terlibat; dan
- (c) bagaimanakah Kerajaan dapat menjamin bahawa tidak akan berlaku penipuan dan penyelewengan dalam pemilihan untuk PPRT.

Dato' Mohamed bin Jamrah:

- (a) Jumlah Ketua Isi rumah di Semenanjung Malaysia yang disenaraikan dalam Daftar Asas Keluarga Termiskin 1991 adalah 106,964. Pecahan jumlah Ketua Isi rumah mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

Johor	5,186
Kedah	19,197
Kelantan	22,693
Melaka	6,196
Negeri Sembilan	3,295
Pahang	5,585

Pulau Pinang	4,106
Perak	18,050
Perlis	3,062
Selangor	3,700
Terengganu	15,894
	<hr/>
	106,964
	<hr/>

Bagi Sabah dan Sarawak, proses pendaftaran masih berjalan.

- (b) Bentuk bantuan yang telah diberi di bawah PPRT merangkumi projek-projek di bidang pertanian seperti pemulihan tanah terbiar, ternakan, perikanan, pertanian, pengembangan dan bimbingan, penyediaan ruang pasaran, kemudahan kredit tanpa faedah dan lain-lain. Manakala di bidang sosial meliputi program pendidikan, kesihatan, latihan dan kursus bagi belia-belia, pemulihan rumah dan lain-lain. Sebanyak \$345.78 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan untuk bantuan-bantuan ini dalam tempoh 1989-1990. Manakala sebanyak \$682.6 juta lagi telah diperuntukkan untuk tempoh Rancangan Malaysia Keenam.
- (c) Bagi menjamin matlamat PPRT tercapai, jentera penyelarasan pelaksanaan telah diwujudkan di tiap-tiap daerah yang dikenali sebagai Jawatankuasa Penyelarasan PPRT Peringkat Daerah. Jawatankuasa ini akan menyelaras pelaksanaan PPRT di peringkat daerah sementara Jawatankuasa Penyelarasan PPRT di peringkat negeri juga wujud untuk menyelaras perjalanan PPRT di seluruh negeri. Di samping itu seperti biasa agensi-agensi Kerajaan yang berwajib sentiasa mengawasi agensi-agensi pelaksana supaya mengamalkan sikap "bersih, cekap dan amanah" dalam menjalankan tugas mereka.

TENTERA UDARA AUSTRALIA— KEHADIRAN

57. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa lama lagiakah Australia akan menempatkan Tentera Udaranya di negara ini. Apakah kehadiran Tentera Udara Australia ini didapati relevan dengan perkembangan pertahanan semasa di Malaysia.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Kehadiran ini adalah satu persetujuan melalui persetujuan "Five Power Defence Arrangement". Dasar ini adalah selaras dengan Dasar Politik dan Pertahanan Negara dan akan hanya berubah tertakluk kepada Dasar pokok negara ini.

Buat masa ini keutamaan diberi dalam bidang latihan untuk meningkatkan lagi kemahiran dan pendedahan anggota TUDM. Konsep sekarang mengutamakan aktiviti yang memberi munafaat kepada kedua-dua belah pihak dan dirancangan agar "proactive" sebelum jadual diimplemantasikan.

TUDM—NAHAS UDARA

58. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah nahas udara yang melibatkan Tentera Udara Diraja Malaysia sejak lima tahun kebelakangan ini. Apakah jenis pesawat yang sering kecelakaan. Apakah sebab-sebabnya; Berapakah nyawa sudah terkorban akibat nahas itu.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Jumlah nahas udara yang menimpa TUDM sejak lima tahun kebelakangan (1987-1992) adalah sebanyak 20 kemalangan.

Sebenarnya tidak ada suatu jenis pesawat boleh dikatakan sering menerima kecelakaan, sungguhpun ada terdapat pesawat sejenis yang berturut-turut menimpa kemalangan tetapi ia tidak semestinya berlaku dari punca

yang sama dan kemalangan berlaku dalam lingkungan masa yang tertentu sahaja.

Mengenai kemalangan kapalterbang pula pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah mengklasifikasikan punca kemalangan seperti berikut:

- (i) Faktor Krew (AF).
- (ii) Kecacatan Teknikal (TD).
- (iii) Kesilapan servis dan pemeriksaan (ISE).
- (iv) Faktor Organisasi (O).
- (v) Belum diketahui (U)

Sementara itu pula jumlah nyawa yang terkorban ialah 33 tentera dan 10 polis/awam.

PERUNTUKAN KEPADA SABAH—TANGGUNGJAWAB KERAJAAN PUSAT

59. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan tentang maksud sebenar kenyataan Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Yang Berhormat Encik Yassin Kamari ketika melawat Sabah di suatu masa lalu di mana beliau menyatakan bahawa "tiada sokongan, tiada peruntukan". Jika rakyat Sabah tidak berani menolak PBS maka peruntukan Sabah akan ditarik balik dan diberikan kepada negeri yang lain.

(a) adakah kenyataan itu sememangnya ada termaktub dalam Perlembagaan Malaysia iaitu jika Kerajaan Negeri dalam satu-satu negeri itu bukan anggota Barisan Nasional, maka pusat terlepas daripada tanggungjawab untuk memberi peruntukan kepadanya; dan

(b) kalau benar apa yang dikatakan seperti di atas itu, adakah itu boleh membawa makna bahawa Kerajaan Pusat juga terlepas haknya untuk menerima sebarang "royalti" daripada Sabah.

Dato Mohamed bin Jamrah: Perlembagaan Malaysia khususnya Perkara 109 telah menggariskan tanggungjawab Kerajaan Pusat mengenai pemberian-pemberian kepada negeri-negeri. Justeru itu Kerajaan Pusat tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya pembayaran berkanun yang dinyatakan.

Selain daripada butiran-butiran hasil yang diserahkan kepada Kerajaan Negeri seperti yang disebutkan di bawah Bahagian 3, Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan, Perlembagaan Malaysia juga membolehkan Kerajaan Pusat untuk mengutip hasil cukai menurut kuasa undang-undang. Dengan itu tidak timbul persoalan Kerajaan Pusat terlepas haknya untuk menerima hasil seperti yang disebutkan itu.

Kerajaan Pusat telah menyediakan peruntukan yang besar bagi melaksanakan projek-projek pembangunan, termasuklah bagi negeri Sabah. Bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar antara projek-projek yang dimaksudkan ialah antara lain projek-projek bekalan air luar bandar dan jalanraya luar bandar.

BANGUNAN SEKOLAH USANG— MENGGANTIKAN

60. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah pendirian Kerajaan tentang sekolah-sekolah rendah bantuan untuk menggantikan beberapa bangunan-bangunan yang lama dan tidak lagi selamat.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa ingin mengadakan kemudahan fizikal yang selesa dan memuaskan untuk proses pengajaran dan pembelajaran bagi semua jenis sekolah.

Walau bagaimanapun proses menggantikan bangunan-bangunan Sekolah Rendah Bantuan Mission adalah berdasarkan kepada permohonan oleh Lembaga Pengurusan Sekolah itu sendiri melalui Jabatan Pendidikan Sarawak untuk mendapatkan Bantuan Modal. Segala permohonan yang dikemukakan akan dipertimbangkan mengikut keperluan dan peruntukan yang ada.

LEBUHRAYA UTARA- SELATAN—KENAIKAN KOS PEMBINAAN

61. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Jika tidak apakah sebab-sebab kelambatan menyiapkannya. Adakah ia juga melibatkan pertambahan kos.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan mengikut perjanjian konsesi dijadualkan siap pada tahun 1995 dan syarikat konsesi dapat menyiapkan dalam masa yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan memang ada melibatkan pertambahan kos pembinaan. Kenaikan dalam kos pembinaan adalah akibat dari berikut:

- (a) inflasi;
- (b) skop pembinaan yang diperluaskan dan disiapkan lebih awal (accelerated completion) seperti pembinaan jalan 3 lorong dua hala di Lebuhraya Baru Lembah Kelang (rancangan asal hanya melibatkan jalan 2 lorong 2 hala), dan pembinaan awal persimpangan di Ladang Bertam, Pulau Pinang; dan
- (c) perubahan dalam rekabentuk dan kerja-kerja tambahan.

**VAN PERSENDIRIAN SEBAGAI
KENDERAAN AWAM—
KELONGGARAN**

62. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kerajaan bercadang memberi kelonggaran kepada penguasa van untuk membawa penumpang bagi menambah kenderaan awam. Jika tidak, apakah syarat-syarat baru yang dikenakan kepada pengusaha-pengusaha van tersebut berkaitan dengan penumpang.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Kementerian Pengangkutan mentafsirkan bahawa soalan ini adalah menyentuh mengenai pemilik van persendirian yang beroperasi sebagai Kenderaan Perkhidmatan Awam secara haram dengan mengenakan tambang.

Dalam hubungan ini, Kerajaan tidak bercadang memberi sebarang kelonggaran kepada pemilik van persendirian tersebut untuk beroperasi sebagai kenderaan perkhidmatan awam, melainkan pemilik berkenaan memperolehi permit Kenderaan Perkhidmatan Awam yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP).

Ingin dijelaskan bahawa kelulusan daripada LPKP adalah merupakan satu syarat sebelum seseorang pengusaha dapat menceburkan diri dalam aktiviti Kenderaan Perkhidmatan Awam.

**PROJEK TERBENGKALAI—
TINDAKAN KE ATAS
KONTRAKTOR**

63. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) bilangan projek yang terbengkalai atau lewat siap di seluruh negara pada tahun lepas; dan

- (b) apakah sebab-sebab kontraktor tidak dapat menyudahkan kerja mengikut tempoh dan bentuk tindakan yang diambil oleh Kerajaan ke atas kontraktor tersebut.

Tuan Kerk Choo Ting:

- (a) Bilangan projek terbengkalai di seluruh negara pada tahun lepas adalah sebanyak 99, iaitu 85 projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan 14 projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri.
- (b) Di antara sebab-sebab utama kontraktor tidak dapat menyudahkan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan adalah disebabkan:
- (i) kontraktor menghadapi masalah kewangan; dan
 - (ii) pengurusan syarikat yang lemah.

Kontraktor-kontraktor yang mana kontraknya ditamatkan, akan menghadapi tindakan berikut:

- (i) bond pelaksanaannya akan dirampas;
- (ii) mereka dikehendaki membayar perbezaan harga di antara kontrak lama dan kontrak untuk menyiapkan projek tersebut; dan
- (iii) pendaftarannya akan digantung. Pendaftaran syarikat dengan Pusat Khidmat Kontraktor akan dibatalkan selepas penamatan kontrak kali ketiga.

**PELABURAN MALAYSIA DI
VIETNAM—JUMLAH**

64. Tuan Wong Wing Onn minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah projek-projek yang dilaburkan oleh pelabur-pelabur Malaysia di Vietnam dan jumlah nilai yang terlibat.

Tuan Chua Jui Meng: Pertumbuhan perdagangan dua hala Malaysia dengan Vietnam pada ketika ini adalah menggalakkan. Jumlah perdagangan antara kedua buah negara telah meningkat dari \$138 juta ringgit pada tahun 1989 ke \$235 juta ringgit pada tahun 1991, mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 70%. Perdagangan dua hala ini dijangka akan meningkat dengan kadar yang lebih pesat selepas lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Vietnam baru-baru ini. Ahli-ahli sektor swasta yang turut menyertai delegasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjaya dalam perundingan pengeksportan barangan Malaysia ke Vietnam bernilai sebanyak \$88 juta ringgit. Barangan eksport yang terlibat adalah barangan perubatan, peralatan "refrigeration", barangan kertas, urea dan komponen-komponen komputer. Jumlah import dari Vietnam yang dirunding adalah sebanyak 59 juta ringgit. Barang-barang import utama adalah beras, hasil lautan, perabot, tekstil dan "lacquer wares" (dengan izin).

Jumlah pelaburan Malaysia di Vietnam pada ketika ini adalah sebanyak \$180 juta ringgit. Petronas Carigali merupakan pelabur yang terbesar di kalangan pelabur-pelabur Malaysia, dengan jumlah pelaburan sebanyak \$162 juta ringgit. Syarikat lain yang terlibat dalam projek usahasama dengan Vietnam termasuk:

- Public Bank Berhad;
- Scansia (M) Sdn. Bhd.;
- Trade Ocean Sdn. Bhd.;
- Agrotek Co. & Investment Corporation.

Semasa lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Vietnam pada 19-24 April 1992, lebih 20 syarikat Malaysia telah menandatangani

Memorandum Persefahaman dan Perjanjian-perjanjian dengan pihak Vietnam. Di antaranya ialah:

- Hotel Equatorial/Arab-Malaysia Development Bank untuk membina hotel di bandar Ho Chi Minh yang bernilai \$63 juta ringgit;
- Tropical Canning Corporation Sd. Bhd. untuk melabur dalam industri perikanan bernilai sebanyak \$38-75 juta ringgit.
- Kumpulan Emas untuk membina tiga projek pembekalan air bernilai \$50 juta ringgit.
- Akitek Jururancang (M) Sdn. Bhd. bersetuju menjalankan projek rekaan, pembangunan dan pembaharuan bandar Ho Chi Minh; dan
- Samen Holdings Sdn. Bhd. akan berusahasama dengan Bason Shipyard, Vietnam, untuk menjalankan kerja-kerja membaik-pulih kapal-kapal dan perkhidmatan maritim.

Jumlah perdagangan dua hala antara Malaysia dan Kemboja pada ketika ini adalah kecil. Perdagangan dua hala Malaysia-Kemboja dalam tahun 1989 adalah sebanyak \$21 juta ringgit manakala dalam tahun 1991 adalah \$33 juta ringgit. Perdagangan dua hala adalah lebih menguntungkan Kemboja. Lebihan dagangan yang dicatatkan oleh Kemboja pada tahun 1991 adalah \$28 juta ringgit.

Jumlah perdagangan dua hala antara Malaysia dengan Laos pada tahun 1989 adalah sebanyak 0.4 juta ringgit dan pada tahun 1991 sebanyak 0.7 juta ringgit.

Kerajaan telah berusaha untuk menjalinkan hubungan ekonomi dan perdagangan antara Malaysia dan Vietnam. Beberapa langkah telah pun diambil untuk mencapai tujuan ini. Di antaranya ialah menghapuskan sekatan

lawatan ke atas rakyat untuk melawat Vietnam dan sebaliknya, menubuhkan Pejabat Perdagangan Malaysia di bandar Ho Chi Minh untuk membantu ahli-ahli perniagaan Malaysia yang ingin berurusan di Vietnam, menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan, Perjanjian Kerjasama Pos dan Telekomunikasi, Perjanjian Kerjasama Ekonomi, Sainstifik dan Teknikal; menggalakkan penubuhan projek-projek usahasama antara sektor swasta Malaysia dengan pihak berkuasa Vietnam, khususnya dalam sektor perlombongan, pembinaan, perkhidmatan institusi kewangan, pengeluaran minyak mentah, perkhidmatan telekomunikasi dan perhotelan.

Kerajaan akan terus menggalakkan ahli-ahli perniagaan menerokai pasaran (untuk eksport dan pelaburan) di Indocina, terutama Vietnam. Peluang-peluang perdagangan dan pelaburan di Vietnam adalah cerah kerana terdapat beberapa bidang ekonomi yang sesuai untuk pengusaha-pengusaha Malaysia menyertainya. Sehubungan dengan ini, MITI akan terus menggalak dan membantu pihak sektor swasta dalam penyertaan mereka untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan di negara tersebut.

BPR—SIASATAN DALAM ISU KUMPULAN SAGAWA KYUBIN JEPUN

65. Dr Kua Kia Soong minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Agensi Anti Rasuah menjalankan penyiasatan ke atas bukti-bukti yang telah dijumpai baru-baru ini mengenai isu Kumpulan Sagawa Kyubin Jepun yang membayar kepada bekas Menteri Kewangan dan MP dari kawasan Merbok wang sebanyak US\$11.5 juta. Jika ya, apakah hasil penyiasatan tersebut; jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Setakat ini Badan Pencegah

Rasuah tidak menerima sebarang maklumat atau aduan rasmi berhubung dengan isu seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan. Walau bagaimanapun, ekoran daripada pertanyaan ini BPR akan mengambil tindakan sewajarnya.

TV4—SIARAN TAMBAHAN

66. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Penerangan menyatakan kedudukan permohonan untuk menubuhkan TV4 oleh Melewar Corporation dan memberikan butir-butir mengenai kelulusan atau permohonan untuk penubuhan rangkaian-rangkaian televisyen yang lain, termasuk permohonan-permohonan yang dibentangkan oleh Utusan Melayu (Malaysia) dan Rediffusion.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Kementerian bercadang mengadakan Siaran TV tambahan atau TV4 seawal-awalnya pada tahun 1994. Pemilihan syarikat untuk melaksanakan siaran TV4 ini akan dibuat melalui tender. Siaran akan dihadkan kepada kawasan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang sahaja, Kerajaan belum menentukan rancangan-rancangan yang akan diadakan, ini akan diputuskan kemudian kelak.

PEGUAM DAN KERAJAAN— MEMULIHKAN PERHUBUNGAN

67. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah Kerajaan berusaha memburukkan lagi perhubungan peguam dan Kerajaan dengan mengkaji semula kerja-kerja guaman yang dikendalikan oleh Ahli-ahli Majlis Peguam untuk menghukum mereka kerana pembelaan mereka terhadap prinsip-prinsip Kebebasan Kehakiman dan Pemerintahan Undang-undang (Rule of Law), dan sama ada Kerajaan akan mengambil inisiatif untuk memulihkan perhubungannya dengan Peguam-peguam Malaysia.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kerajaan dalam perhubungan dengan mana-mana pihak sentiasa bersikap adil dan saksama berasaskan kepentingan rakyat. Justeru itu pandangan bahawa Kerajaan berusaha memburukan lagi perhubungan peguam dan Kerajaan adalah tidak benar. Kerajaan bertanggungjawab untuk menjelaskan kedudukan sebenar dalam negara, apabila ahli-ahli Majlis Peguam secara bersendirian atau kolektif telah cuba memburukan imej negara dan Kerajaan di luar negeri. Selama ini Kerajaan sentiasa mempertahankan prinsip-prinsip keluruhan kehakiman dan menghormati Pemerintah Undang-undang (Rule of Law). Perkara ini terbukti dalam keputusan yang dibuat oleh mahkamah tanpa apa-apa campurtangan dari Kerajaan dan juga dari kes-kes yang diambil terhadap Kerajaan.

UNIVERSITI MERDEKA— PENUBUHAN

68. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada berikutan kenyataan beliau bahawa perlunya memperluaskan peluang pelajaran di peringkat tinggi:

- (a) adakah pihak Kerajaan akan membenarkan semula penubuhan Universiti Merdeka dan kalau tidak mengapa;
- (b) adakah pihak MCA atau Gerakan pernah meminta bahawa Universiti Merdeka dibenarkan ditubuhkan semula; dan
- (c) bukankah keengganan pihak Kerajaan ini menunjukkan sikap berat sebelah dan pilih kasih kerana bercanggah dengan dasar membenarkan Universiti Islam Antarabangsa menggunakan bahasa pengantar dalam Bahasa Arab dan Inggeris serta bukan dalam Bahasa Malaysia.

Dr Fong Chan Onn:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat tujuh buah universiti dan beberapa banyak institusi pengajian tinggi swasta di negara ini, yang boleh menampung pelajar-pelajar yang layak melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Manakala universiti kelapan di Sarawak pula, akan mula beroperasi pada tahun 1993.

Selain dari universiti induk, Kerajaan juga telah menubuhkan kampus-kampus cawangan dan mengadakan program berkembar antara Institusi Pengajian Tinggi Tempatan dengan institusi luar negeri. Berdasarkan keadaan ini, Kerajaan merasakan jumlah IPT di negara ini adalah telah mencukupi untuk menampung jumlah pelajar yang datang dari berbagai keturunan di negara ini.

- (b) Pada masa ini Kementerian Pendidikan tidak menerima sebarang permohonan untuk menubuhkan Universiti Merdeka.
- (c) Penggunaan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di UIA adalah tidak bercanggah dengan dasar pelajaran kebangsaan negara. Universiti ini adalah berbeza dengan institusi pengajian tinggi yang lain yang tertakluk di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1974. UIA ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1985.

Di samping itu, sesuai dengan konsep penubuhannya iaitu sebagai universiti antarabangsa, maka UIA perlu mengutamakan bahasa-bahasa berkenaan.

SURATKHABAR PARTI POLITIK—EDARAN

69. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedia membenarkan surat-khabar parti-parti politik disebarkan kepada orang awam dalam memelihara inti dan semangat proses demokratik.

Tuan Ong Ka Ting: Kerajaan menetapkan bahawa suratkhobar parti-parti politik adalah untuk edaran kepada ahli-ahli oleh kerana itulah kehendak parti-parti politik sendiri yang mahukan penerbitan-penerbitan itu dijadikan lidah rasmi parti-parti berkenaan. Dalam pada itu, parti-parti politik adalah bebas menyuarakan pendapat atau pendirian mereka menerusi mana-mana akhbar yang mereka pilih biarpun pandangan itu merupakan kritikan atau cemuhan terhadap Kerajaan. Ini jelas membuktikan bahawa proses demokratik terus berjalan dan terpelihara dalam negeri kita ini.

RUMAH KOS RENDAH— JUMLAH DAN KUALITI

70. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah rumah kos rendah yang telah siap dibina berakhir tahun 1991, pecahan mengikut negeri-negeri;
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan pembinaan rumah kos rendah dapat memenuhi permintaan; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi menjamin setiap rumah kos rendah yang dibina mempunyai kualiti yang tinggi.

Dr Ting Chew Peh:

- (a) Terdapat dua program perumahan kos rendah utama yang diberi perhatian oleh Kementerian ini iaitu Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) dan Program Khas Perumahan Kos Rendah (PKPKR). Dalam tahun 1991, bilangan unit rumah kos rendah yang disiapkan di bawah kedua-dua program berkenaan ialah sebanyak 31,176 unit. Pecahannya mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Unit Siap</i>
Johor	811
Kedah	9,524
Kelantan	122
Melaka	658
Negeri Sembilan	772
Pahang	689
Perak	3,854
Perlis	136
Pulau Pinang	5,965
Selangor	8,138
Terengganu	507
JUMLAH	31,176

Bagi negeri-negeri Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan tidak ada projek yang disiapkan dalam tahun 1991 di bawah kedua-dua program tersebut.

- (b) Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menentukan lebih banyak rumah kos rendah berada dalam pasaran dalam usaha memenuhi permintaan terhadap rumah jenis berkenaan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) umpamanya, sejumlah 343,800 unit rumah kos rendah telah disasarkan iaitu 60% daripada keseluruhan sasaran bagi program perumahan. Kerjasama diperlukan dari

Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga sektor swasta kerana merekalah yang memainkan peranan utama bagi melaksanakan pembinaan rumah-rumah kos rendah itu. Di samping itu, dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6) juga Kerajaan merancang pembinaan 15,570 unit projek-projek di bawah Skim Pertapakan dan Kemudahan (SPK) untuk golongan berpendapatan rendah yang tidak mampu membeli rumah di bawah Projek perumahan Kos Rendah biasa.

- (c) Bagi menjamin kualiti rumah-rumah kos sederhana yang dibina, pembinaannya tertakluk kepada piawaian-piawaian perancangan dan bangunan yang disyaratkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa. Bagi projek-projek yang dikendalikan terus oleh Kerajaan khususnya melalui Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi pelaksana yang berkenaan, tugas-tugas pengawasan pembinaan rumah kos rendah adalah dijalankan sendiri oleh arkitek dan jurutera Kerajaan untuk memastikan pihak kontraktor melaksanakan projek mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

EKONOMI NEGARA— PERTUMBUHAN

71. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) memandangkan ekonomi Amerika Syarikat dan Jepun semakin hari makin merisaukan, bagaimana ekonomi negara kita akan dipengaruhi oleh kemerosotan ekonomi kedua-dua negara ini; dan
- (b) apakah langkah sedang dan akan diambil oleh Kementerian Kewangan untuk mengawasi keadaan ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Walaupun keadaan ekonomi negara-negara perindustrian seperti Amerika Syarikat dan Jepun kurang menggalakkan, ekonomi negara kita dijangka akan berkembang pada kadar kira-kira 8.5 peratus pada tahun 1992.

Pemulihan ekonomi Amerika Syarikat yang lemah serta pertumbuhan ekonomi Jepun yang perlahan pada separuh kedua tahun 1991 yang dijangka berterusan pada tahun 1992 mungkin membawa kesan terhadap ekonomi negara kita. Namun demikian, kesan-kesannya dijangka tidak ketara berasaskan kepada faktor-faktor berikut:

- (i) berikutan dengan perubahan struktur yang telah dibuat pada tahun-tahun 1985 hingga 1987, asas ekonomi negara kita kini telah dipelbagaikan dan menjadi lebih kukuh. Oleh itu struktur ekonomi kita sekarang akan lebih berkeupayaan menghadapi tekanan daripada faktor-faktor luar;
- (ii) punca-punca pelaburan asing dan pasaran negara kini adalah lebih meluas atau, dengan izin, "diversified". Selain daripada Amerika Syarikat dan Jepun kita juga menerima cadangan pelaburan dari Taiwan, Singapura, Korea Selatan dan United Kingdom. Misalnya bagi tahun 1991, sumber pelaburan asing utama ialah Taiwan yang menyumbang sebanyak 22.2 peratus daripada keseluruhan pelaburan asing. Sumbangan dari Korea

Selatan telah meningkat dari 1 peratus daripada jumlah pelaburan asing dalam tahun 1980an kepada sebanyak 10.5 peratus pada tahun 1991;

(iii) sumber dalaman seperti penggunaan akan terus membantu pertumbuhan ekonomi pada tahun 1992 hasil daripada paras pendapatan yang tinggi.

(b) Kerajaan akan meneruskan usaha-usahnya untuk memudahkan kegiatan sektor swasta dengan mengurangkan masalah-masalah berkaitan dengan infrastruktur dan gunatenaga mahir. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum di dalam Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan yang besar telah disediakan bagi membiayai pelbagai program untuk menyediakan kemudahan infrastruktur yang cekap. Antara program-program yang dirancang termasuklah pembinaan, pemulihan dan peningkatan taraf jalan serta lebuh raya, keretapi, lapangan terbang dan pelabuhan untuk memenuhi keperluan pelaburan swasta yang berkembang.

Buat masa ini, dasar-dasar makroekonomi yang sedang dilaksanakan, termasuk dasar-dasar fiskal dan kewangan adalah mencukupi untuk menjamin pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

SEKOLAH SWASTA— PENYELARASAN AKTIVITI

72. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) bagaimanakah Kementeriannya mengawal dan menyelaraskan aktiviti sekolah swasta untuk memastikan sekolah-sekolah

tersebut mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada;

(b) berapa banyakkah sekolah-sekolah swasta (jika ada) yang telah dibatalkan pendaftarannya kerana kesalahan melanggar peraturan-peraturan yang sedia ada; dan

(c) berapa banyakkah sekolah swasta yang dimiliki oleh bumiputera dan bukan bumiputera di seluruh negara.

Dr Fong Chan Onn:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan bagi mengawal dan menyelaraskan aktiviti sekolah swasta untuk menentukan sekolah-sekolah tersebut mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada ialah:

(i) sebelum sekolah-sekolah berkenaan ditubuhkan Kementerian Pendidikan memastikan sekolah berkenaan mempunyai kemudahan-kemudahan dan tenaga pengajar yang berkecukupan, berkesesuaian dan mencukupi.

(ii) sebelum permit mengajar dikeluarkan kepada bakal-bakal guru berkenaan kelulusan dan pengalaman mereka akan disemak.

(iii) mengadakan lawatan pemeriksaan dari masa ke semasa untuk melihat pelaksanaan kurikulum dan keselarasannya dengan sistem pendidikan kebangsaan serta menentukan undang-undang dan peraturan yang sedia ada dipatuhi.

- (iv) lawatan-lawatan pemeriksaan dilakukan oleh Jemaah Nazir Sekolah bagi mengawal kualiti pengajaran di sekolah tersebut.
- (b) Mengikut rekod yang terdapat di Kementerian ini hanya tiga (3) buah sekolah yang telah dibatalkan pendaftarannya kerana melanggar peraturan-peraturan yang sedia ada.
- (c) Hampir keseluruhan sekolah swasta di seluruh negara dimiliki oleh bukan bumiputera. Walau bagaimanapun, terdapat juga penglibatan atau penyertaan ekuiti bumiputera dalam hak-milik sekolah-sekolah tersebut.

(Soalan No. 73—Sila lihat jawapan kepada Soalan No. 35)

SKANDAL KEWANGAN DI HONG KONG

74. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) siapakah ahli perniagaan yang ditangkap pada bulan Ogos 1991 oleh pihak polis yang terlibat di dalam skandal kewangan berjumlah HK\$180 juta dalam Kah Wah Bank di Hong Kong dan pihak polis sedang menjalankan satu "extradition proceeding" untuk ahli perniagaan ini; dan
- (b) sila berikan berapa orang warganegara Malaysia yang telah di"extradited" dan akan di"extradited" dalam tempoh lima tahun yang lalu ke negeri lain dan juga sebab-sebabnya.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Pada 18-7-1991 Polis telah menangkap seorang ahli perniagaan warganegara Malaysia iaitu Tan Hock Chan @ Tan Hock

Lai yang dituduh melakukan kesalahan tipu dan rasuah berhubung dengan kes Kah Wah Bank di Hong Kong bernilai \$360 juta (Hong Kong). Melalui permohonan ekstradisi beliau telah dihantar ke Hong Kong bagi tujuan perbincangan.

- (b) seramai dua orang warganegara Malaysia yang telah diekstradisi dalam tempoh lima tahun yang lalu ke negeri lain. Satu kes dituduh melakukan kesalahan tipu dan rasuah dan satu kes lagi berhubung dengan kesalahan terlibat dalam pembunuhan.

PENDATANG TANPA IZIN INDONESIA—PENGLIBATAN DALAM KES JENAYAH

75. Tuan Abdul Malek Munip minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa peratuskah kes-kes jenayah di Semenanjung dalam tahun 1991 yang melibatkan pendatang tanpa izin dari Indonesia;
- (b) berapakah anggaran bilangan pekerja-pekerja dari Indonesia yang menyumbang tenaga dalam sektor pertanian, binaan dan sebagai pembantu rumah; dan
- (c) adakah Menteri Dalam negeri sedar bahawa terdapat usaha halus di kalangan setengah media massa untuk memberi fokus dan membina imej buruk kepada pendatang tanpa izin.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Kes-kes jenayah di Semenanjung dalam tahun 1991 yang melibatkan pendatang tanpa izin dari Indonesia bagi jenayah kekerasan ialah 9 kes dan jenayah harta benda 16 kes dari jenayah indeks sebanyak 58,157 kes. Oleh itu, peratusnya amat rendah.

- (b) Bilangan pekerja dari Indonesia pada 22-4-1992 yang terdiri daripada Pekerja Asing Tanpa Izin yang telah didaftarkan ialah 25,420 orang dalam sektor pertanian 33,650 sektor binaan dan 18,983 orang pembantu rumah.
- (c) Tidak dapat dinafikan bahawa terdapatnya usaha-usaha di kalangan sesetengah media massa yang memberikan fokus serta gambaran yang tidak sihat kepada pendatang tanpa izin di negara ini. Kita percaya bahawa gambaran ini wujud memandangkan ada di kalangan pendatang-pendatang tanpa izin terlibat dalam kegiatan-kegiatan jenayah serta lain-lain kegiatan yang boleh menimbulkan rasa dan suasana kurang senang di kalangan sesetengah pihak.

**BADAN TEMPATAN WILAYAH
PERSEKUTUAN—
PENGWUJUDAN**

76. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah wawasan atau rancangan beliau untuk mewujudkan sebuah badan tempatan bagi Wilayah Persekutuan yang akan bertanggungjawab secara menyeluruh ke atas segala-galanya terutama sekali di Wilayah Persekutuan—di mana kita dapati ada beberapa perkara yang di luar bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tetapi telah disanggupi oleh DBKL, umpamanya masalah berkaitan dengan pendalaman, pembersihan, pengukuhan tebing-tebing sungai dan lebuh raya yang merintang di sekitar Wilayah Persekutuan; dan

- (b) apakah di dalam perancangan beliau peranan seharusnya diambil oleh badan tersebut dan apakah komposisi badan tersebut bagi menyelaraskan kerja-kerja.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:

Buat masa ini Kerajaan belum menimbangkan supaya mewujudkan sebuah Badan Tempatan bagi Wilayah Persekutuan kerana DBKL telah dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan.

DBKL sebagai sebuah Kerajaan Tempatan telah diberi tanggungjawab sepenuhnya untuk menjalankan tugas-tugas mentadbir, merancang, menyelenggara dan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada. Dasar pentadbiran DBKL dipandu melalui Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Pembangunan Kuala Lumpur yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan beberapa Menteri Kabinet dari Kementerian-kementerian tertentu. Beberapa bidang kerja baru yang berkaitan dengan perbandaran telah dipertanggungjawabkan kepada DBKL untuk mengelakkan pertindihan tugas dengan Jabatan-jabatan yang lain.

**MANGSA BANJIR—
PERUNTUKAN DAN BANTUAN**

77. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan yang telah disediakan untuk mangsa-mangsa banjir di seluruh Malaysia pada tahun 1992; dan
- (b) apakah bentuk-bentuk bantuan yang telah diberi kepada mangsa-mangsa banjir.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoo Seng):

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan banjir pada lazimnya dikeluarkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri kecuali bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, jika pengisytiharan darurat diumumkan, Kerajaan Persekutuan akan sama-sama membantu Negeri-negeri yang terlibat. Bagi tahun 1992, peruntukan untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah sebanyak \$200,000.00 dan Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak \$10,000.00.

(b) Tiga bentuk bantuan diberi kepada mangsa-mangsa banjir iaitu:

- (i) bantuan segera berupa makanan, pakaian, tikar dan selimut;
- (ii) bantuan pemulihan jangka pendek berupa wang tunai untuk keperluan pakaian harian, dapur, rumah, sekolah, keluarga, membaiki rumah dan bagi peniaga kecil; dan
- (iii) bantuan pemulihan jangka panjang untuk yang hilang mata pencarian dan cedera atau cacat tidak boleh bekerja akibat bencana.

DADAH—PENGLIBATAN PELAJAR

78. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) bilangan pelajar yang terlibat dalam masalah penagihan dadah;

(b) apakah punca-punca utama yang telah dikenal pasti sebagai faktor utama penglibatan pelajar-pelajar ini dalam penagihan dadah; dan

(c) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

Dr Fong Chan Onn:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak 1983 hingga Disember 1991 jumlah pelajar yang dikesan terlibat dengan dadah ialah seramai 2,033 orang. Bagi tahun 1991 sahaja jumlahnya ialah 227 orang.

(b) Antara punca utama yang dikenalpasti sebagai faktor penglibatan pelajar dengan dadah ialah:

- (i) didikan agama/moral yang lemah;
- (ii) kurang kasih sayang dan perhatian keluarga;
- (iii) pengaruh rakan sebaya;
- (v) faktor ekonomi/kemiskinan.

(c) Antara langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah penglibatan pelajar dengan dadah ialah seperti berikut:

- (i) menghantar pelajar-pelajar yang disyaki ke hospital bagi pengesanan melalui ujian air kencing;
- (ii) melaksanakan program pencegahan melalui kurikulum dan aktiviti kokurikulum; dan
- (iii) menjayakan program khas pencegahan pembimbing Rakan Sebaya, Skim Lencana Anti Dadah, Kolokium Ketahanan Diri, Program Motivasi dan Kem Jaya Diri.

**ANGKATAN TENTERA
MALAYSIA—SKIM GAJI UNTUK
PEGAWAI TAULIAH JANGKA
PENDEK**

79. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan dan anggota-anggota tentera setuju dan berpuashati mengenai Skim Gaji untuk anggota-anggota di dalam Skim Perkhidmatan Jangka Pendek dalam Angkatan Tentera Malaysia dan bayaran pencen serta bayaran saguhati (gratuity) selepas menamatkan perkhidmatan jangka pendek;
- (b) adakah Kerajaan akan mengkaji semula peranan RELA dalam konteks perancangan pembesaran pasukan simpanan tentera darat;
- (c) apakah peranan "Rapid Deployment Force" yang sedang ditubuhkan dan adakah saiz pasukan yang dicadangkan mencukupi untuk satu pertahanan yang kental dalam konsep pertahanan menyeluruh; dan
- (d) sama ada Kerajaan bercadang menyerapkan belia yang keluar daripada pusat latihan belia ke dalam pasukan simpanan perkhidmatan tentera dan polis untuk mengatasi kekurangan bilangan anggota pasukan simpanan tentera dan polis.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Angkatan Tentera Malaysia adalah berpuas hati dengan Skim Gaji yang diamalkan untuk Pegawai-pegawai Tauliah Jangka Pendek. Gaji dan claun yang dinikmati oleh mereka adalah sama dengan apa yang

dinikmati oleh Pegawai-pegawai Tauliah Tetap.

Mengenai faedah pemberhentian atau persaraan Pegawai-pegawai Tauliah Jangka Pendek adalah biasanya dibayar ganjaran tamat perkhidmatan berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan mereka dalam Angkatan Tentera Malaysia. Walau bagaimanapun Pegawai-pegawai Tauliah Jangka Pendek yang telah berkhidmat tidak kurang dari sepuluh (10) tahun dan mencapai umur persaraan paksa adalah layak mendapat pencen perkhidmatan berdasarkan kepada kadar 3/4 daripada pencen perkhidmatan yang dibayar kepada Pegawai-pegawai Tauliah Tetap.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, faedah pemberhentian atau persaraan yang dinikmati oleh Pegawai-pegawai Tauliah Jangka Pendek dan Pegawai-pegawai Tauliah Jangka Tetap adalah berlainan kerana syarat-syarat perkhidmatan kedua-dua kategori pegawai-pegawai ini adalah berbeza di mana pegawai-pegawai Tauliah Tetap adalah berkhidmat sehingga mencapai umur persaraan pilihan atau umur persaraan paksa walhal pegawai-pegawai Tauliah Jangka Pendek biasanya berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia untuk tempoh perkhidmatan permulaan selama 7 tahun yang mana boleh juga dilanjutkan dengan persetujuan Majlis Angkatan Tentera sehingga mencapai umur 45 tahun.

Kementerian Pertahanan tidak mempunyai apa-apa rancangan

untuk menggunakan RELA di dalam perancangan pembesaran Pasukan Simpanan Tentera Darat. Perancangan yang sedang dilaksanakan adalah tertumpu kepada agensi-agensi Kerajaan yang lain, seperti Sektor Awam, Swasta dan Badan-badan Berkanun sahaja. RELA adalah di bawah tanggungjawab dan perancangan Kementerian Dalam Negeri.

- (c) Untuk mendukung Dasar Pertahanan, Tentera Darat dikehendaki menyediakan satu angkatan yang berkeupayaan untuk bertindak semasa konflik intensiti rendah apabila musuh telah mencero bohi negara atau konflik dalam negara. Untuk mencapai matlamat ini, Angkatan Pasukan Aturgerak Cepat perlu dibentuk dengan menggunakan aset-aset ketenteraan yang sedia ada. Sebagai permulaan, penubuhan pasukan ini dilaksanakan dengan perlantikan Kumpulan satu Batalion Infrantri Para, Elemen-elemen Armor, Artileri, Jurutera, Semboyan dan Elemen-elemen bantuan perkhidmatan yang berkenaan. Paras kekuatan Pasukan Aturgerak Cepat akan ditingkatkan mengikut keupayaan tentera darat dan ancaman yang akan dihadapi.

Pasukan ini dilengkapi dengan peralatan ringan dan mempunyai daya tembakan yang sewajarnya supaya dapat bertindakbalas ke kawasan konflik selaras dengan dasar Pertahanan Negara.

- (d) Jawapan sepertimana di perenggan (b), iaitu Kerajaan tidak ada cadangan mengenai perkara tersebut.

SIJIL KELAHIRAN DAN KAD PENGENALAN BAGI PENDUDUK SARAWAK

80. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyak peruntukan diluluskan untuk Jabatan Pendaftaran Negeri Sarawak bagi rancangan lawatan khas ke pendalaman untuk menolong masyarakat di sana memohon mendapatkan sijil lahir dan kad pengenalan;
- (b) berapa banyakkah permohonan untuk sijil lahir dan kad pengenalan diterima dan berapa ramai yang sudah menerima sijil lahir dan kad pengenalan dari jumlah besar penduduk Sarawak dari tahun 1963 hingga hari ini; dan
- (c) memandangkan jumlah penduduk Sarawak tidak ramai, mengapakah masalah ini berlanjutan. Apakah cadangan dan tindakan yang sedang dan akan diambil untuk jangkamasa pendek dan panjang bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Ong Ka Ting: Jabatan Pendaftaran Negeri Sarawak telah mendapat sebanyak \$200,000 untuk rancangan lawatan ke kawasan-kawasan pendalaman bagi tahun 1991.

- (a) Dari tahun 1964 hingga sekarang sebanyak 1,135,231 permohonan sijil kelahiran telah diterima di mana sebanyak 1,109,233 telah dikeluarkan. Manakala bakinya masih dalam pertimbangan.

Kad Pengenalan plastik mula diperkenalkan di Sarawak pada tahun 1966. Sehingga April 1990 sebanyak 1,272,395 Kad Pengenalan telah dikeluarkan kepada penduduk Sarawak.

- (b) Sungguhpun Sarawak tidak ramai jumlah penduduk tetap mereka mendiami diserata pelusuk negeri. Masalah perhubungan, sikap orangramai dan keupayaan Jabatan Pendaftaran Negara adalah antara beberapa faktor yang menyebabkan masalah ini masih berterusan.

Jabatan akan meneruskan lawatan ke kawasan-kawasan pendalaman dan menambah bilangan timbalan pendaftar kelahiran. Di samping itu orang ramai hendaklah melapur kelahiran dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelak kesukaran memperoleh sijil kelahiran dan kad pengenalan.

RTM—MEMPERBADANKAN

81. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sejauh manakah usaha-usaha untuk memperbadankan RTM telah mencapai kejayaan;
- (b) apakah dengan memperbadankan RTM, kerenah birokrasi yang bertele-tele selama ini dapat diselesaikan; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh RTM untuk mengatasi kerenah birokrasi dalam proses pembayaran kepada pengeluar, pendedar dan artis-artis yang menyertai rancangan terbitan RTM.

Dato' Mohamed bin Rahmat:

- (a) Kementerian ini telah melantik sebuah syarikat swasta sebagai juruperunding untuk mengkaji perbadanan RTM. Juruperunding tersebut sedang menyiapkan laporan terakhir untuk pertimbangan Kementerian.

- (b) Satu daripada objektif memperbadankan RTM adalah untuk mengurangkan birokrasi yang ada sekarang.
- (c) RTM sedang berusaha untuk mewujudkan dan mengisi jawatan akauntan di Kementerian ini untuk mempercepatkan proses kelulusan sebarang tuntutan dengan RTM.

KWSP—SIMPANAN TIDAK DITUNTUT

82. Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah wang caruman KWSP yang tidak dituntut di W.P. Labuan, Sabah dan Sarawak dan apakah langkah Kerajaan untuk memulangkan semula kepada pewaris pencarum;
- (b) berapa bilangan orang yang mengeluarkan wang KWSP untuk membiayai kos pembinaan rumah di W.P. Labuan, Sabah dan Sarawak serta yang telah diluluskan dan yang tidak diluluskan oleh Kementerian; dan
- (c) berapakah kes-kes penyelewengan dan jumlah wang KWSP yang terlibat dapat dikesan diseluruh negara.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 31 Disember 1991, jumlah simpanan KWSP yang tidak dituntut bagi ahli di negeri Sabah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan ialah \$1.2 juta yang melibatkan 2,364 orang ahli. Manakala bagi negeri Sarawak pula, berjumlah \$0.6 juta yang melibatkan 1,384 ahli.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh KWSP untuk memulangkan semula wang tersebut kepada waris pencarum ialah menerbitkan Buku Simpanan KWSP yang tidak dituntut yang mengandungi senarai ahli yang berumur 60 tahun dan ke atas. Buku ini telah diedarkan ke semua Pejabat KWSP, Pejabat Pos, Pejabat Penerangan, Pejabat PERKESO, Pejabat Tenaga Rakyat, Wakil Rakyat, Balai Penghulu serta Kesatuan-kesatuan Sekerja. Selain daripada itu, KWSP mendapatkan kerjasama daripada Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPRM) dan Telekom Malaysia untuk mengesan alamat terbaru ahli-ahli KWSP berkenaan bagi tujuan menghubungi mereka. KWSP juga melalui program-program kesedaran awamnya, menggunakan kemudahan-kemudahan media massa untuk mengadakan kempen-kempen bagi tujuan mewujudkan pasaran kesedaran di kalangan ahli-ahli KWSP tentang perkara ini.

- (b) Bagi tahun 1991, bilangan pengeluaran perumahan yang diterima bagi negeri Sabah ialah 3,627, di mana 2,859 telah diluluskan dengan bayaran \$33.9 juta. Bagi negeri Sarawak pula, permohonan yang diterima berjumlah 4,484, di mana sebanyak 4,374 permohonan telah diluluskan dengan bayaran \$35.8 juta.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setakat April 1992 bilangan kes penipuan pengeluaran perumahan ialah sebanyak 465 kes, melibatkan caruman berjumlah \$2.8 juta. Bagi pengeluaran persaraan dan kematian pula, sebanyak 4 kes telah dikesan dengan pembayaran sebanyak \$0.8 juta.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

PENGURUSAN VISA HAJI OLEH KERAJAAN ARAB SAUDI

3.35 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya dimaklumkan bahawa saya ingin mengemukakan pemberitahu bersurat di bawah Peraturan Majlis Dewan Rakyat 18 mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan dengan tujuan merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan. Usul saya berbunyi:

“Bahawa Dewan ini mengizinkan Ahli dari Pengkalan Cema untuk mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan bagi tujuan merundingkan suatu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, yakni membincangkan dan mengambil ketetapan bagi menyarankan penyelesaian masalah sistem pengurusan visa Haji yang menimbulkan kesulitan kepada beribu-ribu bakal Haji Malaysia sekarang ini dan memutuskan saranan-saranan berikut:

- (i) mendesak Kerajaan Malaysia bertindak segera untuk mengusahakan penyelesaian dan mendapatkan jaminan visa Haji dari pemerintah Arab Saudi, demi membolehkan beribu-ribu bakal Haji negara ini akan dapat menyempurnakan ibadat Haji mereka pada tahun ini;
- (ii) menggesa Lembaga Urusan dan Tabung Haji memperbaiki segera kepincangan yang

berlaku dalam pengurusan dan pentadbirannya yang mengakibatkan permasalahan pengeluaran visa Haji oleh pihak pemerintah Arab Saudi;

- (iii) menggesa pemerintah Arab Saudi bersikap dengan lebih terbuka untuk memberikan kemudahan visa Haji kepada bakal-bakal Haji Malaysia, dan mencadangkan supaya sistem kuota bilangan jemaah Haji yang diamalkan sekarang dimansuhkan untuk membolehkan umat Islam mengerjakan ibadat Haji pada bila mana musim Haji tanpa sebarang kesulitan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah satu perkara tertentu yang menyentuh masalah pengurusan visa Haji yang melibatkan beribu-ribu bakal-bakal Haji Malaysia yang masih belum dikeluarkan visa mereka oleh pemerintah Arab Saudi.

Perkara ini adalah berkenaan kepentingan orang ramai kerana ibadat Haji adalah Rukun Islam yang kelima dan menjadi kewajipan bagi setiap umat Islam yang berkeupayaan menunaikannya. Dalam hubungan ini, pemergian beribu-ribu bakal-bakal Haji negara ini yang sedang bersiap untuk menyahut seruan Islam ini akan terjejas dan meletakkan mereka dalam keadaan tidak menentu berikutan dengan masalah pengeluaran visa Haji oleh pemerintah Arab Saudi. Ribuan bakal-bakal Haji sedang tersadai di merata-rata tempat sekarang ini sambil menghadapi berbagai kesulitan dengan sanak-saudara yang menghantar untuk berlepas ke Tanah Suci.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berkehendak disegerakan kerana sebab-sebab berikut:

- (i) bakal-bakal Haji sudah mengumpulkan wang dalam masa yang begitu lama dan

kebanyakan mereka terdiri daripada golongan yang kurang berada dari luar bandar. Sebarang sebab yang menyusahkan dan menghalangkan mereka dari menunaikan ibadat Haji boleh menjejaskan ibadat yang mereka mahu tunaikan tahun ini juga.

Kepincangan dan penyelewengan yang berlaku dalam pengeluaran visa haji ini boleh menjejaskan kewangan bakal-bakal haji yang sepatutnya sudah mencukupi tetapi mereka terpaksa menanggung perbelanjaan yang lebih dari yang dijangkakan untuk mengatasi sebab-sebab dan masalah-masalah yang tidak sepatutnya dihadapi ke atas mereka.

- (ii) Tindakan segera perlu diambil oleh semua pihak yang bertanggungjawab untuk menutup ruang kepada golongan oportunis daripada mengambil kesempatan terhadap bakal-bakal haji yang paling tidak sepatutnya menjadi mangsa berikutan dengan masalah visa yang dihadapi sekarang."

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Pengkalan Chepa pagi ini. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuashati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang

kedua ialah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini ialah perkara yang tertentu dan ia adalah kepentingan orang ramai akan tetapi pada fikiran saya, perkara ini tidak perlu disegerakan. Ini ialah kerana kegagalan mendapat visa haji itu seperti yang saya difahamkan, bukanlah dan juga dari bunyi keseluruhan teks Yang Berhormat itu, boleh diletakkan ke atas Kerajaan atau khasnya ke atas Tabung Haji.

Dalam perkara ini, difahamkan salah satu sebab Kerajaan Saudi terpaksa menghadkan bilangan orang-orang mengambil haji tahun ini ialah sebuah syarikat yang besar dari negara Turki tidak dapat menghantar bas-bas mereka ke Saudi untuk pengangkutan. Mereka juga mengenakan kuota kepada semua negara Islam di dunia untuk jemaah-jemaah haji ke tanah suci menunaikan fardu haji dan ini telah ditetapkan oleh negara-negara OIC yang mana negara kita menjadi ahli.

Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan dan membuat beberapa permohonan kepada pihak yang berkuasa Saudi dalam perkara ini untuk mendapatkan visa bagi membolehkan bakal-bakal haji yang bersangkutan mendapatkan visa itu.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 7hb Mei 1992 telah menulis sepucuk surat kepada Yang Mulia King Fahd, Raja Saudi untuk melonggarkan kuota ini. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat dari Kuala Rajang pada 8hb Mei tahun ini juga telah menulis surat kepada Menteri Haji dan Wakaf Saudi berkenaan dengan perkara ini. Duta kita juga di Saudi Arabia telah menghubungi Menteri Saudi di dalam perkara ini juga. Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri akan pergi ke Arab Saudi dengan secepat mungkin bersama dengan beberapa

pegawai Tabung Haji untuk bertemu dengan Menteri Haji dan Wakaf di sana.

Pada fikiran saya, tindakan-tindakan ini sudah memadai dan pada fikiran saya tidak ada faedah bagi kita yang boleh didapati dengan membahaskan Usul ini.

Seyogialah diingati soal mendapat visa untuk melawat ke negara lain adalah soal kedaulatan sesebuah negara itu. Yang demikian, tidak seharusnya kita berbahas yang boleh mengeluarkan perkataan-perkataan yang menyentuh kelakuan mana-mana negeri yang bersahabat dengan negara kita seperti yang disyaratkan di bawah Peraturan 36(8) yang boleh menjejaskan segala tindakan dan perundangan kita yang sedang diambil itu.

Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini. (*Tepuk*)

USUL

AKTA PROSEDUR KEWANGAN 1957(PINDAAN 1972)—

Menambah Butiran Baru: "Kumpulanwang Amanah Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam"

3.45 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut Peruntukan di bawah perenggan (a) Seksyen Kecil (4), Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Pindaan 1972), dengan ini membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baharu seperti berikut:

"Kumpulanwang Amanah Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam".

Mengikut peruntukan perenggan (a), Seksyen Kecil (4), Seksyen 10, Akta Prosedur Kewangan Dewan Rakyat boleh dari masa ke semasa dengan satu ketetapan meminda, memotong atau menambah kepada Jadual Kedua Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulanwang Amanah Pembiayaan Komputer anggota Perkhidmatan Awam perlu diwujudkan bagi melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi kemudahan pembiayaan komputer kepada anggota tetap Perkhidmatan Awam. Kemudahan ini adalah salah satu daripada kemudahan-kemudahan baru yang diperkenalkan di bawah Sistem Saraan Baru sebagaimana yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991.

Pembiayaan ini akan diberikan dalam bentuk jual-beli dan bukan dalam bentuk pinjaman. Di bawah Skim Jual-Beli ini, Kerajaan akan membeli komputer yang diperlukan oleh pegawai dan kemudian menjualnya kepada pegawai dengan mengambil sedikit keuntungan. Kadar keuntungan ini akan ditetapkan oleh Kerajaan pada paras yang setanding dengan caj-caj perkhidmatan yang dikenakan bagi pinjaman perumahan dan pinjaman kenderaan. Melalui kaedah ini, Skim Pembiayaan Komputer tidak akan terlibat dengan unsur-unsur riba.

Ciri utama pembiayaan ini adalah seperti berikut:

- (i) hanya anggota yang bertaraf tetap dan mampu membuat pembayaran balik pembiayaan layak meminjam. Anggota-anggota yang bertaraf sementara, kontrak dan sambilan tidak layak;
- (ii) ianya diberikan sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan anggota;
- (iii) had kelayakan maksimum pembiayaan tidak melebihi \$5 ribu dan hendaklah dijelaskan

dalam tempoh tidak melebihi 4 tahun; dan

- (iv) permohonan hendaklah dijamin oleh seorang anggota tetap Perkhidmatan Awam.

Sebagai permulaan, Kerajaan telah memperuntukan sebanyak \$50 juta untuk Kumpulanwang ini. Jumlah ini akan dapat menampung kemudahan kepada sekurang-kurangnya 10 ribu orang anggota pada satu-satu masa. Walau bagaimanapun, amaun ini boleh ditambah dari masa ke semasa jika keadaan memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya Kumpulanwang Amanah Pembiayaan Komputer anggota Perkhidmatan Awam adalah dijangka lebih ramai anggota Perkhidmatan Awam akan berminat dan berkeupayaan untuk menggunakan komputer. Selanjutnya ia akan meningkatkan lagi kecekapan serta kemahiran anggota-anggota Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

3.48 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua . . . (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong hendak berucapkah? Nampak tidak bersedia pun hendak berucap?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Kerajaan hendak menubuhkan satu Kumpulanwang

Amanah yang meminta sekurang-kurangnya \$50 juta, satu angka yang besar, patut kita adakan satu perbincangan kerana ini wang rakyat bukan wang Kementerian sendiri ataupun bukan wang seseorang Menteri di dalam Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada sesetengah kakitangan awam yang enggan menggunakan komputer mungkin kerana pengetahuan ke atas alat yang moden ini kurang dan dengan ini tujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan ini supaya semua kakitangan sektor awam dapat menggunakan komputer adalah satu langkah yang betul.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna kita boleh menubuhkan satu Kumpulan Wang Amanah Pembelian Komputer ini dengan cara-cara yang tidak teratur dan tidak cekap untuk melatih anggota-anggotanya. Saya berpendapat, yang pertama di dalam latihan dan permintaan untuk wang ini; untuk latihan kita mesti memastikan anggota-anggota yang mendapat wang pembiayaan daripada Kementerianya sungguh-sungguh mendapat pelajaran yang bermutu tinggi dan yang keduanya ialah satu Kod Etika mesti di adakan. Kerana dengan adanya komputer sekarang ini memang ada terdapat di dalam Bank Negara orang-orang yang mahir di dalam komputer memang boleh mencuri secara canggih. Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu, dia

Beberapa Ahli: Setiausaha Parlimenlah.

Dr Tan Seng Giaw: Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri pun ada di sini. *(Ketawa)* Jadi, di dalam bidang komputer sekarang dengan kecanggihannya ada otak manusia yang lebih canggih lagi, tetapi kecanggihannya itu ke arah yang tidak betul dan ada yang apabila mendapat kemahiran komputer ini dia buat macam-macam dia boleh

buat untuk mencuri maklumat dan dengan ini saya berharap pihak Kementerian dapat mengambil perhatian supaya kita jangan melatih, memberi wang kepada anggota-anggota perkhidmatan untuk mempelajari benda-benda yang tidak betul: penyelewengan di dalam komputer. Dan memang dengan penggalakan mempelajari pengetahuan komputer ini, memang ini bermakna jualan komputer akan lebih laris lagi dan satu perniagaan yang besar kerana kakitangan Kerajaan banyak, walaupun dianggarkan hanya 10,000 yang akan mendapat faedah ini dan ini pun akan berterusan dan ini bermakna pihak Kerajaan akan membeli lebih banyak komputer lagi untuk kakitangannya. Dan dengan ini, saya berharap dengan adanya Kumpulan Wang Amanah Pembelian Komputer anggota Perkhidmatan Awam dan pihak Kerajaan akan memastikan semuanya boleh dijalankan dengan betul, cekap dan amanah dan mempunyai etika dan standard yang tinggi. Sekian terima kasih.

3.53 ptg.

Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun ingin hendak bercakap sedikit selepas Yang Berhormat daripada Kepong. Saya hendak kepong dia. Orang Sarawak kata "kepong" itu kejar, jadi Yang Berhormat dari Kepong keluarkan hal komputer supaya komputer "terkepong" juga.

Memang dialu-alukan hasrat Kerajaan untuk memberi pengajaran kemahiran daripada ilmu komputer kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Tetapi saya berharap pihak Kerajaan sepatutnya membuat satu garis panduan yang tertentu supaya keghairahan pegawai-pegawai Kerajaan membeli komputer itu nanti dapat diambil perhatian. Oleh kerana walaupun kita baru naik gaji, janganlah spend the money on the thing if you don't need it and if you can't afford, dengan izin. Dan

memang ada banyak kebaikannya oleh kerana pernah berlaku di Sarawak, walaupun yang berlaku itu di Jabatan Kerajaan Pusat, yang mana komputer dibeli di jabatan itu, tak payahlah saya sebut jabatannya. Bila saya tanya pernahkah digunakan, pegawai di sana mengatakan tidak pernah guna kerana operator tidak ada. Jadi komputer ada operator tidak ada, maknanya komputer itu dengan sendiri terbuang begitu sahaja. The money was not well spent, dengan izin. Dengan adanya latihan yang mungkin akan diterima oleh pegawai-pegawai Kerajaan dengan Kumpulan Wang Amanah Pembelian Komputer ini nanti, kita berharaplah perkara yang berlaku ke atas pejabat yang saya sebut tadi tidak berulang lagi.

Tetapi sebaliknya pula kalau kita beri wang untuk membeli komputer dan tidak ada program latihan kepada pegawai-pegawai yang tertentu kemungkinan juga benda ini jadi "white mice"—"white elephant" itu besar, "white mice" kecil sedikit. Jadi, saya haraplah program latihan juga mesti diadakan supaya setiap pegawai-pegawai di jabatan Kerajaan itu mengetahui dan memahami ilmu komputer dan juga kalau bercakap hal komputer ini, ilmu komputer dan perkakas komputer ini baru dipopularisekan, dengan izin di negara kita ini. Baru dalam 10 tahun. Terdahulu daripada itu kalau orang sebut komputer mungkin orang tidak tahu, dia tengok cerita James Bond, benda James Bond, gadgetery James Bond, itu sahaja tetapi komputer belum dikenali sehingga tahun 80an. Jadi, banyak perkara berbangkit hal komputer ini, evolution of computer dalam negara kita pun mungkin banyak, pejabat-pejabat yang kecil daripada yang besar pun sudah banyak komputer, ada yang pakai PC, ada yang central terminal dan macam-macam lagi dan sekarang kita dengan penyakit komputer pun ada.

Jadi, persoalannya adakah dengan banyak komputer, banyak juga penyakitnya, saya baca pagi tadi

magazine tentang komputer. Komputer bukan sahaja mendapat virus, flu pun ada. Flu komputer. Komputer itu bersin, orang Sarawak kata "berkasik".

Jadi, ilmu pengkomputeran ini mestilah diberitahu kepada pegawai Kerajaan bukan sahaja dari segi penggunaannya tetapi juga dari segi to take care the computer itself supaya penyakit-penyakit komputer itu tidak melibatkan jabatan Kerajaan yang mana storage jabatan Kerajaan yang ada hubung kait dengan komputer yang mungkin terlibat sama dengan penyakit-penyakit virus komputer.

Jadi 3, perkara yang penting, pembelian komputer mestilah dikenalpasti sama ada pegawai berkenaan perlu komputer. Janganlah budak angkat despatch pun hendak beli komputer diberi juga? Kerana harga \$5,000 sama harga dengan motorsikal, boleh beli. Kita mesti menyelidik sama ada seseorang pembeli itu memang patut membeli komputer dan ilmu pengkomputeran, macam mana operasi komputer, sama ada dia mahir ataupun tidak macamana operate komputer. Yang ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kalau saya tidak bangun tadi, dia tidak akan dapat peluang. Bila dah dapat peluang janganlah kita meraba-raba, kita patut straight to the point dan habiskan ucapan. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata Yang Berhormat meraba-raba. *(Ketawa)*

Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebenarnya Yang Berhormat Kepong itu yang meraba-raba, Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya ajar dia macamana sebut nama kawasan Batang Lupa. Dia sebut "Batang Lupa". Saya ingat, ada dengar orang kata tidak pandai sebut "L", ada juga tidak pandai sebut

“R”, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini tidak nampak “R” pula. Dia tidak nampak, inilah dia.

Jadi saya bukan meraba-raba, cerita ini betul, operasi komputer, pembelian komputer, latihan komputer dan macam mana hendak menjaga komputer supaya virus tidak kena dan bukan dapat diubati oleh doktor daripada Kepong. Penyakit komputer ini berlainan ubatnya.

Jadi, dengan itu saya mintalah perhatian Kerajaan. Kalau saya cakap, berhenti berucap, mereka di sana mungkin hendak bercakap banyak juga.

Jadi, mungkin ada Ahli Yang Berhormat lain, mungkin daripada Barisan Nasional hendak cakap juga cerita ini. Dari situ sahajalah, saya ulang sedikit sahaja lagi iaitu ilmu komputer, hendak beli komputer, kemahiran komputer, macam mana hendak jaga virus komputer ini. Dan saya sokong cadangan Kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bandar Kuching.

4.00 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan kepada Akta ini supaya Kerajaan menubuhkan suatu Kumpulanwang Amanah untuk membolehkan pegawai-pegawai Kerajaan membeli komputer secara jual-beli (hire purchase). Pindaan ini memang dialu-alukan oleh pegawai-pegawai tinggi Kerajaan, sebab sekarang trend baru di seluruh dunia ini adalah untuk computerisation dalam pentadbiran awam yang akan meningkatkan kekesan dalam pentadbiran dengan menjimatkan wang untuk menyimpan rekod dan sebagainya dan secara networking dalam office yang sama ataupun di antara office lain, pegawai-pegawai Kerajaan boleh berkomunikasi dengan pegawai-pegawai lain dengan lancar dan cepat.

Itulah satu langkah yang mungkin sudah sedikit overdue. Sebab ini adalah trend baru dalam dunia ini seperti yang dirujuk oleh Avin Tofler dalam buku terbarunya “Powership”, sekarang dalam information explosion age, dengan izin, maka negara kita dalam jentera pentadbiran awam ini memang mesti ada modernisation dalam alat komputer ini. Maka ini adalah dialu-alukan oleh pegawai-pegawai Kerajaan seperti yang saya diberitahu oleh mereka. Cuma satu sahaja, sekarang Kerajaan datang ke Parlimen ini untuk meminta \$50 juta disimpan dalam Kumpulanwang Amanah ini, maka saya mintalah dalam membeli komputer dari syarikat-syarikat tertentu supaya prosedur tender mesti diikuti dengan ketat dan public accountability mestilah diamalkan.

Oleh sebab Kerajaan Persekutuan ini paling kaya dan banyak orang mahu jadi kaya cepat, mahu tahu kawan di manakah, mahu dapat tawaran seperti saham-saham Telekom atau kontraktor Telekom, siapa tahu, sebab ini \$50 juta adalah wang besar dan saya haraplah Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen boleh memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini supaya tidak ada satu monopoli syarikat komputer dalam pasaran yang paling bersaing sekarang dan boleh mengambil bahagian dalam tender ini secara saksama. Itu sahajalah. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Minta Menteri menjawab.

4.02 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat iaitu dari Kepong, Batang Lupar dan Bandar Kuching kerana memberi sokongan ke atas usaha Kerajaan bagi mengadakan skim pembiayaan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan beberapa perkara. Yang pertamanya, beliau menyatakan bahawa langkah yang diambil oleh kerajaan ini adalah langkah yang betul. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beliau walaupun berpusing-pusing sedikit, kita amat menghargai sokongan yang diberikan.

Yang keduanya, Yang Berhormat dari Kepong meminta supaya latihan sewajarnya diberikan agar mengatasi benda-benda yang tidak betul dipelajari oleh mereka yang membeli komputer. Dalam hal ini saya ingin memberi jaminan bahawa latihan akan diberikan. INTAN dan beberapa tempat lain mempunyai program-program latihan. Dalam pada itu, harus saya tekankan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang hendak dibeli ialah personal computer iaitu satu alat yang tidak begitu canggih harganya sekadar \$5,000 dan pada padangan saya adalah tidak sukar bagi seseorang pegawai itu untuk mempelajari selok-belok mengendalikan sebuah mini komputer.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bukit Bintang bangun. Hendak beri jalan atau tidak.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Sekali boleh.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa beliau sedar atau tidak ataupun beliau faham bahawa komputer-komputer yang tersebut ini dibeli daripada Advanced Personal Computer Sdn. Bhd. yang mana syarikat ini dapat saham-saham telekom daripada MAIKA Holdings. (*Ketawa*)

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tidak ada kaitan dengan apa-apa perkara yang dibincangkan sekarang. Pembangkang pun sudah bincang, sudah cakap banyak, ini tidak ada kaitan. Dia mahu beli APC, dia boleh beli. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri, saya akan buat keputusan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Standing order 36 (6).

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu.

Tuan Wee Choo Keong: Point of order .

Dato' S. Samy Vellu: Sangkaan jahat, tidak ada kaitan dengan apa yang kita bangkitkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, Yang Berhormat. Saya rasa 36 (6), sangkaan jahat itu tidak kena pada tempatnya sekarang, (*Tepuk*) sebab ini biasanya dikhususkan kepada mana-mana seorang ahli. Jadi dalam kes ini saya rasa tidak kenalah. (*Tepuk*)

(*Kepada Tuan Wee Choo Keong*). Yang Berhormat, teruskan kalau ada lain-lain soalan yang hendak dikemukakan.

Tuan Wee Choo Keong: Ya, saya hendak jelaskan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri itu. Saya rasa dia ada guilty conscience. (*Tepuk*) Keadaan dia sendiri tidak berapa tenang, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau hendak soal, soal terus.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat itu ada sangkaan jahat oleh kerana dia sebut tugas saya, guilty conscience apa? Semua yang duduk dalam DAP guilty conscience. Bukan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Dato' Menteri, saya rasa apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Bukit Bintang itu kalau sekadar meminta penjelasan, itu dibenarkan. Yang lain itu saya rasa tidak usahlah.

Sila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Bukit Bintang ingin mengambil kesempatan sedikit, saya bagi chance.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat dari Batang Lupar membangkitkan perkara mengenai keghairahan anggota-anggota awam membeli komputer. Dalam hal ini ingin saya jelaskan, memang menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan komputer dalam Kerajaan dan pegawai-pegawai juga digalakkan untuk menggunakan komputer.

Mengikut peraturan yang sedang dirangka, potongan daripada gaji untuk membeli komputer tidak boleh melebihi 60% daripada kesemua jumlah potongan seseorang pegawai itu. Oleh yang demikian, soalan sama ada seorang pegawai itu mampu ataupun tidak, seharusnya tidak berbangkit. Itu jawapan kepada soalan Yang Berhormat dari Batang Lupar.

Yang keduanya, dibangkitkan tentang penggunaan atau utilisation level, dengan izin, komputer di Sarawak, mengikut Yang Berhormat tidak digunakan sepenuhnya. Perkara ini

mungkin berlaku di satu dua tempat tetapi ingin dimaklumkan bahawa di beberapa jabatan, jelas menunjukkan bahawa penggunaan komputer telah berjaya meningkatkan tahap keefisyenan ataupun dengan izin, efficiency level seperti di Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Hasil Dalam Negeri dan beberapa jabatan lain.

Yang ketiga, Yang Berhormat Batang Lupar menganjurkan supaya diadakan program latihan. Perkara ini telahpun saya jawab semasa menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching, beliau menyokong. Terima kasih saya ucapkan, dan beliau menyatakan juga bahawa langkah ini merupakan satu langkah yang overdue. Oleh itu, maka kita hendak melaksanakan perkara ini secepat mungkin. Tetapi yang lebih penting yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching, beliau memberi ingatan kepada Kerajaan agar prosedur tender mengikut beliau diikuti dalam pembelian komputer ini.

Dalam hal ini, ingin saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa komputer ini bukan dibeli oleh Kerajaan secara mutlak kerana walaupun pada mulanya dibeli oleh Kerajaan, dari segi peraturannya pembeli itu sendiri yang pergi ke kedai untuk mendapatkan komputer dan setelah diperolehi komputer tersebut maka diberitahu kepada Ketua Jabatan yang berkenaan. Oleh yang demikian Kerajaan tidak mempunyai peranan langsung dalam pembelian personal computer untuk anggota pentadbiran ini. Oleh yang demikian, pematuhan kepada prosedur tender tidak berbangkit sama sekali kerana kebebasan diberikan kepada anggota-anggota Kerajaan bagi membeli

jenis jenama komputer mana yang mereka suka.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong, Batang Lupa dan Bandar Kuching atas sokongan yang diberikan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu,

Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah perenggan (a) Seksyen Kecil (4), Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Pindaan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baharu seperti berikut:

“Kumpulanwang Amanah Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam.”

disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut Peruntukan di bawah perenggan (a) Seksyen Kecil (4), Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Pindaan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baharu seperti berikut:

“Kumpulanwang Amanah Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam.”

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEBANKRAPAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua

4.11 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Kebankrapan (Pindaan) 1992 untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 dibaca bagi kali yang kedua.

Pindaan kepada Akta Kebankrapan 1967 adalah perlu untuk mengemas-kinikan prosedur pentadbiran kebangkrapan, mengetatkan kawalan terhadap si-bankrap serta menjaga kepentingan pemiutang. Bilangan kes kebangkrapan telah meningkat sebanyak 426% dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, dari 8,079 kes pada tahun 1982 kepada 34,485 pada tahun 1991.

Nilai harta yang terlibat dalam tempoh yang sama juga telah meningkat dari \$4.25 juta pada tahun 1982 kepada \$22.48 juta pada akhir tahun 1991 iaitu peningkatan sebanyak 528.9%.

Bagi maksud ini beberapa pindaan perlu dibuat kepada peruntukan di seksyen-seksyen 2, 3, 5, 8, 15, 17, 18, 31, 33, 38, 48, 90 dan 108 serta Jadual C kepada Akta tersebut . . .

Dato' Seri S. Samy Vellu:
(Meninggalkan Dewan) (Diganggu)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tertib Yang Berhormat yang lain.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, . . .

Dato' Seri S. Samy Vellu: (*Duduk semula*) Tuan Yang di-Pertua, mengikut Standing Order bila Yang Berhormat Menteri ada cakap dia interrupt. Adakah dalam Standing Order, seorang tidak boleh interrupt

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya sudah pesan Yang Berhormat semua kena tertib

Dato' S. Samy Vellu: Macam budak kecil. Ini budak kecil. Anak Pembangkang, budak kecil

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk ya

Dato' Seri S. Samy Vellu: Budak kecilah ini!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Dato' Menteri, sila teruskan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Apa Pembangkang tidak ada sini? Bapa

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah Yang Berhormat semua.

Dato' Seri S. Samy Vellu: I'm ready to point out. I'm ready!

Tuan Lim Kit Siang: Tunggu, tunggu!

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, (*Diganggu*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tertib! dan tanpa gangguan. Teruskan.

Seorang Ahli: Boo! Jangan lari!

Dato' S. Samy Vellu: Bodoh!

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya

tengok Pembangkang selalu bercakap berkenaan prosedur. Tolong ikut prosedur, saya tengah membaca Akta ini bagi bacaan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Akta Kebankrapan 1967 yang ada sekarang tidak menyebut dengan jelas bahawa pemiutang di dalam sesuatu kes kebangkrapan perlu menyatakan amaun yang tepat termasuk bunga yang perlu dibayar oleh penghutang penghakiman.

Bagi mengelakkan sebarang salah tafsir dan ketidakadilan adalah dicadangkan supaya Seksyen 3(1)(i) dipinda bagi menghendaki pemiutang mengira bunganya hingga ke tarikh notis kebangkrapan dikeluarkan. Pindaan kepada Seksyen 5(1)(a) bertujuan menaikkan amaun minimum hutang daripada \$2,000 kepada \$10,000 sebelum sesuatu notis kebangkrapan boleh difailkan. Amaun minimum sebanyak \$2,000 ini telah ditetapkan pada tahun 1976.

Seterusnya pindaan adalah juga dicadangkan dibuat kepada Seksyen 8 bagi memperuntukkan bahawa tiada apa-apa bunga boleh dibayar kepada pemiutang bercagar jika sekiranya pemiutang tersebut gagal menghasilkan cagarannya dalam tempoh 6 bulan dari tarikh perintah penerimaan dibuat. Rasionalnya ialah pada amalan biasa dan berdasarkan peruntukan yang sedia ada, didapati segolongan pemiutang bercagar mengambil masa yang terlalu lama untuk menghasilkan harta tersebut. Manakala bunga yang perlu dibayar oleh penghutang berterusan sehinggalah jualan dilaksanakan. Perbuatan sedemikian adalah tidak adil kepada pemiutang yang tidak bercagar dan juga kepada penghutang.

Pindaan kepada Seksyen 15 pula adalah bagi membolehkan pemiutang-pemiutang yang telah memberikan bukti hutang menyoal penghutang dalam mesyuarat pertama pemiutang dan mesyuarat-mesyuarat lain yang sedemikian.

Di bawah peruntukan yang sedia ada, mahkamah dipertanggungjawabkan memanggil mesyuarat awam bagi pemeriksaan penghutang dari segi kelakuan, urusan dan hartanya selepas sesuatu perintah penerimaan dibuat.

Oleh kerana maklumat telahpun diperolehi semasa mesyuarat pertama dipemutangan, pindaan adalah dicadangkan dibuat kepada Seksyen 17 bagi menghendaki Pegawai Pemegang Harta membuat permohonan kepada mahkamah untuk maksud pemeriksaan awam tersebut hanya apabila difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan yang sedia ada, apa-apa permohonan bagi kelulusan untuk sesuatu komposisi atau skim hendaklah dibuat dan didengar dalam mahkamah terbuka. Untuk membolehkan hakim Mahkamah Tinggi memberi tumpuan kepada perbincangan kes-kes lain yang lebih rumit, pindaan adalah dicadangkan dibuat kepada Seksyen 18 Akta Kebankrapan 1967 bagi membolehkan Pendaftar mendengar permohonan sedemikian. Peruntukan bagi perkara ini akan dibuat melalui Pekeliling Amalan oleh Hakim Besar. Sekiranya didapati sebarang kekurangan Hakim Besar boleh membatalkan Pekeliling Amalan tersebut dan permohonan itu boleh diambilalih semula oleh Hakim Mahkamah Tinggi memandangkan semua kes yang berkaitan dengan kebangkrapan dicadangkan supaya didengar oleh Pendaftar, maka cadangan adalah dibuat untuk meminda Seksyen 31(6) dan Seksyen 33(1) Akta Kebankrapan 1967 bagi maksud tersebut.

Terdapat kes-kes di mana sibankrap telah berpindah dari alamatnya yang asal tanpa memberitahu Pegawai Pemegang Harta. Keadaan ini sudah tentulah menyulitkan Pegawai Pemegang Harta untuk menghubunginya dan ini secara langsung menjejaskan pentadbiran kesnya. Oleh itu, adalah

dicadangkan supaya seksyen kecil (bb) yang baru dimasukkan di dalam Seksyen 38 yang ada sekarang bagi menghendaki sibankrap memberitahu Pegawai Pemegang Harta dengan serta-merta jika dia menukar alamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Pegawai Pemegang Harta meminta kerjasama Jabatan Imigresen untuk menahan si-bankrap daripada meninggalkan Persekutuan. Tidak terdapat sebarang peruntukan undang-undang yang membolehkan seorang Pegawai Imigresen bertindak demikian. Oleh itu pihak Imigresen terdedah kepada tindakan yang mungkin diambil oleh si-bankrap di bawah undang-undang Tort seperti penahanan salah dan sebagainya.

Justeru itu adalah dicadangkan pindaan dibuat kepada Seksyen 38 dengan mengadakan seksyen baru iaitu Seksyen 38A untuk memberi kuasa kepada seseorang Pegawai Imigresen melakukan apa-apa tindakan bagi menghalang sibankrap daripada meninggalkan Persekutuan dan juga memberi kuasa untuk merampas dan menyerahkan kepada Pegawai Pemegang Harta pasport atau dokumen perjalanan si-bankrap. Apabila seseorang itu telah dihukum bankrap semua hartanya adalah terletak kepada Pegawai Pemegang Harta kecuali perkara yang diperuntukkan di bawah Seksyen 48(1)(a)(i) dan (ii) Akta Kebankrapan 1967. Harta yang dipegang oleh si-bankrap atas amanah bagi mana-mana orang lain dan peralatan serta keperluan dirinya, isteri dan anak-anaknya yang tidak melebihi \$500 pada keseluruhannya tidaklah terletak hak kepada Pegawai Pemegang Harta.

Memandangkan bahawa kos sara hidup telah meningkat, jumlah \$500 itu adalah terlalu kecil dan tidak lagi munasabah. Oleh itu pindaan adalah dicadangkan dibuat kepada Seksyen 48 subperenggan (ii) perenggan (a) subseksyen (1) Akta Kebankrapan 1967

dengan menaikkan amaun berkenaan kepada \$500 kepada \$5,000.

Mengambil kira kuasa yang akan diberikan kepada Pendaftar untuk mendengar semua permohonan yang berkaitan dengan kebangkrapan, maka adalah dicadangkan supaya Seksyen 90 Akta Kebankrapan 1967 dipinda untuk memberi kuasa kepada Pendaftar mendengar dan memutuskan apa-apa permohonan berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh Hakim Besar. Oleh itu cadangan adalah dibuat bagi memasukkan definisi "Hakim Besar" di dalam seksyen 2.

Di samping itu, pindaan adalah dicadangkan juga dibuat kepada seksyen 108 di mana seksyen kecil 1(b) dibatalkan untuk diselaraskan dengan segala pindaan-pindaan yang melibatkan kuasa Pendaftar.

Jadual C kepada Akta Kebankrapan 1967 menyatakan prosidure bagi bukti hutang. Selaras dengan cadangan pindaan yang dibuat di atas maka adalah juga dicadangkan pindaan kepada Jadual C Akta Kebankrapan 1967 untuk menghendaki sesuatu permohonan dibuat melalui saman dalam kamar.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini telah dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkenaan. Sesungguhnya Rang Undang-undang ini apabila diluluskan kelak akan melicinkan lagi pentadbiran kebangkrapan serta memperketatkan kawalan ke atas mereka yang telah diisytiharkan bankrap demi menjaga kepentingan pemiutang serta si-bankrap itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tanjong.

4.23 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kabankrapan 1967 dan saya akan bincangkan daripada dua aspek.

Aspek pertama ialah mengenai pemimpin-pemimpin politik yang menjadi bankrap dan kedua ialah kelakuan-kelakuan pemimpin-pemimpin parti-parti politik yang membankrapkan rakyat jelata semacam MAIKA Holdings, dan saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri sekarang masuk ke dalam dan jangan lari. Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, masuk sekarang dan jangan lari.

Yang pertama, kita tahu mengenai peruntukan di dalam Fasal 4 yang bertujuan untuk meminda Seksyen 5 Akta bagi menaikkan amaun minimum hutang yang perlu seseorang penghutang berhutang, dari \$2,000 kepada \$10,000, sebelum seseorang pemiutang boleh mengemukakan petisyen kebangkrapan terhadap penghutang itu.

Pemimpin-pemimpin politik Barisan Nasional akan untung, oleh kerana sekarang, seperti Yang Berhormat Menteri ada sebut tadi iaitu mengenai angka-angka, lebih ramai orang menjadi bankrap. Dia tidak sebutkan lebih ramai pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dari UMNO, MCA dan MIC menjadi bankrap. Dengan pindaan ini akan memudahkan dan membolehkan pemimpin-pemimpin politik melakukan jenayah, penipuan, breach of trust dan

terus boleh memegang jawatan politiknya. Itulah satu hakikat daripada pindaan kepada Akta Kebankrapan ini. Bukan? Itu benar, itu benar. Oleh kerana moraliti Barisan Nasional sudah begitu rendah dan teruk sehingga mereka perlu meminda Akta Kabankrapan untuk menyelamatkan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dari kebankrapan. *(Tepuk)*

Kita tahu, orang-orang bankrap masih boleh mendapat layanan istimewa. Adakah Yang Berhormat Menteri tidak tahu? Adakah Akta ini hanya untuk segolongan orang yang tidak ada hubung-kait (connection) dengan mereka yang berkuasa di dalam politik? Tetapi untuk mereka yang berada di pusat corridors of power, sungguhpun mereka bankrap, tetapi mereka mendapat layanan yang istimewa dan bukan sahaja mereka dapat pergi ke mana-mana di seluruh dunia, tetapi naik kapalterbang dengan tiket first class. Adakah Yang Berhormat Menteri tidak tahu itu? Dia tahu. Saya percaya Yang Berhormat Menteri bukan dia tidak tahu, tetapi dia jumpa si bankrap-bankrap itu di dalam kapalterbang di tempat first class bila pergi ke luar negeri to wine and to dine, bukan? Tetapi datang ke sini dan kata, "ooh! Kita mahu ketatkan, kita mahu pindahan", tetapi bila jumpa si bankrap di tempat first class di dalam kapalterbang—kawan baik.

Semua Menteri-menteri serta Timbalan Menteri-Timbalan Menteri sudah ada jumpa, wine and dine di tempat first class dengan sibankrap-sibankrap di dalam Barisan Nasional. Inilah morality! Kalau mahu saya sebut nama, saya boleh sebut nama. Mahu? Tidak mahulah. Kalau mahu, saya boleh sebut *(Disampuk)*. Tidak mahulah. *(Disampuk)* Sebenarnya kalau kita mahu timbang perkara ini, angka \$2,000 itu sepatutnya dilihat pada keseluruhannya. Kenapa ada \$2,000? Bukan ini diadakan dalam Akta Kebankrapan sahaja. Orang-orang yang kena denda \$2,000 lebih dan lain-lain dalam apa-apa kesalahan,

sungguhpun tidak ada membayangkan moral turpitude, tetapi mungkin political repression, political discrimination, mereka mungkin hilang kelayakan untuk menjadi wakil rakyat, untuk dipilih, untuk undi pun. Kalau \$2,000 sekarang patut dipinda supaya pemimpin-pemimpin Barisan Nasional boleh lebih bankrap daripada segi kewangan sebelum daripada segi undang-undang menjadikan orang bankrap, patutlah \$2,000 itu dikaji pada keseluruhannya, sama ada patut dikekalkan undang-undang di mana mereka yang bersabit kesalahannya dan di denda \$2,000 atas kesalahan-kesalahan yang seperti saya katakan tidak ada bersangkutan-paut dengan korupsi, pecah amanah, moral turpitude, tetapi mungkin diskriminasi politik seperti katalah tidak ada permit untuk assembly—sungguhpun kita tahu Menteri-menteri selalu ada unlawfull assemblies - semua itu patut dikaji dan dipinda. Itu yang pertama.

Kedua, apabila kita ada pindaan kepada Akta Kebankrapan, kita perlu mengkaji dan menimbang masalah-masalah sosial, ekonomi dan politik yang mengakibatkan dan menyebabkan orang menjadi bankrap. Tidak guna ada undang-undang untuk Kebankrapan kalau kita tidak ambil kira perkara yang lebih pokok ini, semacam tindakan-tindakan pucuk pimpinan MIC yang menyebabkan begitu ramai pemegang-pemegang saham MAIKA menghadapi masalah-masalah kewangan sehingga menghadapi masalah-masalah kebankrapan. Nampaknya Yang Berhormat Menteri dan President MIC takut masuk, takut. Dia tahu, saya sudah sampai kepada perkara yang beliau pura-pura kata, dia mahu duduk, berani tunggu, tetapi bila sampai, dia lari. *(Ketawa)*

Ini dia lari ada sebab, oleh kerana apa beliau buat, apa Presiden MIC buat, apa pemimpin-pemimpin MIC buat dalam perkara skandal saham-saham Telekom-MAIKA Holdings, hijacking 9 juta saham itu, satu criminal act, satu criminal breach of trust, tindakan

jenayah yang dilakukan oleh Menteri Kabinet, dilakukan oleh Presiden MIC, criminal action with a criminal mind. Ask the criminal to come in. (*Tepuk*) Inilah satu perkara yang menyebabkan begitu ramai pemegang-pemegang

(Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu) memasuki Dewan)

Oh! The criminal has come, good. You have no choice but to come back now! You have no choice but to come back now!

Dato' Seri S. Samy Vellu: I will fight with you, don't worry. I will fight.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu fight with you but I want to fight bagi pihak 66,000 pemegang saham MAIKA, (*Diganggu*) yang dianiayai oleh Yang Berhormat Menteri, yang dianiayai oleh Presiden MIC.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Mana ada 66,000? Itupun tidak tahu, bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Dato' Menteri, sabar. Ketua Pembangkang teruskan ucapan yang bersabit dengan Rang Undang-undang.

Tuan Lim Kit Siang: Ini bersabit dengan Rang Undang-undang, keadaan yang menyebabkan masalah-masalah kebangkrapan yang dihadapi oleh rakyat jelata.

Dato' Seri S. Samy Vellu: (*Bangun*)

Seorang Ahli: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat bangun atas apa?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini, yang sedang kita

bincangkan, mana ada satu pihak (*Diganggu*) berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Takut! Kenapa begitu takut?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat Dato' Menteri bangkitkan point of order, Ketua Pembangkang boleh duduk sebentar. Ada point of order yang hendak dibangkitkan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Point of order yang beberapa Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Takutlah

Dato' Seri S. Samy Vellu: 36(6). Sangkaan jahat dan tidak ada berkaitan dengan perbincangan yang berlaku sekarang. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, sangkaan jahat itu 36(6). Dan yang keduanya, terpesong ataupun terkeluar daripada tajuk 36(1). Jadi, ada dua.

Beberapa Ahli DAP: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Janganlah Ahli-ahli Yang Berhormat di sini riuh-rendah sangat. Jadi, saya minta Yang Berhormat Ketua Pembangkang balik kepada tajuk dan cuba dengan seboleh-bolehnya tidak melibatkan individu. Dan saya rasa kita semua di sini cukup matang bila kita berbahas dan berhujuh. Sila teruskan.

Seorang Ahli: Kita tahulah.

Tuan Lim Kit Siang: Satu skandal \$71 juta, begitu consequent kepada begitu ramai berribu-ribu orang

Dato' Seri S. Samy Vellu: Standing Order 36(1). (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis lagi

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ahli Yang Berhormat membincangkan keluar daripada apa yang kita bincangkan dalam Dewan ini, tidak ada kaitan dengan Bil yang kita bincangkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik. Saya telah buat keputusan (ruling). Saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Tanjong balik kepada tajuk. Rang Undang-undang yang kita bincangkan sekarang ini bersabit dengan kebankrapan, dan saya rasa apa yang dibangkitkan tadi mungkin terkeluar.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak terkeluar. Apa saya sebut ialah mengenai masalah yang mengakibatkan masalah kebankrapan

Dato' Seri S. Samy Vellu: (*Menyampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Jangan takutlah, if you want to fight, is this the way to fight, by running away

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu. Dan saya rasa keputusan itu bukan datang dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, tetapi keputusan itu dari kerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan paksa saya keluarkan hal ehwal korupsi MCA.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu terpulang kepada Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Yang mengakibatkan kebankrapan kepada begitu ramai orang rakyat jelata.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cakap apa yang wajar bersabit dengan Rang Undang-undang dan tiada sesiapa yang berhak mengeluarkan kata-kata ugutan. Yang Berhormat, ambil perhatian. Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau ugutan perlu dibuat, akan dibuat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tetapi akibatnya kena ditanggung oleh sesiapa yang berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Terhadap sesiapa yang perlu tanggung, perlu tanggung.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cakap terus.

Tuan Lim Kit Siang: Inilah perkara yang mustahak. Tidak guna kita bincang Akta Kebankrapan, kalau kita tidak mahu fikir masalah yang menimbulkan masalah kebankrapan semacam tindakan jenayah Yang Berhormat Menteri. (*Tepuk*)

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, dalam point of order, perkara yang dibincangkan di dalam Dewan ini tidak ada kaitan dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. (*Disampuk*)

Yang kedua—dalam point of order—(*Disampuk*) Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, dia bincang sebagai seorang bodoh, sebagai seorang bodoh, (*Disampuk*) (*Sorak*) oleh kerana perkara ini sudah ada dalam siasatan ACA, dia bukan ACA.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukup jelas—maksud Yang Berhormat Dato' Menteri cukup jelas. Saya telah buat keputusan dan saya rasa sesiapa kalau hendak mencelah, kena minta keizinan dahulu. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, sila ambil perhatian, balik

kepada tajuk. Sekiranya tidak, saya terpaksa memberhentikan ucapan Yang Berhormat mengikut 44(1).

Tuan Lim Kit Siang: Masalah kebangkrapan yang dihadapi oleh pemegang-pemegang saham MAIKA 100% kena-mengena dengan Akta ini. *(Tepuk)*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu Yang Berhormat. Saya telah buat keputusan dan saya rasa Ketua Pembangkang baru sahaja berucap. *(Diganggu)* Yang Berhormat, sabar! Sampai masanya saya akan buat keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam perbahasan kita, kita perlu bincang keadaan-keadaan, kes-kes di mana kebangkrapan boleh berlaku semacam skandal saham Telekom-MAIKA Holdings—\$71 juta, di mana Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Standing Order 36(1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak hormat kepada Tuan Yang di-Pertua dan arahan Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Tuan Yang di-Pertua beri arahan kepada Ahli itu untuk mengikut Standing Orders.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat Dato' Menteri, saya rasa telah cukuplah. Apa yang saya sarankan tadi cukup jelas. Sekiranya Yang Berhormat dari Tanjong hendak membangkitkan apa yang dicakapkan itu tadi, saya rasa ada peluang dan gelanggangnya. Sekarang ini Rang Undang-undang ini saya rasa tidak ada kena-mengena

langsung dengan apa yang diungkit-ungkitkan itu. *(Diganggu)* Dan saya rasa Ahli Yang Berhormat kalau terus bersikap degil, saya terpaksa memberhentikan Yang Berhormat berucap mengenai Rang Undang-undang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bincang mengenai masalah kebangkrapan. Adakah masalah kebangkrapan yang akan dihadapi oleh pemegang-pemegang saham, satu perkara yang kita tidak mahu, tidak boleh sebut, tidak boleh bincang, adakah itu kelas yang terendah

Dato' Seri S. Samy Vellu: *(Menyampuk)*

Tuan Lim Kit Siang: Mereka sudah menjadi 'untouchables' di tanahair kita. Tidak! Mereka pun rakyat Malaysia, mereka pun ada hak dan kita pun perlu menjaga kepentingan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau terus

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tidak hormat manusia.

Tuan Lim Kit Siang: MIC takut samseng. Apa yang berlaku semalam samseng

Dato' Seri S. Samy Vellu: Nasib baik you tidak mari semalam. *(Disampuk)* Kalau you mari semalam, you kena. *(Sorak)*

Seorang Ahli: *(Menyampuk)*

Dato' Seri S. Samy Vellu: You ingat orang MIC bodoh? *(Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukup.

Dato' Seri S. Samy Vellu: *(Menyampuk)*

Tuan Lim Kit Siang: Kalau berani, dengar dan jawab.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, 36(1)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa peluang yang cukup, masa yang cukup, telahpun diberi kepada kedua-dua pihak, dan saya rasa

Tuan Lim Kit Siang: Saya hold the floor. Yang Berhormat Menteri ganggu saya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tohmahan-tohmahan dari DAP ini tidak ada bukti.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Dato' Menteri, bertenang.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa dia ganggu saya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bertenang, dan sekiranya hendak membangkitkan point of order, ikutlah peraturan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, point of order 36(1).

Tuan Lim Kit Siang: Kalu dia bangun, saya bagi.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya sudah bangun. Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang kita bincang sekarang ialah berkenaan dengan Akta Kebankrapan. Dan juga Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah menuduh beberapa kali tohmahan-tohmahan itu tidak ada apa-apa

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya faham itu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: No evidence! No evidence! Yes. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah, Yang Berhormat. Kalaulah hendak membangkitkan isu MAIKA Holdings itu, saya rasa sekarang bukan masanya. Ada gelanggang yang lain. Dan Yang Berhormat dari Tanjong, saya telah beri kata dua dan saya rasa Yang Berhormat, silalah balik kepada tajuk. Dan kalaulah hendak bincangkan MAIKA Holdings itu bukan sekarang. Cukup jelas, itu terpulang.

Tuan Lim Kit Siang: Kita faham bahawa skandal di negara kita bukan MIC sahaja, MCA pun banyak (*Ketawa*) MIC pun banyak, lebih dahsyat daripada MAIKA Holdings scandal

Dato' Seri S. Samy Vellu: 36(1)
. . . .

Tuan Lim Kit Siang: dan kita tahu kenapa mahu jaga masing-masing

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tanjong, nanti sekejap. Point of order lagi

Dato' Seri S. Samy Vellu: Point of order 36(1)

Tuan Lim Kit Siang: 36(1), boleh!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk, sebentar ya!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Dewan yang mulia ini sedang berbincang berkenaan dengan Akta Kebankrapan, bukan berkenaan dengan skandal!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya minta tindakan daripada Yang Berhormat Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik. Saya terpaksa menggunakan kuasa yang diberi di bawah Peraturan Mesyuarat 44(1)

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk dahulu, saya buat keputusan, faham?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya terpaksa memberhentikan Yang Berhormat Tanjong daripada berucap

Ahli-ahli DAP: (*Sorak*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya terpaksa

Ahli-ahli DAP: (*Menyampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Setiausaha Pemuda MCA ha, mahu tutup skandal MIC

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukup!

Tuan Lim Kit Siang: oleh kerana saya mahu sebut skandal MCA

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukup!

Tuan Lim Kit Siang: Itulah takut. Sebab itu MCA mahu jaga MIC oleh kerana sama-sama korup

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Sama-sama korup, bukan? Sebab itu takut

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nada yang tinggi tak dapat menyelamatkan Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: korup sahaja tak cukup. Mewakili parti yang begitu korup sehingga mahu jaga Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: criminal action Presiden MIC

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: dengan samseng-samseng semalam yang hentam dan pukul wanita-wanita

Ahli-ahli DAP: (*Sorak*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tanjong!

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Ahli-ahli DAP: Samseng! Korup!

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tanjong terus bersikap liar (*Diganggu*)

Tuan Lim Kit Siang: Oh, bersikap liar bias!

Ahli-ahli DAP: Bias! bias! bias!

Seorang Ahli DAP: Turun daripada Kerusi!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): dan saya rasa saya kena menyebut nama Yang Berhormat Tanjong (*Diganggu*)

prosedur, saya mencadangkan supaya kita menangguhkan Dewan ini selama 20 minit untuk menentukan Ahli Yang Berhormat berkenaan keluar.

Ahli-ahli DAP: Turun! Turun! Turun! Turun! Turun! Turun!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat sekalian, dengan ini memandangkan keadaan kacau-bilau yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong serta Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP, saya terpaksa menempohkan Majlis Mesyuarat selama 15 minit. *(Sorak)*

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.46 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.07 petang

(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Mesyuarat)

Ahli-ahli DAP: *(Sorak) (Boo!)*

Tuan Lim Kit Siang: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat nanti dahulu!

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis, bolehkah saya sambung ucapan saya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat nanti dahulu, sebab tadi terganggu, sebentar. *(Sorak)*

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat Menteri ada sesuatu?

USUL

PENGGANTUNGAN KERJA Y.B. TUAN LIM KIT SIANG SEBAGAI AHLI MAJLIS

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Standing Order 44(2), oleh kerana *(Diganggu)*

Tuan Lim Kit Siang: Ucapan saya belum habis

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua

Beberapa Ahli: *(Menyampuk) (Sorak)*

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: oleh kerana sudah berlaku haru-biru *(Disampuk)* oleh itu *(Disampuk)* menurut Peraturan Mesyuarat 44(2) oleh kerana haru-biru telah berlaku, maka saya suka mencadangkan di bawah 44(3) *(Sorak) (Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sokongan?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti saya bacakan Usul yang saya hendak bawa. Saya cadangkan: *(Diganggu) (Sorak)* Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 44(3) Tuan Lim Kit Siang digantung kerja sebagai Ahli Majlis selama tempoh Persidangan Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. *(Diganggu)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dua orang. Siapa lagi.

Ahli-ahli DAP: (*Mengganggu*) Turun! Turun! Turun! Turun! Turun!

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Ting Chew Peh): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. (*Sorak*)

Ahli-ahli DAP: (*Mengganggu*) Turun! Turun! Turun! Turun! Turun! Turun!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian (*Sorak*) bersabit dengan Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri mengikut Peraturan Mesyuarat 44(3), (*Sorak*) saya dengan ini mengemukakan Usul ini untuk diputuskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. (*Sorak*)

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui,

Diputuskan,

Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 44(3) Tuan Lim Kit Siang digantung kerja sebagai Ahli Majlis selama tempoh Persidangan ini.

Ahli-ahli DAP: (*Mengganggu*) (*Sorak*) Turun! Turun! Turun! Turun! Turun!

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dan memandangkan keadaan kacau-bilau yang terus dibangkitkan oleh sesetengah Ahli Yang Berhormat, saya terpaksa menggunakan kuasa saya untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat pada hari ini hingga Selasa depan, pukul 2.30 petang. (*Sorak*) (*Boo!*)

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.10 petang.